

DN.18.12.2000

**[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]**

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 18 Disember 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada  
Dewan Negara**

“14 Disember 2000.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2000;
2. Rang Undang-undang Pengangkutan (Pindaan) 2000;
3. Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2000;
4. Rang Undang-undang Akauntan (Pindaan) 2000;
5. Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga 2000;
6. Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000; dan

7. Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2000;

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

#### **URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah pencapaian UPSR yang mendapat 5A bagi tahun 2000 dan seramai manakah pelajar berkenaan dapat ditempatkan di sekolah asrama penuh kerajaan serta apakah tindakan kerajaan bagi baki pelajar yang tidak dapat ditempatkan di sekolah asrama penuh berkenaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Rosli. Pada tahun 2000 sejumlah 349,826 murid dari sekolah kebangsaan telah menduduki peperiksaan UPSR. Seramai 18,742 ataupun 5.4% daripada mereka telah memperolehi 5A. Seramai 4,700 murid akan ditempatkan di 39 buah sekolah berasrama penuh. Bagi murid yang tidak dapat ditempatkan di sekolah berasrama penuh, mereka akan meneruskan persekolahan peringkat menengah di sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang lain. Antaranya ialah;

- (i) sekolah menengah kebangsaan Agama
- (ii) sekolah-sekolah terkawal;

- (iii) Maktab Rendah Sains MARA;
- (iv) Sekolah menengah harian biasa.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya, kita rakamkan tahniah di atas pencapaian kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan. Bolehkah kerajaan memberi penjelasan sejauh manakah sebenarnya kos untuk membiayai keseluruhannya dari segi pengurusan dan sebagainya kepada seorang pelajar untuk mencapai ke tahap UPSR daripada Darjah Satu sampai kepada peringkat UPSR. Kemudian, sejauh manakah pencapaian pelajar-pelajar Melayu sekiranya sistem kerajaan sekarang ini tidak dijalankan secara percuma. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Tuan Haji Rosli. Soalan ini memerlukan kajian yang terperinci. Oleh sebab itu saya tidak akan berani mengemukakan jawapan secara *off hand*. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa berwaspada dan berhati-hati terhadap penyusunan dari struktur pendidikan pelajaran negara kita, dan kita akan pastikan bahawa setiap murid yang masuk ke sekolah kerajaan akan dipenuhi hasrat mereka supaya cita-cita untuk membangunkan negara melalui pelajaran akan terus dibela. Terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita maklum bahawa permintaan untuk masuk ke sekolah menengah agama Persekutuan ini mendapat sambutan yang begitu baik di kalangan para ibu bapa. Maklumat daripada sekolah menengah kerajaan negeri hanya dapat menampung 30% daripada permintaan. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk menambah lagi sekolah menengah agama Persekutuan ini di tiap-tiap negeri?

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang kerajaan bercadang untuk menambah atas kebaikan. Walau bagaimanapun, sebelum kita berkembang kita harus memikirkan struktur fizikal yang akan diwujudkan, iaitu tanah dan juga bangunan-bangunan yang hendak dibina. Selain daripada itu, yang paling penting ialah tenaga pengajar. Tenaga pengajar bukan boleh datang tiba-tiba. Kita mesti bersedia dengan tenaga pengajar atau guru-guru yang

akan mengajar anak-anak ini. Insya-Allah, apa yang dihasratkan akan terlaksana. Terima kasih.

2. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian berhubung kes 164 orang juvana yang direman di penjara seluruh negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia telah menerima statistik dari Jabatan Penjara Malaysia di mana hanya terdapat 122 kes reman juvana di dalam penjara di seluruh negara. Dari jumlah ini hanya 53 kes sahaja sehingga 1 Oktober 2000 yang telah dikenal pasti sesuai untuk dipindahkan ke tempat tahanan juvana di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kes reman yang tidak dapat dipindahkan dikategorikan sebagai kes-kes yang melakukan kesalahan berat seperti membunuh, senjata api, merogol, mengedar dadah, kes imigresen dan lain-lain. Walau bagaimanapun, pemindahan kes reman juvana ke institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak dapat dibuat sekali gus kerana pemindahan tersebut memerlukan juvana dari penjara dibawa semula oleh pihak polis ke mahkamah asal, pelbagai mahkamah daerah untuk mendapat perintah pemindahan. Jawatankuasa Tahanan Reman Juvana di Penjara di peringkat Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan negeri telah ditubuhkan untuk memantau kes-kes reman juvana di penjara. Tindakan selanjutnya telah diambil sebagaimana berikut.

Bagi menampung bilangan kes-kes yang akan dipindahkan ke tempat-tempat tahanan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, sebanyak lima buah lagi sekolah Tunas Bakti telah diwartakan sebagai tempat tahanan pada 25 Oktober 2000. Ini menjadikan jumlah tempat tahanan yang diwartakan sebanyak 20 buah. Keperluan peralatan di tempat-tempat tahanan seperti katil, tilam, bantal, alas tilam dan sarung bantal telah dibekalkan kepada semua institusi tempat tahanan reman. Semua tempat tahanan telah pun mengambil tindakan untuk melantik pengawal keselamatan swasta bermula pada bulan November 2000 bagi meningkatkan kawalan keselamatan di semua tempat tahanan. Setakat ini hanya tinggal 21 kes reman juvana yang belum

dipindahkan ke institusi Kebajikan daripada 23 kes itu. Pemindahan kes reman juvana ke institusi kebajikan tidak dapat dilakukan sekali gus kerana perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak mahkamah dan semua pengarah Kebajikan Masyarakat negeri telah dihubungi untuk mengambil tindakan susulan mengenai kes tahanan reman juvana di penjara. Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan rumah-rumah reman, adakah kementerian bercadang untuk membenarkan pihak swasta mengendalikan rumah-rumah tersebut supaya kes-kes juvana ini tak perlulah diletakkan dalam penjara dan boleh cepat dihantar ke rumah-rumah tersebut memandangkan pada ketika ini ada kekurangan rumah-rumah tersebut. Jadi, kalau pihak swasta itu dibenar menganjurkan atau membuka rumah-rumah tersebut mungkin itu adalah satu cadangan yang boleh mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengikut prosedur apabila kita membawa remaja yang ada bermasalah. Prosedur itu seperti saya katakan tadi pihak polis perlu membawa remaja ke mahkamah dan mahkamah akan menentukan jika kes-kes serius mereka terpaksa ditahan di penjara. Kes-kes yang tidak serius diserahkan kepada pegawai kebajikan. Kita ada tempat yang mencukupi, kita ada ruangan yang mencukupi. Hanya masalahnya apabila diarahkan oleh mahkamah baru kita boleh tempatkan kanak-kanak yang ada masalah itu di rumah-rumah di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat supaya diletak di tempat-tempat lain dari swasta juga diambil kira jika tidak mencukupi tempat. Setakat ini kita tidak ada menghadapi masalah berkaitan dengan itu. Terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita maklum bahawa kes-kes juvana di negara kita ini semakin hari semakin meningkat. Adakah kementerian bercadang untuk mengambil langkah proaktif, mengadakan jawatankuasa kaunseling di mana di tempat-tempat atau kawasan-kawasan yang cenderung kepada kes-kes juvana ini. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian saya sedar tentang masalah ini, dan kerana itu juga kita telah menubuhkan pusat aktiviti

kanak-kanak. Kita ada lebih kurang 80 pusat di daerah-daerah untuk menentukan kanak-kanak di bawah 18 tahun di kawasan-kawasan yang bermasalah atau berisiko tinggi supaya mereka menjadi ahli-ahli dalam pusat aktiviti kanak-kanak dan pelbagai aktiviti dirancang supaya kita dapat mengatasi masalah sosial yang dihadapi oleh remaja kita. Kementerian saya juga melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

Mengadakan beberapa aktiviti khasnya bagi aktiviti Jiran Muda dan lain-lain supaya kita dapat menangani masalah sosial.

Di bawah Akta Kanak-kanak yang saya harap hari ini yang kita akan bentangkan dalam Dewan yang mulia ini, di bawah akta itu kita ada tempat khas di mana kita akan dapat lebih kurang 44 kaunselor baru untuk ditempatkan di seluruh negara untuk menjadi kaunselor kepada tempat-tempat perlindungan dan juga kepada pusat aktiviti kanak-kanak supaya mereka boleh memberi kaunseling kepada anak-anak bermasalah itu.

3. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Menteri Kewangan menyatakan senarai projek penswastaan yang perlu diambil alih semula oleh kerajaan kerana tidak berjaya dilaksanakan oleh syarikat.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun ada projek yang menghadapi masalah kewangan tetapi kerajaan tidak berhasrat untuk mengambil alih projek tersebut. Kerajaan lebih cenderung untuk menyusun semula struktur kewangan syarikat untuk menjadikan lebih berdaya maju.

**Dato' Poo Yew Choy:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan banyak projek penswastaan tidak berjaya dilaksanakan, rakyat dan kerajaan mengalami banyak kerugian, adakah pihak kerajaan mengkaji semula projek penswastaan itu dilanjutkan pada masa depan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Projek penswastaan yang dikatakan diambil alih kerajaan, saya bagi satu contoh, katakan projek IWK (Indah Water Konsortium) dan projek ini kerajaan telah menandatangani dua perjanjian pinjaman dengan Indah Water Konsortium bagi membiayai pembinaan loji pembersihan termasuk sewerage treatment plan, pump

station, man force dan 'steward trans'. Peningkatan pembaikpulih loji-loji yang sedia ada. Perjanjian pertama bagi pinjaman berjumlah RM475 juta telah ditandatangani pada 15 Jun 1995. Bagi pinjaman kedua ialah berjumlah RM450 juta tersebut yang perjanjian telah dimeterai pada 17 November 1997. Dan kedudukan pengeluaran dan baki kedua-dua pinjaman tersebut telah pun diisytiharkan. Dalam peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM430,514,000 dan perbelanjaan setakat Rancangan Malaysia Ketujuh RM297,905,292 dan baki ialah sebanyak RM139,608,708.

Kalau dilihat pada permulaannya projek ini, kita hendak membuat projek ini secara komprehensif. Jadi, tidak seperti yang berlaku dahulu di mana kita ambil satu sahaja majlis daerah ataupun Lembaga Bandaraya. Tetapi malangnya projek yang besar seperti ini kita tidak mempunyai data yang telah komprehensif. Oleh kerana itu kebanyakannya yang diberikan data-data kepada kita merupakan data-data yang tidak cukup. Oleh kerana itu, data ini sangat kebelakangan daripada apa yang hendak kita jalankan.

Yang keduanya, masalah yang kita hadapi seperti mana yang saya katakan dahulu bahawa kalaulah misalnya telefon apabila orang tak bayar kita akan potong. Begitu juga dengan elektrik kalau tak bayar kita potong. Tetapi IWK ini di bawah tanah kalau tak bayar kita susah. Cuma saya bincangkan dengan ..... baru-baru ini dahulu bahawa kalau kita buat satu advertisement yang mengerikan, yang menakutkan. Katakan Yang Berhormat bangun pagi buka sahaja bilik air, nampak ulat sudah naik sampai ke tepi katil. Jadi, ini sangat menakutkan baru orang hendak membayar benda yang tak dilihatnya. Oleh kerana itu, kita berharap supaya ada *mind shift* di antara pengguna-pengguna ini supaya mereka dapat membayar dan kita akan terus memberikan perkhidmatan kita.

Jadi, apa yang kita buat ialah kita ambil alih aset tetapi perjalanannya masih lagi dibuat oleh pihak swasta. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita banyak mendengar cerita syarikat penerbangan MAS yang pemegang saham terbesarnya yang diberi kepada kerajaan harga RM8 satu saham dahulu, hendak menjual balik saham-sahamnya dan saya difahamkan

berkemungkinan besar pihak kerajaan mungkin mengambil alih saham-saham ini kalau sekiranya tidak ada pihak lain yang hendak membelinya.

Saya ingin mengetahui dari pihak kerajaan, apakah proses pengambilalihan ini tahap mana sudah sampai dan kalau ianya dibuat, adakah satu, mohon izin, *due diligence* dibuat terhadap syarikat ini memandangkan banyak perkara-perkara yang berlaku dalam syarikat MAS ini yang kemungkinan orang luar tak tahu, yang boleh merugikan kerajaan kalau sekiranya kita terpaksa membeli balik dengan harga RM8 sesaham atau dengan apa sahaja harga. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Mengenai MAS ini menjadikan perbualan yang hangat dijalankan. Banyak spekulasi yang sedang dibuat dan apa yang kita harap bahawa kita akan dapat, apa yang dikatakan satu *strategic alliance*, kalau dalam penerbangan di seluruh dunia, ia ada lima kumpulan, jadi kita kena masuk di bawah satu daripada lima kumpulan itu.

Yang keduanya, mengenai *due diligence* akan dibuat tetapi natijahnya belum dapat kita putuskan lagi dan juga *strategic alliance* pun tak dapat kita lakukan kerana kita rasakan ini akan menjejaskan KLSE nanti. Terima kasih.

**4. Tuan Abdillah bin Abdul Rahim [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah projek pembinaan Sekolah Rendah Kerajaan Malawa, Telipok dapat dimulakan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, projek Sekolah Rendah Malawa, Telipok, Sabah akan dimulakan pembinaannya selewat-lewatnya pada tahun 2001. Pada masa ini projek tersebut dalam proses penyediaan dokumen dan tender. Terima kasih.

**5. To' Puan Wan Asiah binti Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan tentang Mahkamah Keluarga Sepadu Sivil dan Syariah yang dirancangan dan nyatakan bila ianya akan dilaksanakan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Keluarga seperti yang dicadangkan adalah masih dalam

peringkat kajian. Ianya akan ditubuhkan setelah kajian tersebut selesai. Pada masa ini tiada rancangan untuk menggabungkan kedua-dua Mahkamah Sivil dan Syariah kecuali dalam konteks gunasama kemudahan. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, memandangkan jumlah kes-kes bersangkut paut dengan syariah telah banyak kita dapati belum selesai, saya ingin mengetahui apakah rancangan kerajaan untuk hendak menambah Mahkamah-mahkamah Syariah dan juga pegawai-pegawainya. Saya hendak tahu nisbah antara kes yang belum selesai dengan mahkamah yang ada sekarang dan penyelesaian dengan mewujudkan banyak lagi mahkamah-mahkamah di seluruh negara. Terima kasih.

**Dato' Dr. Rais bin Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, fakta pertama ialah bahawa pentadbiran Mahkamah Syariah berada di bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing. Kerajaan Persekutuan hanya menguatkuasakan undang-undang pentadbiran berkaitan Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan atau di kawasan-kawasan Wilayah Persekutuan. Fakta ini perlu dikaitkan dengan kemampuan serta bidang tugas yang ada di bawah Perlembagaan serta bidang tugas kerajaan negeri.

Dalam mesyuarat-mesyuarat khusus yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri yang diwakili oleh sahabat sejawatan saya Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, maka beberapa tindakan telah pun dibuat dan penyelarasan diadakan. Salah satu daripadanya ialah mengadakan tinjauan fakta berkaitan dengan kemampuan kerajaan negeri mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada kerajaan negeri tidak berkemampuan untuk mengadakan infrastruktur dalam tempoh yang singkat. Walau bagaimanapun, dalam kajian Rancangan Malaysia Kelapan, beberapa program akan disusun supaya koordinasi program-program di seluruh negara diadakan dan inilah salah satu daripada perancangan di mana mahkamah keluarga bakal diadakan.

Berkaitan tambahan pegawai, ini juga akan dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkaitan tetapi bagi Kerajaan Persekutuan khususnya permohonan ini lebih mudah diadakan dari pihak kerajaan negeri.

**6. Puan Hajah Che Jam binti Haron** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan nilai sebenar pelaburan terus (FDI) dari negara luar masuk ke Malaysia bagi tahun 1997, 1998 dan 1999. Sila beri butiran lanjut berkenaan negara-negara yang melabur dan jumlah pelaburan dalam Ringgit Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop yang perlu dijawab pada 20 Disember kerana kedua-dua soalan ini berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan modal pelaburan dalam projek-projek perkilangan yang telah diluluskan setiap tahun daripada tahun 1995 hingga Oktober tahun ini adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Pelaburan Asing (Bilion)</b>	<b>Pelaburan Tempatan (Bilion)</b>	<b>Jumlah Pelaburan (Bilion)</b>
1995	RM 9.1	RM11.7	RM20.8
1996	RM17.1	RM17.2	RM34.3
1997	RM11.5	RM14.3	RM25.8
1998	RM13.1	RM13.3	RM26.4
1999	RM12.3	RM 4.7	RM17
2000(Jan-Okt)	RM10.4	RM11.2	RM21.6
<b>JUMLAH</b>	<b>RM73.4</b>	<b>RM72.5</b>	<b>RM145.9</b>

Tuan Yang di-Pertua, krisis ekonomi yang melanda rantau ini pada tahun 1997 tidak mengakibatkan penurunan pelaburan asing yang drastik, bahkan jumlah pelaburan bagi tempoh 1996 hingga 1999 telah melebihi sasaran IMP2 sebanyak purata RM25 bilion setahun.

Walaupun jumlah keseluruhan pelaburan dalam tahun 1999 telah berkurangan, namun Malaysia masih merupakan destinasi yang menarik bagi pelabur asing. Jumlah pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 1999 ialah RM12.3 bilion berbanding dengan RM13.1 bilion pada tahun 1998.

Jumlah modal pelaburan projek perkilangan dalam tahun 1999 adalah kecil disebabkan oleh berkurangnya pelaburan tempatan pada RM4.7 bilion ekoran krisis ekonomi. Walau bagaimanapun, dengan pemulihan ekonomi, jumlah pelaburan tempatan telah meningkat semula kepada RM11.2 bilion dalam tempoh Januari hingga Oktober tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara pelabur utama serta jumlah modal pelaburan asing dari negara-negara ini dalam projek perkilangan yang diluluskan dari tempoh tahun 1997 hingga 1999 adalah seperti berikut:-

<b>Negara</b>	<b>Jumlah</b>
Amerika Syarikat	- RM14 bilion
Jepun	- RM5 bilion
Singapura	- RM3.2 bilion
Taiwan	- RM2.6 bilion
Germany	- RM2.2 bilion.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita memang menyanjung tinggi usaha kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur asing melaburkan modal mereka di negara kita, dengan ini ianya akan dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa lamakah pegawai dagang (expatriate) ini yang digaji oleh pelabur-pelabur asing tinggal dalam negara kita. Soalan pertama.

Dan tambahan pula saya ingin tahu, berapakah jumlah sesebuah syarikat yang membolehkan mereka membawa masuk expatriate officer, dengan izin, pegawai dagang untuk bekerja dalam negara kita.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya ada satu kriteria untuk meluluskan bilangan expatriate yang dibenarkan untuk bekerja sementara di Malaysia dan kriteria termasuk ekuiti pelaburan yang diambil dan pelaburan asing yang dicadangkan oleh pihak-pihak pelabur asing dan juga sama ada kita ada kepakaran dalam bidang-bidang expatriate yang dipohon itu.

Jadi, walau bagaimanapun, apa-apa yang diluluskan cuma merupakan tempoh sementara untuk mereka bekerja di sini sahaja. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucap tahniah pihak kementerian kerana memberi angka-angka yang begitu menarik tadi dari tahun ke tahun. Yang ingin saya tanya sebagai soalan tambahan ialah apakah sasaran pihak kerajaan dari segi FDI ini dalam jangka masa lima tahun yang akan datang dan bagaimanakah kita menangani usaha-usaha pihak tertentu untuk menawan hati pelabur-pelabur luar asing supaya tidak datang melabur di sini dan bagaimana kita menangani masalah ini dengan lebih berkesan. Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, sasaran yang ditetapkan dalam IMP-2 ialah RM25 bilion dan pada setakat ini kita telah melebihi daripada sasaran tersebut. Pada tahun-tahun yang akan datang, kita akan cuba memperbanyakkan lagi pelaburan asing yang kita harap menarik. Kerajaan telah pun mengadakan mengambil pelbagai langkah untuk memperbanyakkan pelaburan asing termasuk memperbanyakkan misi penggalakan perdagangan dan pelaburan, mengadakan seminar dengan pelabur-pelabur asing yang sudah pun beroperasi di negara kita supaya dapat kita memperbesar dan mempelbagaikan pelaburan mereka.

Untuk menarik lagi pelaburan asing, kerajaan juga telah bersetuju mengadakan kelonggaran pemegangan ekuiti asing buat sementara supaya mereka boleh memegang 100% ekuiti buat sementara dalam segala projek perkilangan yang dipohon sebelum akhir tahun ini.

Selain dari itu, saya juga ingin memberitahu bahawa pada masa-masa yang akan datang kerajaan memang lebih menumpu kepada projek-projek yang lebih berteknologi tinggi dan juga berintensifkan modal. Jadi, dari aspek itu kita mungkin lebih memilih projek-projek yang membawakan operasi yang mengeluarkan projek di mana produk adalah mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

**7. Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah kementerian telah memperkenalkan sebarang sistem akreditasi (seperti akreditasi Green Stamp) terhadap bengkel-bengkel automatif untuk mengesahkan bahawa tindakan-tindakan mesra alam dijalankan, supaya bengkel-bengkel yang menunjukkan akreditasi sebegini boleh mudah dikenal pasti dan boleh menarik sokongan pengguna.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian melalui Jabatan Standard Malaysia tidak pernah memperkenalkan sebarang sistem akreditasi terhadap bengkel-bengkel automatif. Aktiviti kawalan terhadap bengkel-bengkel automatif dan persijilannya dijalankan oleh jabatan-jabatan atau agensi kerajaan yang berkaitan atau bada-badan persijilan lain di negara ini.

Jabatan Standard Malaysia memangnya menjalankan aktiviti akreditasi badan persijilan, hanya dalam bidang-bidang seperti pengurusan sistem kualiti ISO 9000 dan akreditasi makmal. Jabatan Standard Malaysia juga bercadang memperkenalkan akreditasi pengurusan sistem alam sekitar ISO 1401 dan sistem persijilan produk.

**8. Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah kawalan yang telah dan akan diambil bagi memastikan kes-kes penculikan kanak-kanak yang melibatkan pembantu rumah warga asing tidak akan berulang lagi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sebenarnya tidak mempunyai kaedah kawalan yang khusus bagi memastikan tidak akan terjadi perlakuan jenayah melibatkan pembantu rumah asing termasuklah kejadian menculik kanak-kanak di masa hadapan seperti yang pernah berlaku sebelum ini. Majikan yang terpaksa menyerahkan tanggungjawab menjaga anak-anak yang masih kecil kepada pembantu rumah terpaksa menanggung risiko semasa ketiadaan mereka di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, majikan dinasihatkan supaya seboleh-bolehnya mengurus sendiri kemasukan pembantu rumah mereka dan tidak menyerahkan tanggungjawab tersebut sepenuhnya kepada pihak ketiga iaitu kepada agensi pekerjaan. Langkah ini boleh membantu majikan mengetahui latar belakang bakal pembantu rumah sebelum mereka mengambil berkhidmat di negara ini. Sekian.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Daripada siasatan yang dijalankan, apakah sebab-sebab utama berlaku penculikan tersebut?

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selepas siasatan yang telah pun

dijalankan oleh pihak berkuasa, yang melibatkan beberapa orang pembantu rumah didapati masalah adalah datang dari pelbagai jenis. Yang paling pentingnya ialah silap faham sentiasa wujud di kalangan pembantu rumah dan majikan mereka. Dan yang kedua, kedua-dua pihak memang tidak mematuhi apa mereka harus melakukan sama ada sebagai majikan ataupun pembantu rumah.

Dan sebab yang ketiga ialah oleh kerana pembantu rumah kebanyakan mereka ini tidak dibenarkan keluar dari rumah dan sentiasa bekerja di rumah, maka ini juga menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pembantu rumah. Sekian, terima kasih.

**9. Puan Melanie Chia Chui Ket** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) Jumlah pinjaman terkini yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad; dan
- (b) pinjaman yang dikeluarkan mengikut sektor.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad untuk tempoh dari bulan Januari hingga November 2000 ialah sebanyak RM3,326 juta. Dari jumlah itu, RM2,771 juta atau 83.3% dikeluarkan untuk perbankan infrastruktur dan RM555 juta atau 16.7% oleh perbankan pembangunan.
- (b) Terdapat tiga sektor utama yang paling banyak mendapat agihan pinjaman yang telah dikeluarkan oleh perbankan pembangunan iaitu:
  - (i) sektor perusahaan logam, elektrik dan kejuruteraan sebanyak 26.3% atau RM145.8 juta;
  - (ii) sektor perkhidmatan am 18.3% atau RM103.9 juta; dan

- (iii) sektor kayu dan keluaran kayu 11% atau RM60.8 juta.

Bagi pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh perbankan infrastruktur pula, subsektor rail merupakan subsektor yang paling banyak mendapat agihan pinjaman iaitu, sebanyak RM1,000 juta atau RM1 bilion atau 36.1% dari jumlah pinjaman. Diikuti oleh subsektor pembangunan wilayah khas sebanyak RM700 juta atau 25.3% dan RM472 juta atau 17% untuk subsektor pelabuhan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli dahulu, ya.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, kita rakamkan tahniah di atas peranan bank ini yang telah dapat mengeluarkan lebih dari RM3 bilion tetapi mengikut sejarahnya, soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, Bank Pembangunan dan Infrastruktur sebelum diubah peranan ini banyak membantu usahawan kecil dan sederhana dalam sektor-sektor tertentu terutama sekali sektor pembuatan dan sebagainya. Jadi, dengan pengeluaran ini apakah benar dakwaan yang menyatakan bank ini hanya memberi pinjaman kepada pinjaman-pinjaman yang berjangka panjang dan kurang berisiko tinggi dan hanya membantu syarikat-syarikat besar dan gergasi sahaja? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita lihat portfolio pembiayaan projek, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat, pada akhir bulan Jun 2000, portfolio terkumpul ialah sebanyak RM2,591 juta. Pecahan portfolio mengikut sektor adalah seperti berikut:-

<b>Projek</b>	<b>Bil.</b>	<b>RM (juta)</b>	<b>Peratus</b>
Rail	3	1,262.3	48.7%
Lebuhraya	4	214.7	8.3%
Pelabuhan	2	213.3	8.2%
Pembangunan kawasan	2	840.7	32.5%
Air	1	60	2.3%
<b>Jumlah:</b>	<b>12</b>	<b>2,591</b>	<b>100%</b>

Jadi, kalau kita lihat daripada sini, dapat kita pastikan bahawa dengan bertukarnya nama Bank Pembangunan ini kepada Bank Pembangunan Infrastruktur Malaysia, kita akan menumpukan infrastruktur-infrastruktur yang besar sahaja. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak melupakannya dengan IKS kerana kita ada 43 dana yang telah pun kita maklumkan di Dewan ini pada sesi yang lepas. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi bin Haji Ramli.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengembangkan tanggungjawab Bank Pembangunan kepada bidang infrastruktur. Seperti Yang Berhormat terangkan tadi, nampaknya beroleh kejayaan. Saya ingin bertanya pihak kerajaan adakah kerajaan sekarang memikirkan melihat perbankan yang sedia ada untuk menambah mengembangkan dari segi bidang modal peneroka (*venture capital*) kerana dalam Belanjawan tahun 2001 terdapat RM500 juta diperuntukkan dan sama ada patut diwujudkan satu institusi khas (*one-stop-agency*) yang baru ataupun bermodelkan Bank Pembangunan yang berjaya tadi kita mengembangkan bank yang sedia ada. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, masalah *venture capital* yang kita tempatkan di bank ini merupakan satu debat yang hangat dilakukan sekarang ini kerana mereka mengatakan bahawa bank tetap bank dan apabila kita hendak meminjam dia minta sekuriti dan sebagainya. Kadang-kadang *venture capital* ini merupakan satu *venture capital* ataupun perkara yang baru banyaknya IT, yang pemohonnya mempunyai ilmu di fikiran. Maknanya kita akan menengok pinjaman itu dibuat dari segi potensinya, bukan daripada sekuritinya. Jadi, di sinilah banyak masalah dibangkitkan di Kementerian Kewangan mengenai *venture capital* ini diletakkan di bawah bank.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi tadi mengatakan kita kena alih mind shift ini supaya RM500 juta ini kita akan buat *one-stop-agency*. Jadi, di sini tidaklah terbelenggu dengan masalah prinsip-prinsip perbankan. Terima kasih.

**10. Datuk Zainudin bin Maidin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kenapakah peniaga-peniaga terus bersikap mengambil kesempatan menaikkan harga barang dalam musim perayaan dan kementerian terpaksa mengulangi tindakan yang sama setiap musim perayaan untuk mengawal kepentingan pengguna sedangkan di negara-negara maju lainnya terutama Amerika Syarikat barangan pengguna menjadi lebih murah di musim perayaan terutama menjelang Krismas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, kawalan bekalan dan harga barang-barang yang dilaksanakan oleh kementerian ini adalah terhad kepada beberapa jenis barang keperluan yang diisytiharkan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Dari segi harganya pula, kawalan adalah dibuat secara pentadbiran yang melibatkan 11 barangan keperluan asas sahaja.

Dalam menentukan barang-barang tersebut boleh didapati dengan mudah serta dengan harga yang berpatutan kementerian menjalankan pemantauan harga bagi 255 jenis barangan pada setiap minggu di seluruh negara di samping menjalankan pemeriksaan berjadual dan pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa. Pemeriksaan-pemeriksaan tersebut dipertingkatkan menjelang musim-musim perayaan. Dari pemeriksaan yang dijalankan pada musim-musim perayaan yang lepas, kementerian tidak mengesan kes berhubung dengan peniaga-peniaga menaikkan harga barang-barang yang dikawal itu. Tindakan-tindakan pemantauan dan pemeriksaan yang dilaksanakan oleh kementerian pada setiap kali musim perayaan itu adalah merupakan langkah pencegahan bagi membendung peniaga-peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga serta membanteras penyelewengan dalam amalan perniagaan. Secara keseluruhannya, tindakan-tindakan itu membawa kesan yang baik dari aspek perlindungan pengguna.

Sebagai usaha menentukan langkah-langkah pencegahan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, kementerian telah mengambil pendekatan baru mengawal 13 jenis barangan melalui kuat kuasa undang-undang. Kaedah kawalan yang dilaksanakan ialah dengan melesenkan pemborong dan peruncit yang menjual barang-barang terkawal tersebut di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Harga (Pelesenan) 2000 serta mewartakan penetapan harga barang-barang terkawal berkenaan mengikut daerah-daerah yang akan berkuat kuasa mulai 20 Disember 2000 hingga 4 Januari

2001. Dalam hubungan ini adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 jika peruncit menjalankan urusan niaga barang-barang berkenaan melebihi harga maksimum yang ditetapkan. Pihak pemborong pula mereka tidak tertakluk kepada penetapan harga sebaliknya mereka adalah bertanggungjawab menentukan bekalan barang-barang harga terkawal tersebut sentiasa mencukupi di pasaran.

Berhubung dengan kedudukan barang-barang di negara-negara lain seperti di Amerika Syarikat sebagaimana dirujuk oleh Yang Berhormat itu, barang-barang yang dikatakan murah itu bukanlah barang-barang perlu tetapi adalah pelbagai jenis barang lain yang ditawarkan melalui jualan-jualan murah menjelang musim perayaan seperti Krismas. Negara kita juga menggalakkan jualan murah umpamanya melalui Mega Sale yang diperkenalkan oleh kerajaan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Zainal bin Rampak.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah mengisytiharkan 13 harga barang kawalan yang menyatakan bahawa ia tidak boleh dinaikkan.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, soal yang bermain di kepala saya ialah soal harga daging di mana didapati di antara RM12 sehingga RM22, di Sarawak sahaja RM22. Jadi, saya tidak nampak mengapa harga daging begitu mahal. Dari segi kemampuan kerana daging diperlukan oleh semua rakyat lapisan masyarakat. Kalaupun tidak selalu makan daging, sekali untuk perayaan mereka perlukan daging, kenapa harganya terlalu sangat mahal sehingga RM22 sedangkan sepertimana Yang Berhormat Senator Datuk Zam menyatakan turnkey di Amerika Syarikat waktu Krismas harganya begitu murah. Adakah pihak kementerian bercadang untuk membuat subsidi bagi memastikan rakyat dapat membeli daging-daging yang berkenaan untuk keperluan harian mereka? Jadi, ini satu perkara harus dipertimbangkan oleh kerajaan dan saya kira rakan-rakan saya di Sarawak dan Sabah merasa dukacita kalau RM22 dengan hanya gaji naik 10%, bonus dapat RM500 terbang lain, saya tidak yakin mereka boleh menikmati daging itu. Terima kasih.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat yang begitu prihatin kepada pengguna. Untuk makluman Yang Berhormat daging separuh

besarnya diimport dari negeri India dan daging beku juga diimport daripada negara-negara Australia dan New Zealand. Untuk musim perayaan ini daging untuk Sarawak – sebab ikut daerah-daerah yang 13 jenis barangan itu yang diwartakan dan di mana harganya ditetapkan kepada maksimum. Dan untuk daging tempatan saya sebut bandar Kuching sebagai rujukan iaitu daging lembu tempatan sekilogram RM20.00, daging lembu import dari India RM10.00 dan daging kerbau tempatan ialah RM20.00. Dan yang paling rendah ialah daging kerbau import dari India iaitu RM10.00. Dan ini memang kalau dibandingkan dengan Semenanjung lebih mahal yang dipantau oleh Yang Berhormat. Ini adalah kerana ada beberapa faktor iaitu faktor pengangkutan, faktor alat kemudahan-kemudahan sejuk what do you call this dengan izin, this a freezer facilities dan sebagainya. Sebab inilah daging yang didapati di pasaran di Sabah dan Sarawak lebih mahal dari yang didapati di Semenanjung. Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat iaitu untuk memberi subsidi kepada daging lembu ini boleh dikaji oleh kementerian saya dan untuk makluman Yang Berhormat kementerian saya memantau dan menstabilkan harga dari demand side sahaja. Untuk supply side ini di bawah bidang kuasa kementerian lain. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Charern.

**Dato' Charern Intachat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Selain dari memantau apakah tindakan kementerian terhadap peruncit-peruncit atau pemborong-pemborong yang menaikkan harga di musim perayaan kerana jarang-jarang sekali ada berita di akhbar-akhbar mereka ini dihadap ke mahkamah atau lesen-lesen mereka dibatalkan. Terima kasih.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Yang Berhormat hendak minta penjelasan. Berkenaan dengan apa? Lesen..

**Dato' Charern Intachat:** Saya ulangi. Selain dari memantau apakah tindakan pihak kementerian terhadap peruncit-peruncit atau pemborong-pemborong yang menaikkan harga di musim perayaan kerana jarang-jarang sekali ada berita di akhbar-akhbar mereka ini dihadap ke mahkamah atau lesen-lesen mereka dibatalkan.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebab pemeriksaan yang dijalankan dengan lebih rapi manakala tidak terdapat kes-kes yang banyak di mana mereka melanggar lesen mereka. Dan di sini saya ada angka-angka.

Dalam pemeriksaan mereka kita mengesan dari tempoh 1 Januari hingga 10 Disember tahun ini yang melanggar lesen mereka adalah 2361 di bawah Akta Kawalan Harga. Dan di bawah Akta Kawalan Bekalan ada 313 kes di mana mereka dikompaunkan dengan hampir RM500,000. Bukan semua kes dihadapkan ke mahkamah. Walau bagaimanapun mereka dihadapkan ke mahkamah mereka didenda dalam kes ini yang disabit 27 kes di bawah Akta kawalan Harga dan 3 kes di bawah Akta Kawalan Bekalan di mana mereka didenda RM18,000 oleh mahkamah. Sekian terima kasih.

**11. Tuan N. Marimuthu** minta Perdana Menteri menyatakan kesan terhadap resolusi sekumpulan ahli Kongres mengenai kes Anwar Ibrahim di Dewan Perwakilan Amerika Syarikat (House of Representative) baru-baru ini. Apakah tindakan dan reaksi Kerajaan Malaysia terhadap resolusi itu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, resolusi yang diperkenalkan oleh tujuh ahli Dewan perwakilan Amerika Syarikat mengenai kes Dato' Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini tidak mendatangkan apa-apa kesan kepada kerajaan. Mereka ini sebenarnya sengaja tidak mahu memahami sistem kerajaan negara kita di mana terdapat garis pemisah yang jelas antara badan eksekutif dan badan perundangan. Selain daripada itu mereka sebenarnya telah diperalatkan oleh ahli-ahli parti pembangkang yang cuba memburuk-burukkan negara dan kerajaan. Kementerian Luar Negeri telah pun mengeluarkan satu kenyataan yang keras mengutuk tindakan ahli Kongres berkenaan. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Duta Besar kita di Washington DC telah pun bertemu dengan beberapa ahli Kongres yang berkenaan untuk menyampaikan rasa tidak puas hati kita dan menjelaskan perkara yang sebenarnya. Mereka nampaknya puas hati dengan penjelasan yang diberikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Aziz.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Walau bagaimanapun untuk makluman Dewan yang mulia ini satu usul yang berkaitan yang sama pun mungkin diberi peluang oleh Dewan yang mulia ini untuk kita bahaskan nanti dengan lebih lanjut. Tetapi soalan saya begini Tuan Yang di-Pertua, kerana wujudnya kegiatan-kegiatan daripada warganegara Malaysia untuk memburuk-burukkan kerajaan dan mengambil tindakan-

tindakan yang bertentangan dengan kepentingan negara seperti yang telah berlaku sebelum pilihan raya dulu dan sekarang kita tengok berlaku di Amerika. Saya ingin mengetahui apakah kerajaan mempunyai satu pasukan risikan intelligert bagi kerajaan mengetahui dengan lebih awal kegiatan-kegiatan warganegara Malaysia di luar negara untuk memberi maklumat kepada kerajaan kita dan mengambil tindakan yang lebih pantas kerana saya dapati Tuan Yang di-Pertua, perkara ini timbul selepas wujudnya pengakuan salah seorang ahli parti pembangkang di Malaysia mengatakan dia telah menggunakan JMS iaitu satu pelobi di Amerika dan menggunakan cara-cara lain untuk mempengaruhi 7 orang ahli Kongres termasuk Websler dari Florida yang Florida sendiri bermasalah membuat resolusi kepada Dewan perwakilan. Jadi apakah perisikan yang dijalankan oleh kerajaan kita.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kita seterusnya berusaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat secara menerusi agensi-agensi kerajaan kita menerusi kerajaan kita menerusi Kementerian Luar Negeri dan juga badan-badan yang tertentu yang sentiasa mendapatkan maklumat. Dalam bidang ini kita berusaha untuk meningkatkan kegiatan untuk kita mendapatkan maklumat bukan secara perisik tetapi maklumat supaya kita dapat meneliti atau mengambil tindakan awalan di dalam mana-mana usaha-usaha yang kita fahami akan membawakan keburukan kepada imej kerajaan dan juga negara kita.

**12. Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai pelaksanaan penubuhan pasukan dan unit rawatan paliatif di hospital-hospital. Berapakah jumlah pesakit kronik mengikut jenis penyakit yang sedang mendapat rawatan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan paliatif secara amnya bertujuan memberikan penjagaan dan rawatan paliatif iaitu melegakan kesakitan, penekanan dan penderitaan kepada pesakit *terminal illness* dengan izin. Walau bagaimanapun perkhidmatan yang dimulakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 1998 menumpukan perhatian kepada *terminal cancer* buat masa ini. Setakat ini perkhidmatan paliatif ada disediakan oleh 47 buah hospital di mana 13 daripadanya mempunyai unit atau wad

khusus untuk pesakit dengan jumlah antara 6 hingga 12 buah katil di setiap unit. Bagi hospital-hospital yang lain tiada wad khusus yang disediakan tetapi pesakit yang memerlukan perkhidmatan paliatif dirujuk kepada pasukan paliatif yang terdiri daripada jururawat dan doktor yang telah diberikan latihan.

Kementerian Kesihatan tidak mengumpulkan statistik khas mengenai bilangan pesakit yang sedang mendapat penjagaan atau rawatan paliatif tetapi adalah dijangka 80% daripada pesakit-pesakit kanser akan memerlukan perkhidmatan paliatif. Bilangan kes kanser baru dianggarkan 30,000 orang setiap tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan saya jadi spesifik, khas Tuan Yang di-Pertua. Minggu lepas saya majukan satu soalan, soal General Hospital Kuala Lumpur. Lif-lif General Hospital Kuala Lumpur masih lagi tidak dibaiki. Semalam hari minggu ramai orang turun naik lif, tiga-tiga lif out tidak bergerak. Mereka gunakan lif yang dua lagi untuk doktor. Begitu juga kakitangan hospital. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, yang datang bukan muda-muda, orang tua belaka, bulan puasa naik tiga tingkat, empat tingkat kena jalan kaki. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Kementerian Kesihatan melawat. Kalau boleh Menteri dan Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen melawat sendiri. Ini demi untuk kepentingan orang awam, kepentingan kerajaan, kepentingan negara. Oleh kerana dari sini kita lihat yang datang dari kampung melawat sanak saudara mereka apa kata mereka kalau mereka naik tangga tiga tingkat, empat tingkat balik kampung. Ini menjadi perbualan kedai kopi yang merosakkan kerajaan sendiri Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Kementerian Kesihatan prihatin dan membaiki. Kalau tidak cukup wang Timbalan Menteri Kewangan depan sana minta wang daripada mereka.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini tidak ada kaitan dengan soalan asal yang dikemukakan, namun demikian saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kita akan mengambil tindakan serta-merta untuk mengatasi masalah ini. Kita sebenarnya tidak menghadapi masalah kewangan, tetapi apa yang perlu ialah tindakan serta-merta, saya jamin kita akan ambil tindakan

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tentang penyakit kronik ini, pada akhir-akhir ini kita dapati bilangan pesakit buah

pinggang semakin bertambah dan mereka ini perlukan rawatan mesin hemodialisis. Kita difahamkan bahawa banyak lagi hospital-hospital di daerah-daerah yang mempunyai mesin ini untuk rawatan kepada pesakit-pesakit. Kalau ada pun hanya dua, tiga buah sahaja. Kita difahamkan ramai di antara pesakit ini juga datang daripada orang-orang kampung dan juga buruh, pegawai-pegawai rendah kerajaan yang terpaksa berulang beratus batu untuk mendapat rawatan di hospital besar atau pusat-pusat rawatan dan mereka ini terpaksa berulang-alik sebanyak tiga kali seminggu, jadi bayangkan penderitaan yang terpaksa mereka tanggung. Jadi kita haraplah kementerian dapat segera melengkapkan seberapa banyak mesin ini di hospital-hospital daerah supaya kalau ada dua, tiga ditambah supaya dapat membantu pesakit-pesakit yang sudah pun agak dalam keadaan yang susah.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan memberi pertimbangan yang serius kepada masalah kekurangan mesin hemodialisis dan juga kita dapat lihat dalam belanjawan yang baru dibentangkan oleh Menteri Kewangan untuk tahun 2001 di mana geran-geran disediakan untuk lebih banyak lagi NGO-NGO tampil ke hadapan untuk membekalkan kemudahan ini di samping juga hospital-hospital kerajaan dan juga diberikan *matching grant* dan juga diberi subsidi kepada semua NGO yang memberikan perkhidmatan hemodialisis ini.

Kementerian Kesihatan pun sedang dalam usaha untuk meningkatkan dan mengadakan lebih banyak lagi mesin-mesin dialisis di semua hospital daerah. Memang saya tidak mempunyai angka-angka di sini. Kalau diperlukan, saya boleh memberikan angka-angka dan juga rancangan Kementerian Kesihatan untuk tahun 2001 sehingga tahun 2005 ini.

**13. Dato' Lee Pit Chern** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini telah dapat dikawal sepenuhnya dan apakah langkah-langkah penguatkuasaan yang telah diambil bagi mengawal kemasukan tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kemasukan pendatang tanpa izin (PTI) ke negara ini telah pun dapat dikawal iaitu dengan mengambil beberapa langkah keselamatan dan kawalan seperti berikut:

- (i) mempergiatkan lagi operasi-operasi penguatkuasaan terhadap pendatang tanpa izin yang telah berada dalam negara ini;
- (ii) mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan ataupun pelindung pendatang tanpa izin;
- (iii) meningkatkan dan memperketatkan lagi kawalan sempadan darat dan pantai negara ini dengan negara jiran serta mengeratkan lagi kerjasama dengan pihak berkuasa negara jiran bagi mengelakkan kawasan sempadan dibolosi;
- (iv) membina tembok ataupun pagar yang lebih kuat di sempadan negara kita dan negara jiran; dan
- (v) meningkatkan lagi rondaan oleh agensi penguat kuasa di sempadan darat dan juga perairan negara jiran.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Melanie Chia.

**Puan Melanie Chia Chui Ket:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah satu pelan tindakan yang menyeluruh, berterusan dan untuk jangka panjang iaitu *holistic, continuing and long term plan*, dengan izin, seperti mengambil tindakan menarik balik kedudukan pelarian di Sabah atau mungkin seperti berbincang dengan Kementerian Luar Negeri untuk mengadakan sebuah pejabat perhubungan di Sabah.

Di sini saya juga ingin minta penjelasan Timbalan Menteri. Baru-baru ini kerajaan telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa PTI, penubuhan ini memang dialu-alukan oleh rakyat Malaysia di negeri Sabah. Saya minta penjelasan untuk *terms of reference*, dengan izin, jawatankuasa ini. Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, memang kerajaan kita mempunyai satu perancangan yang panjang yang meliputi kerjasama dengan negara-negara jiran, umpamanya baru-baru ini apabila Presiden Negara Indonesia berada di negara kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pun mencapai satu persetujuan di mana pihak kedua-dua negara akan mengawal lebih ketat dari segi kemasukan pendatang tanpa izin dari Indonesia ke Malaysia dan jika melalui operasi-operasi terdapat orang yang kena

tangkap, maka pendatang tanpa izin dari Indonesia akan diusir ke Indonesia dengan kos dibahagi dua, kerajaan kedua-dua negara ini akan tanggung.

Kedua, masalah di Sabah telah pun menjadi satu masalah yang begitu lama dan berlarutan. Kerajaan memang sedar. Rondaan dan operasi-operasi kawalan sentiasa diadakan dan baru-baru ini pula, kerajaan telah pun memperhebatkan lagi lebih banyak rondaan dan menempatkan lebih ramai anggota-anggota keselamatan di negeri Sabah, di perairan negeri Sabah supaya kita dapat mengawal keadaan di situ. Seperti kita semua maklum, pantai negara kita begitu panjang dan mudah bagi pendatang-pendatang tanpa izin dari negara-negara jiran masuk ke negara kita.

Walaupun demikian, kita sentiasa mempertingkatkan mutu kawalan kita walaupun terdapat juga dalam tugas-tugas yang dijalankan masih terdapat segelintir pendatang tanpa izin dari masa ke semasa terlepas dan masuk ke negara ini. Tetapi, walau bagaimanapun, pada keseluruhannya, keselamatan dan keamanan di negara ini masih dapat kita kawal. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Charern.

**Dato' Charern Intachat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kes-kes yang melibatkan penyelewengan oleh pegawai pegawai Imigresen yang membolehkan kemasukan pendatang tanpa izin di stesen-stesen Imigrisen di sempadan?

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tambahan ini, saya di sini memang tidak mempunyai laporan-laporan rasmi. Walaupun demikian, kita tidak dapat menafikan kemungkinan ada tetapi walaupun ada anggota-anggota Imigresen yang terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat dan melanggar undang-undang ini, saya memberi jaminan hanya segelintir kecil sahaja yang terlibat kalau ada pun. Saya bukan kata mesti ada. Saya tidak menafikan sebab anggota-anggota Imigresen begitu ramai sekali di seluruh negara yang menjaga semua pintu masuk ke negara kita, mungkin ada segelintir kecil anggota-anggota yang terlibat tetapi buat masa ini, kita tidak menerima sebarang laporan rasmi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah Ibrahim.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 14.

**14. Puan Safinah binti Jusoh [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tahap keseriusan kes-kes penganiayaan seks wanita dan kanak-kanak seperti yang dilaporkan sejak tahun 1990 hingga sekarang mengikut pecahan kaum dan berapakah jumlah kes yang masih tertangguh. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian berhubung kes-kes jenayah sosial ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan masyarakat tidak terlibat dalam pengurusan mangsa penganiayaan seks wanita dan kanak-kanak. Semua mangsa penganiayaan seks dikendalikan oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Mangsa hanya akan dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat jika mahkamah berpendapat bahawa kanak-kanak di bawah umur 18 tahun perlu diberi perlindungan sementara di institusi di bawah pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Berikut adalah data yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia.

**Kes-kes Rogol di Malaysia Tahun 1990 Hingga 1999 :**

<b>Tahun</b>	<b>Kes bagi umur 16 tahun ke bawah</b>	<b>Kes bagi umur 16 tahun ke atas</b>	<b>Jumlah kes</b>
1990	337	267	604
1991	378	340	682
1992	395	316	711
1993	465	414	879
1994	537	375	912
1995	604	401	1005
1996	719	352	1071
1997	744	579	1323
1998	831	658	1489
1999	801	668	1469

Bagi tahun 1990 hingga 1999, jumlah kes di bawah umur 16 tahun adalah 5,811 kes dan bagi 16 tahun ke atas adalah 4,334. Jumlah kes-kes yang telah berlaku adalah sebanyak 10,145 kes.

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengawal permasalahan sosial ini seperti berikut:

- (i) meningkatkan keberkesanan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di setiap daerah melalui pelbagai aktiviti yang bercorak pencegahan dan pemulihan;
- (ii) menambah jumlah pusat aktiviti kanak-kanak di seluruh negara sebagai wadah untuk menyelaras serta menyampaikan perkhidmatan kepada kanak-kanak dan keluarga yang berisiko tinggi. Sehingga kini, 87 buah pusat aktiviti kanak-kanak telah ditubuhkan dan bilangan ini dijangka bertambah dengan permintaan kepada Pasukan Perlindungan Kanak-kanak Daerah;
- (iii) perkhidmatan TELEDERA yang ditubuhkan sejak tahun 1990 akan terus dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membolehkan orang ramai menyampaikan maklumat tentang penderaan kanak-kanak, jika ada ;
- (iv) Mengadakan Kempen Kesedaran seperti seminar, bengkel, ceramah, kursus dan penyebaran risalah serta poster dengan kerjasama pihak swasta dan korporat;
- (v) Mendidik masyarakat agar lebih peka dan prihatin terhadap kebajikan serta kesejahteraan anak-anak melalui pendedahan media percetakan dan elektronik;
- (vi) Pihak penguatkuasaan perlu meningkatkan pencegahan, pengedaran bahan-bahan lucah seperti majalah, VCD dan lain-lain yang menjerumuskan kepada perlakuan rogol; dan
- (vii) penyebaran maklumat yang luas tentang kejadian jenayah rogol dengan tujuan masyarakat memperolehi kesedaran bahayanya gejala-gejala ini di tahap yang tinggi.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Aziz.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, adakah kajian profil mereka yang merogol ini dibuat kerana tadi banyak sangat cerita tentang program-program kesedaran dan

sebagainya tetapi *what is specifically wrong*, dengan izin. Adakah mereka ini duduk rumah satu bilik untuk lima orang atau kedudukan kewangan yang daif?

Apa sebabnya kerana mengikut kajian yang dibuat oleh Dato' Nik Aziz, dia mengatakan rogol ini diakibatkan oleh wanita kerana wanita yang cara berpakaian dan sebagainya. Itu profil yang dibuat oleh Dato' Negeri Aziz, Menteri Besar Kelantan. Saya hendak tahu dari segi pihak kerajaan, apakah jenis manusia yang mengakibatkan 10,000 yang lebih separuh daripadanya, 5,000 lebih adalah 16 tahun ke bawah. Adakah kajian dibuat? Dan kalau kajian dibuat, kalau sekiranya rumah itu satu bilik, mungkin kita hendak naikkan kepada tiga bilik dan sebagainya supaya wanita satu bilik, budak-budak kecil satu bilik, ibu bapa satu bilik dan sebagainya. Itu saya hendak tahu.

**Dato' S. Veerasingam:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan itu, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Abdul Aziz yang telah menyebutkan tentang masalah mangsa, wanita yang dirogol adalah mangsa. Kita perlu berbincang perkara ini dengan satu cara yang kita boleh membantu wanita. Bukan dengan cara yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan di mana beliau telah sebut wanita yang menjadi punca perogolan. Kalau ini benar, bukan 10,000, sudah jadi 100,000. Jadi, itu tidak benar. Itu adalah pendapat beliau sendiri dan bukan pendapat semua.

Bagi kementerian saya, melalui pusat aktiviti kanak-kanak, kita ada Jawatankuasa Perlindungan yang sentiasa dapat maklumat daripada pihak ketua-ketua kampung dan daripada pihak polis dan lain-lain di mana biasanya yang berlaku adalah di kalangan rumah sendiri – saudara-mara yang datang ke rumah. Apabila ibu bapa tinggalkan anak-anak ini dan keluar, mereka menjadi mangsa. Ini adalah satu kejadian.

Tidak boleh dianggap kerana satu bilik kerana satu masa dahulu apabila di ladang-ladang hanya ada satu bilik, tidak ada masalah seperti itu. Kalau kita tengok tiap-tiap tahun ada peningkatan. Ini biasa berlaku tentang kemajuan sesebuah negara. Dalam negara-negara yang sudah membangun, masalah seperti ini adalah lebih ketara daripada negara-negara yang belum maju dan sedang membangun. Jadi, ini terpulang kepada kita semua mengambil tindakan yang kita boleh mengelakkan. Satu

daripadanya seperti yang kita katakan tadi adalah perkara-perkara lucah yang disampaikan yang boleh diterima oleh anak-anak muda kita.

Kita perlu tindakan daripada semua pihak yang berkenaan supaya penjualan barang-barang ini seperti VCD di pasar-pasar malam, semua mesti diambil kira dan tindakan tegas perlu diambil supaya masalah ini dapat diatasi. Melalui Rang Undang-undang Kanak-kanak yang akan dibentangkan juga, sesiapa yang menjadi dalang dan lain-lain yang melibatkan anak-anak muda dibawa untuk pelacuran dan lain-lainnya akan diberi tindakan yang lebih keras sehingga memberi sebaran dan lain-lain yang boleh juga menjadi punca kepada masalah-masalah seperti ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua badan sukarela, NGO-NGO dan badan-badan perlindungan yang sentiasa memberi perkhidmatan supaya kes-kes seperti ini tidak berlaku dalam negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Jawab Lisan sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 14 hingga 40 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *[14 Disember 2000]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Timbalan Menteri Kewangan menyambung semula jawapan.

**11.23 pagi.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggulung perbahasan Rang undang-undang Perbekalan 2001 di Dewan Negara yang telah pun saya bantangkan sedikit pada 14 Disember 2000 dan hari ini saya akan menyambung penggulungan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan mengenai kos untuk mengapungkan kapal MV Antai yang dikatakan meningkat dari RM4.4 juta kepada RM17 juta. Dimaklumkan bahawa kapal tersebut telah tenggelam di Dermaga 14 sejak November 1997. Lembaga Pelabuhan Klang telah berusaha untuk mengapungkan melalui pelawaan tender, kos asal kontrak pertama ialah sebanyak RM4.7 juta. Walau bagaimanapun, syarikat berkenaan telah gagal untuk mengapungkan kapal tersebut kerana teknik yang digunakan didapati tidak sesuai. Kerajaan walau bagaimanapun tidak membuat sebarang bayaran selaras dengan terma kontrak, no cure, no pay. Justeru itu, Jabatan Laut terpaksa menender semula di mana kontrak telah pun dimeterai. Pada masa ini, kerja-kerja pengapungan telah pun bermula dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Januari 2001.

Yang Berhormat Senator yang sama juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai peruntukan dan kedudukan syarikat Perwaja. Untuk makluman, peruntukan sebanyak RM2.3 bilion ialah bagi menjelaskan bayaran balik pinjaman kumpulan Perwaja kepada bank-bank dan institusi-institusi kewangan. Kerajaan melalui Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. (PTSB) telah mengambil alih hutang-hutang tersebut setelah pengurus Perwaja diuruskan oleh Maju Holding Sdn. Bhd. melalui Perjanjian Urusan mulai 16 Mei 1997. Satu kajian telah dijalankan oleh Jawatankuasa Penyusunan Hutang Korporat (CDRC) ke atas masa depan industri besi keluli negara termasuk Perwaja. Laporan awal kajian telah menunjukkan bahawa industri besi keluli negara mengalami kemerosotan akibat kegawatan ekonomi dan berkurangnya permintaan terhadap besi keluli. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh Perwaja tetapi juga syarikat besi keluli Malaysia yang lain. Perwaja juga turut mengalami nasib yang sama dan memerlukan masa untuk baik pulih dengan bantuan kepakaran teknikal dan tambahan modal kerja.

Sehubungan dengan itu, kerajaan sedang mengkaji untuk menjual 100% ekuiti Perwaja kepada syarikat yang berkemampuan dari segi kewangan dan kepakaran teknikal untuk mengambil alih Perwaja. Dengan itu kerajaan tidak akan terdedah kepada beban hutang Perwaja yang kian bertambah.

Mengenai pandangan bahawa perdagangan meluas e-commerce melalui Internet akan membawa kehilangan hasil kerajaan, adalah diperhatikan bahawa isu percukaian dalam suasana e-commerce merupakan salah satu perkara yang sudah berada di peringkat kajian di beberapa buah negara maju seperti OECD. Masih belum ada kata sepakat di peringkat antarabangsa mengenai perkara ini. Kerajaan juga sedang membuat kajian secara terperinci untuk memastikan bahawa segala sudut perdagangan elektronik diambil kira tanpa menjejaskan hasil kerajaan di samping mengukuhkan lagi persaingan negara.

Yang Berhormat Senator yang sama juga membangkitkan isu k-ekonomi dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan akan memperhebatkan kegiatan beberapa sektor pertumbuhan baru seperti k-ekonomi ini. Tumpuan kerajaan tidak hanya terhad kepada pembelian komputer sahaja, kerajaan telah berusaha membina landasan yang kukuh melalui dasar pendidikan dan pembangunan sumber manusia. Ini termasuklah usaha-usaha untuk menarik, dengan izin, the best bread untuk memulihkan negara maju ke arah k-ekonomi. Di dalam Belanjawan 2001, langkah-langkah galakan untuk menarik kepakaran yang diperlukan adalah seperti berikut:

- (i) pendapatan yang dibawa balik dalam tempoh dua tahun dikecualikan daripada cukai pendapatan;
- (ii) semua barangan persendirian yang dibawa balik termasuk dua buah kereta diberi pengecualian cukai dan
- (iii) isteri atau suami dan anak-anak yang bukan rakyat Malaysia diberi taraf pemastautin tetap dalam tempoh 6 bulan.

Kerajaan juga memberikan tumpuan kepada industri teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) serta modal teroka. Kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan juga diberi tumpuan. Di bawah pakej galakan istimewa, kerajaan telah mensyaratkan bahawa 1% daripada nilai tahunan diperuntukkan bagi R&D. Pelan induk k-ekonomi masih dalam proses penyediaan yang akan dibentangkan pada bulan Mac 2001. Ia merupakan pelan komprehensif yang menyentuh segala aspek pembangunan seperti dasar pendidikan ICT, perdagangan yang akan membantu negara beralih ke arah k-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penipuan kad kredit dan kad ATM. Bank Negara Malaysia telah pun mengedarkan satu garis panduan kepada institusi-institusi kewangan menggesa mereka meningkatkan ciri-ciri keselamatan kepada kad ATM bagi mengelak tragedinya penipuan atau kecurian. Garis panduan tersebut di antara lain memberi penekanan terhadap usaha meningkatkan ciri-ciri keselamatan kad ATM. Pengurusan Nombor Pengenalans Persendirian (PIN) yang berkesan, kawalan dalaman dan keperluan pemasangan kamera litar tertutup di lokasi ATM. Di samping garis panduan tersebut, tanggungjawab pemegang kad ATM juga sangat penting untuk memastikan penipuan kad ATM dapat dikurangkan. Berhubung dengan kad kredit, kerajaan masih belum bercadang untuk meminda polisi dan garis panduan mengenai operasinya kerana keadaannya masih terkawal. Walau bagaimanapun, kerajaan bersedia untuk memperkenalkan langkah-langkah baru yang lebih ketat sekiranya keadaan memerlukannya. Institusi-institusi perbankan juga turut dikehendaki untuk memantau penggunaan kad kredit bagi memastikan keadaan terkawal dan tiada penipuan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan kedudukan syarikat-syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negara (PKEN) yang sering mengalami kerugian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum mengenai beberapa anak syarikat PKEN yang menanggung kerugian ini. Dalam hal ini, kerajaan sememangnya memantau aktiviti dan prestasi PKEN-PKEN pada keseluruhannya. Dalam masa yang sama, pihak PKEN dikehendaki memantau prestasi anak-anak syarikat masing-masing dan jika perlu anak syarikat itu ditutup ataupun diswastakan.

Yang Berhormat Senator yang sama juga membangkitkan peruntukan mengurus yang sedia ada untuk BPR bagi tahun 2001. Untuk makluman, peruntukan telah meningkat daripada RM41.75 juta kepada RM61.40 juta iaitu peningkatan sebanyak RM19.6 juta ataupun 47.1%. Selain daripada gaji, perkhidmatan ini adalah untuk perkhidmatan dan bekalan dan pembelian aset. Bagi sistem pengurusan maklumat BPR, peruntukan disediakan di bawah peruntukan pembangunan Jabatan Perdana Menteri .

Berhubung dengan peruntukan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, yang katakan lebih tertumpu kepada pemberian subsidi dan kurang untuk program perpaduan, sebanyak RM21.5 juta adalah untuk Jabatan Perpaduan Negara (JPN). Peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Perpaduan Negara disasarkan kepada program atau aktiviti Perpaduan Negara. Di samping itu, peruntukan yang diberi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) akan dimanfaatkan sebahagian besar rakyat yang kurang bernasib baik ini. Pemberian ini dalam jangka panjang akan membolehkan kesejahteraan rakyat terpelihara, seterusnya akan menyumbang kepada perpaduan negara.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah telah membangkitkan krisis harga minyak dan implikasi kenaikan harga bahan tersebut kepada ekonomi. Berhubung dengan perkara ini dimaklumkan bahawa Malaysia turut terlibat dalam kenaikan harga minyak mentah dunia. Walaupun harga minyak mentah melambung daripada USD23.88 setong pada September 1999 kepada USD36 setong pada September 2000 harga keluaran petroleum negara tidak berubah. Justeru itu, untuk mengekalkan harga ini kerajaan terpaksa menanggung subsidi yang semakin meningkat. Kenaikan kadar harga petroleum baru-baru ini adalah dilaksanakan untuk mengurangkan beban subsidi tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa prihatin dan pastikan kebajikan rakyat dijaga serta mengkaji impak ke atas ekonomi termasuk impak ke atas inflasi negara.

Melalui penguatkuasaan dan strategi pemantauan harga yang berterusan, kerajaan dapat mengawal kenaikan harga barangan yang berkesan. Ini terbukti dengan kedudukan indeks harga pengguna yang digunakan untuk mengukur kadar inflasi negara masih berada pada tahap terkawal sehingga Oktober 2000 iaitu 1.5% berbanding dengan 2.9% bagi tempoh yang sama tahun 1999. Indeks harga pengguna bagi keseluruhan tahun 2000 juga dijangka berada pada tahap terkawal iaitu 1.9% dengan mengambil kira kenaikan harga petroleum berbanding dengan 2.8% pada tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu pemberian geran kepada kerajaan negeri di bawah pemerintahan pembangkang yang hanya diberi pada akhir

Disember setiap tahun, dimaklumkan di bawah perkara 109 Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab menyediakan beberapa jenis geran bagi membantu ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta maaf kalau Yang Berhormat boleh berhenti satu minit. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Long untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat.

[Datuk Long bin Jidin *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Long bin Jidin:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Berhubung dengan isu pemberian geran kepada kerajaan negeri di bawah pemerintahan pembangkang yang hanya diberi pada akhir Disember setiap tahun, dimaklumkan bahawa di bawah Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab menyediakan beberapa jenis geran bagi membantu meringankan beban kewangan kerajaan-kerajaan negeri. Mengikut peraturan semasa, pembayaran geran kepada semua kerajaan negeri bergantung kepada jenis geran tersebut. Pembayaran geran-geran berkenaan pada umumnya dibuat dua kali setahun manakala geran pertambahan hasil hanya dibayar apabila terdapatnya lebih daripada hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun sebelumnya. Beberapa jenis geran lain seperti pemberian terhad senarai bersama, bayaran perkhidmatan dan geran keseimbangan pihak berkuasa tempatan hanya dibayar berdasarkan permohonan yang dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri dan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab memastikan semua geran di atas dibayar dalam masa yang ditentukan bagi memastikan kerajaan-kerajaan negeri mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan semua projek pembangunan.

Mengenai isu wang ihsan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Jamilah binti Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin, dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah bersetuju meneruskan pemberian wang ihsan kepada rakyat negeri Terengganu melalui Program Pembiayaan Wang Ehsan (PPWE) supaya kebajikan mereka terutamanya golongan miskin di luar bandar akan terus terbela. Perlaksanaan semua program dan projek di bawah PPWE diletak

di bawah tanggungjawab jawatankuasa peringkat pusat JPP yang akan menyalurkan wang ihsan kepada agensi-agensi pelaksana.

Pada tahun 2000 dan 2001 peruntukan sebanyak RM480 juta telah disediakan di bawah PPWE untuk melaksanakan beberapa program dan projek seperti projek khas rakyat miskin, program-program pembangunan bagi sektor pendidikan, pertanian luar bandar, usahawan dan kebajikan. Golongan sasar seperti kanak-kanak miskin, warga tua, ibu tunggal, petani dan nelayan serta peniaga-peniaga kecil dijangka akan mendapat manfaat secara langsung daripada PPWE ini. Bagi tujuan pembiayaan program-program yang dikenal pasti itu kerajaan telah menubuhkan Akaun Amanah Wang Ehsan di mana pemberian Petronas akan dimasukkan ke dalam akaun ini untuk disalurkan kepada kementerian-kementerian yang terlibat untuk melaksanakan program-program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Siti Zailah binti Mohd. Yusof berpendapat dasar pembangunan negara mengetepikan pembangunan insan. Beliau juga mencadangkan supaya kerajaan menaikkan taraf kemudahan sekolah dan makmal dan merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar serta mewujudkan sistem pendidikan yang lebih teratur. Untuk makluman Yang Berhormat dasar pembangunan kerajaan ialah berimbang antara perkembangan fizikal dan pembangunan spiritual Kerajaan memberi peluang belajar kepada semua lapisan rakyat sejak dari peringkat prasekolah lagi atau tadika hingga peringkat pendidikan tinggi atau universiti. Ini dapat dilihat dengan jelas dari segi bilangan sekolah yang ada pada tahun 2000 sebanyak 9,992 buah sekolah di seluruh negara. Bilangan ini akan bertambah pada tahun-tahun kebelakangan ini dengan pelaksanaan sekolah satu sesi di mana semua waktu persekolahan akan disatukan pada sesi pagi sahaja.

Adalah menjadi dasar kerajaan juga untuk membawa sekolah kepada rakyat dan tidak sebaliknya. Dalam era globalisasi ini atau era IT kerajaan telah mula melaksanakan projek makmal komputer di sekolah rendah dan menengah. Tumpuan akan diberi pada mendirikan makmal-makmal komputer di kawasan luar bandar bagi merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar. Bagi tujuan ini

sebanyak 2,200 makmal komputer untuk sekolah luar bandar akan dibina pada tahun 2000 dan 2001.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu banjir yang menyebabkan kerosakan kepada tanaman padi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Jamilah binti Ibrahim, bantuan dalam bentuk biji benih pernah disalurkan oleh jabatan agensi kepada mereka yang terjejas teruk akibat bencana alam. Kerajaan akan menimbang perkara ini sekiranya didapati perlu.

Yang Berhormat Dato' Ghazi mencadangkan supaya kerajaan menggunakan bank-bank yang sedia ada untuk mengeluarkan dana 'modal teroka' dan dengan itu tidak memerlukan penubuhan *one stop agency* yang baru. Dimaklumkan kerajaan dalam jangka panjang berhasrat untuk membangunkan industri modal teroka yang kukuh di negara ini khususnya bagi memajukan industri kecil dan sederhana yang berasaskan teknologi dan maklumat. Oleh hal yang demikian penubuhan satu agensi yang khusus bagi mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan modal teroka adalah difikirkan perlu. Ini memandangkan agensi ini bukan sahaja berperanan untuk menyalurkan dana modal teroka daripada kerajaan kepada syarikat-syarikat tertentu sahaja tetapi juga bertanggungjawab untuk menggubal dasar-dasar dan strategi tertentu berhubung dengan modal teroka bagi mengatasi segala isu dan masalah semasa.

Selain daripada itu agensi ini juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan pembangunan dan aktiviti yang berkaitan dengan industri modal teroka, mengenal pasti insentif-insentif yang perlu, menyediakan khidmat nasihat dan maklumat industri modal teroka serta bertindak sebagai *matchmaker* di antara *venture capitalize* dengan izin dengan syarikat modal teroka. Adalah diharapkan agensi ini akan juga menjadi satu pusat rujukan yang berwibawa mengenai semua aspek berkaitan dengan industri modal teroka di negara kita kelak.

Keputusan kerajaan supaya pengeluaran caruman untuk membeli komputer melalui Pos Malaysia Berhad adalah sebagai langkah untuk mengatasi masalah penyelewengan. Sehubungan dengan itu Pos Malaysia telah pun melantik sepuluh vendor utama yang boleh membekalkan sepuluh model komputer untuk memudahkan ahli KWSP membuat pilihan mengikut citarasa dan kemampuannya.

Pembeli pula akan mendapat perkhidmatan selepas jualan sama ada terus dari syarikat pembekal atau melalui Pos Malaysia. Kerajaan akan terus memantau kaedah pembelian komputer melalui Pos Malaysia dan seterusnya mengatasi masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli dari masa ke semasa.

Selain daripada Pos Malaysia, Bank Simpanan Nasional juga akan menawarkan perkhidmatan yang sama untuk memberi pilihan kepada pencarum KWSP. Yang Berhormat Senator Safinah binti Jusoh inginkan penjelasan mengenai sebab-sebab Indeks Komposit BSKL tidak mendapat sambutan positif selepas pembentangan ucapan belanjawan. Kejatuhan Indeks Komposit BSKL hanya dipengaruhi arah aliran bursa-bursa saham di rantau ini. Indeks Komposit BSKL telah merosot sebanyak 15.9% pada 15 Disember 2000 berbanding kedudukan pada awal Januari 2000. Prestasi BSKL ini adalah jauh lebih baik berbanding dengan bursa-bursa saham serantau yang lain seperti Singapura; -23%, Jakarta; -39.5%, Bangkok; -45.2%, Manila; -34.8%, Korea; -49.6% dan Taiwan; -40.3% pada tempoh yang sama. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator adalah tidak benar.

Yang Berhormat Senator Datuk Zainudin bin Maidin telah mendakwa langkah kawalan modal telah gagal dan jumlah reserve luar negara telah berkurangan walaupun eksport meningkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kedudukan reserve sebenar berkurangan sedikit sahaja iaitu sebanyak RM1.8 bilion atau US\$0.5 bilion bagi tempoh akhir tahun 1999 hingga akhir November 2000. Pengurangan reserve ini disebabkan antara lain:-

- (i) pengurangan import barangan modal dan perantara yang merupakan hampir 90% daripada keseluruhan import telah meningkat dengan ketara sejajar dengan kegiatan-kegiatan aktiviti ekonomi di dalam negeri;
- (ii) pengaliran keluar transaksi penamatan dan pindahan berjumlah US\$6.8 bilion selari dengan peningkatan jumlah barangan eksport dan import;

- (iii) pembayaran balik hutang luar sebanyak US\$1.7 bilion oleh Kerajaan Persekutuan, perbadanan awam bukan kerajaan dan sektor swasta; dan
- (iv) pelaburan luar negeri berjumlah US\$1.9 bilion yang dibuat oleh sektor korporat Malaysia khususnya dalam projek telekomunikasi dan juga tenaga.

Walau bagaimana pun kedudukan reserve masih lagi stabil dan kukuh iaitu berjumlah RM115.4 bilion atau USD30.4 bilion pada akhir November 2000 berbanding dengan RM115.1 bilion atau USD30.3 bilion pada 15 November 2000. Kedudukan reserve ini juga dibantu oleh lebih perdagangan serta pengaliran masuk dana pelaburan langsung asing yang kini semakin meyakinkan. Dalam pada itu tidak terdapat tanda-tanda dengan izin *capital fly* memandangkan deposit dalam sistem perbankan telah meningkat RM6.9 bilion dalam tempoh sepuluh bulan pertama 2000 berbanding dengan pertambahan hanya RM4.5 bilion pada tempoh yang sama tahun 1999. Pada masa yang sama jumlah hutang luar negara terus berkurangan daripada 57.7% pada akhir 1999 kepada 52.4% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) pada akhir September 2000. Berikutan langkah sektor swasta membuat pembiayaan semula hutang luar melalui penerbitan sekuriti hutang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Zainal Rampak pula ingin mendapatkan keterangan mengenai pindaan ke atas Jadual VI Cukai Pendapatan 1967 ACP. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pindaan ini hanya bertujuan untuk memberi penerangan yang lebih jelas bahawa semula pengecualian cukai yang telah pun diberi di bawah Ordinan Cukai Pendapatan 1947 adalah ditamatkan. Pindaan ini tidak melibatkan pengecualian cukai yang sedang dinikmati oleh individu dan badan-badan tertentu. Maka pengecualian cukai yang sedang dinikmati oleh individu dan badan-badan individu seperti peruntukan di bawah Jadual VI ACP adalah masih dikekalkan. Dengan itu bayaran pencen gratuity bersara, pembayaran-pembayaran penamatan perkhidmatan, bayaran penepian bekerja dan pendapatan sesuatu kesatuan sekerja adalah dikecualikan cukai pendapatan.

Yang Berhormat Senator Dato' Charern Intachat telah membangkitkan bahawa pengurusan cukai pendapatan dan cukai jualan pada masa ini kurang kemas.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan pengurusan serta ketulusan penguatkuasaan Akta Cukai Pendapatan 1975 dan Cukai Jualan 1972, beberapa peruntukan akta-akta tersebut yang kurang jelas sebelum ini telah dibuat pindaan. Sebagai contoh berkuat kuasa pada Januari 2000 penalti tambahan yang dikenakan bagi setiap 30 hari lewat daripada tempoh cukai patut dibayar telah dinaikkan daripada 2% kepada 10%. Penalti asas sebanyak 10% dan penalti maksimum 50% dikekalkan. Di samping itu kompaun juga telah dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM5,000. Dengan pindaan secara menyeluruh ini pengilang atau bakal pelesen yang cuba mengelak dari dilesenkan tidak akan terlepas sekiranya dapat dibuktikan ianya perlu dilesenkan. Yang Berhormat Senator yang sama juga telah membangkitkan sama ada kajian telah dibuat sebelum cukai perkhidmatan telekomunikasi diperkenalkan dalam Belanjawan 2001.

Sebenarnya cukai perkhidmatan telah mula dikenakan atas perkhidmatan telekomunikasi mulai 1 Januari 1993 atas penyediaan perkhidmatan telekomunikasi dalam bentuk telefon, facsimile, telemail dengan izin paging, cellular phone dan telex. Dalam pembentangan Belanjawan 2001 yang dicadangkan ialah pelarasan 'sko' berkenaan cukai pendapatan atas perkhidmatan telekomunikasi bagi meliputi semua jenis perkhidmatan telekomunikasi kecuali Internet iaitu perkhidmatan lebar jalur dengan izin 'band wave' dan perkhidmatan nilai ditambah. Perkara lebar jalur adalah rangkaian yang terus yang membolehkan penghantaran unit-unit maklumat dalam satu penghubungan dalam unit tempoh masa tertentu. Contohnya adalah dengan izin list line untuk mendapatkan kemudahan telefon yang lebih cekap, contoh perkhidmatan nilai ditambah adalah dengan izin auto-called back dan call divert. Oleh itu orang yang menyediakan perkhidmatan lebar jalur dan perkhidmatan nilai ditambah perlu dilesenkan. Orang berkaitan hendaklah mengenakan cukai pendapatan ke atas pelanggannya dan membayar cukai pendapatan yang dipungut kepada Jabatan Kastam.

Yang Berhormat Senator Zainal Rampak serta Yang Berhormat Siti Zailah binti Yusoff dan Yang Berhormat Senator Jamilah binti Ibrahim telah membangkitkan beberapa isu mengenai kadar pencen minimum dicadangkan dinaikkan pada RM500 gaji dan perkhidmatan Angkatan Tentera diasingkan

daripada perkhidmatan awam yang lain. Skim guru dikeluarkan daripada Sistem Saraan Baru, cadangan mengenai gaji minimum dan pembayaran bonus kepada kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menaikkan kadar pencen terendah mulai Belanjawan 2001 pada RM180 kepada RM280 sebulan. Dengan itu kerajaan buat masa ini belum lagi bercadang untuk menaikkan lagi kadar minimum tersebut kepada RM500 sebulan. Mengenai cadangan supaya saraan anggota tentera diasingkan daripada anggota perkhidmatan awam yang lain saya maklum pada masa ini saraan anggota tentera memang berasingan dengan keanggotaan perkhidmatan awam. Kerajaan juga pada masa ini sedang dalam proses mengkaji semula Sistem Saraan Baru termasuklah perkhidmatan perguruan dan perkhidmatan pegawai perubatan. Bertujuan untuk mempertingkatkan perkhidmatan tersebut. Kerajaan akan berusaha untuk mewujudkan satu skim yang lebih menarik dan bersesuaian dengan keperluan semasa. Mengenai pembayaran bonus kepada kakitangan kerajaan, kerajaan telah pun menyediakan kenyataan akhbar pada petang Rabu 13 Disember 2000 berkenaan pemberian bonus sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500. Bayaran akan dibuat sebelum akhir tahun ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang membangkitkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian serta memberikan pandangan dan cadangan semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2001. Sebagaimana yang dijelaskan pada awalnya Kementerian Kewangan akan mengambil perhatian dan mengkaji isu-isu yang tidak sempat disentuh pada hari ini. Terima kasih.

**Datuk Long bin Jidin:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diluluskan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan

Mesyuarat 53(2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya menyokong.

**Datuk Long bin Jidin:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PEKERJA-PEKERJA PELABUHAN (PERATURAN PEKERJAAN) (PEMBUBARABN) 2000**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.50 pagi**

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Pekerja-Pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) (Pembubaran) 2000 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bernama Akta Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) (Pembubaran) 2000 bertujuan memansuhkan Akta Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) 1965, Akta 419 untuk membubarkan Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang yang ditubuhkan di bawah Akta itu dan melupuskan aset Lembaga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang telah ditubuhkan mengikut Perintah Pekerja-pekerja Pelabuhan 1965 yang dibuat di bawah Akta Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) 1965. Lembaga ini ditubuhkan untuk memastikan wujudnya keadilan dan keharmonian pekerjaan di antara majikan-majikan berdaftar dengan pekerja-pekerja pelabuhan, *stevedore* dan pengendali muatan pada masa tersebut.

Ini termasuk memberi jaminan pekerjaan, melindungi hak pekerja pelabuhan, memperuntukkan faedah kebajikan kepada pekerja-pekerja pelabuhan serta

memastikan bilangan pekerja di pelabuhan mencukupi bagi meningkatkan kecekapan kerja punggah memunggah kargo di pelabuhan. Peraturan Pekerjaan 1965 telah diwujudkan. Skim ini telah mula berkuat kuasa di Pelabuhan Pulau Pinang mulai 1 Oktober, 1966. Skim ini dibiayai melalui kutipan levi bulanan pada kadar 14% daripada gaji bulanan pekerja-pekerja pelabuhan yang berdaftar dengan Lembaga.

Skim ini ditadbirkan oleh sebuah Lembaga Pengarah yang terdiri daripada wakil kerajaan, wakil Kesatuan Majikan-majikan Pelabuhan dan wakil Kesatuan Pekerja-pekerja Pelabuhan. Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang memiliki sebidang tanah seluas 10,830 kaki persegi dan sebuah bangunan empat tingkat di tanah tersebut. Lembaga juga mempunyai wang tunai sebanyak RM820,148 dan pelbagai cagaran dan hutang oleh pihak lain berjumlah RM284,000. Satu kajian telah dibuat oleh kerajaan pada tahun 1993 mendapati bahawa Lembaga Buruh Pelabuhan tidak lagi diperlukan untuk melaksanakan fungsi utamanya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) 1965.

Walaupun pada tahun-tahun 1970-an dan 80-an terdapat ramai pekerja Pelabuhan Pulau Pinang didaftar di bawah di LBPPP, tetapi dari tahun ke tahun, bilangan pekerja yang berdaftar dengan LBPPP telah berkurangan dan sehingga akhir bulan Jun 2000 hanya tinggal 291 orang pekerja sahaja yang masih berdaftar dengan Lembaga. Ini kerana keperluan tenaga kerja manual dalam operasi pelabuhan sudah berkurangan akibat peningkatan dalam penggunaan teknologi terkini untuk mengendalikan kargo secara kontena dan *buck cargo*, dengan izin, yang dibawa oleh kapal-kapal yang memerlukan tenaga kerja manual untuk kerja punggah memunggah telah juga berkurangan.

Selepas pembubaran LBPPP, tanggungjawab untuk menjaga kebajikan pekerja pelabuhan akan berpindah balik kepada majikan pekerja masing-masing. Hak pekerja dan sebarang pertikaian di antara pelabuhan dengan majikan akan diawasi dan dilindungi di bawah Akta Pekerja 1955 dan Akta Perhubungan 1967 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Buruh dan Jabatan Perhubungan Perusahaan seperti yang diperakukan bagi syarikat swasta lain.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi yang memastikan adanya bilangan pekerja pelabuhan yang mencukupi pada masa akan datang menjadi tanggungjawab

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang mengawal selia operasi pelabuhan. Majikan-majikan swasta yang sedia ada akan membekalkan pekerja-pekerja terus kepada ejen-ejen syarikat perkapalan seperti yang diamalkan sekarang. Lembaga Pelabuhan telah lama tidak menjalankan tugas ini kerana ia tidak mempunyai *stevedore* dan pengendali muatannya sendiri seperti pelabuhan lain di negara ini. Dengan pembubaran Lembaga Pelabuhan, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang akan melesenkan syarikat-syarikat *stevedore* dan mengendali muatan yang menyediakan perkhidmatan *stevedoring*, dengan izin, dan *cargo handling* di Pelabuhan Pulau Pinang. Tindakan ini adalah selaras dengan amalan di semua pelabuhan di negara dan di mana syarikat-syarikat *stevedore* adalah dilesenkan oleh pihak berkuasa yang mengawal selia operasi pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pekerja Pelabuhan telah pun digubal untuk membolehkan kerajaan memansuhkan Akta Pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) 1965, Akta 419 dan membubarkan Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang.

Fasal 1 Rang Undang-undang ini mempunyai tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akan dicadangkan.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Fasal 3 dan Fasal 4 Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan bagi pembubaran Lembaga dan bagi penguat kuasa hak keistimewaan kewajipan liabiliti serta obligasi Lembaga kepada kerajaan.

Fasal 5 Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan bagi perpindahan semua tanah dan harta aset Lembaga kepada kerajaan.

Fasal 6 mengadakan peruntukan bagi pemindahan semua wang yang ada kepada Lembaga yang kena dibayar kepada Lembaga dan kerajaan.

Fasal 7 mengadakan peruntukan bagi mewujudkan satu akaun amanah yang akan dikendalikan bagi suatu tempoh yang akan diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Fasal 8 Rang Undang-undang mengadakan peruntukan bagi pengambilalihan oleh kerajaan segala kontrak yang sedia ada oleh/atau terhadap Lembaga.

Fasal 9 mengadakan peruntukan bagi meneruskan prosiding undang-undang oleh atau terhadap kerajaan sebagai ganti Lembaga.

Fasal 10 Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan bagi meneruskan semua undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari yang menyentuh atau melindungi Lembaga dengan sebutan-sebutan tentang Lembaga ditafsirkan sebagai sebutan-sebutan tentang kerajaan.

Fasal 11 Rang Undang-undang ini bertujuan membenarkan Menteri membuat perintah untuk menghapuskan apa-apa kesukaran yang mungkin timbul berkaitan dengan pelaksanaan akta yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, dia hanya boleh berbuat demikian bagi tempoh tiga tahun dari permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah satu keperluan supaya kerajaan dapat membubarkan salah satu badan berkanun yang tidak lagi diperlukan melaksanakan fungsi asal ia ditubuhkan sebab pada masa sekarang terdapat jabatan dan agensi kerajaan yang lain yang telah diwujudkan yang bertanggungjawab dan lebih berupaya untuk melaksanakan tugas dan fungsi yang sama. Sekian, terima kasih. Saya ingin mencadangkan.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Long bin Jidin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk memansuhkan Akta Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) 1965 untuk membubarkan Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang yang ditubuhkan di bawah Akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berbangkit dan bersampingan, dibacakan kali kedua dan terbuka untuk dibahas. Sila Dato' Aziz.

**12.00 tgh.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abd. Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan sanggup menjalankan tugas-tugasnya dari segi melicinkan dan memberikan satu pengurusan yang lebih efisien kepada pengurusan pelabuhan. Tuan Yang di-Pertua, kita memang tahu bahawasanya keadaan telah banyak berubah

dari segi teknologi pengurusan pelabuhan. Seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi, kebanyakan kerja-kerja yang diusahakan oleh pelabuhan-pelabuhan di Malaysia sekarang ini ialah menerusi dengan izin, *mechanical process*, dengan krennya yang banyak kerana kebanyakannya kontena. Kontena ini, Tuan Yang di-Pertua kerana hendak usungnya secara manual ia memerlukan ratus-ratus orang tetapi mereka ini menggunakan kren.

Yang di Pulau Pinang sekarang ini, saya dapati dari segi tahun 1999 sahaja, kargo kontena merupakan 68.9% iaitu sebanyak 9.8 juta metrik tan pada tahun 1999. Jadi, ini menunjukkan bahawasanya kontena diperluaskan dari segi penggunaan. Jadi amat baik sekalilah pihak kerajaan membubarkan Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang ini dan diletakkan bidang kuasa yang sedia ada itu kepada pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mengkaji secara dengan izin, *due diligence* dibuat kepada Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang ini, sungguhpun kita dapati dalam masa tiga tahun setelah ianya dipindahkan, tuntutan-tuntutan undang-undang yang mungkin ada dikenakan kepada Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang.

Jadi, kalau tidak ada *due diligence*, kita tidak tahu. Untuk mengetahui liabiliti kalau sekiranya ada, kerana mengikut fasa-l-fasal yang disebutkan tadi, wujud di mana liabiliti perundangan kalau sekiranya ada kes-kes tertentu, tuntutan-tuntutan tertentu, ianya akan dipindahkan kepada pihak kerajaan.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkanlah lain kali kalau boleh setelah dibuat kajian, ini saya tengok kajian dibuat pada 1993, di mana keputusan telah pun dibuat supaya Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang ini supaya dibubarkan tetapi sekarang sudah masuk ke alaf baru, tahun 2000 baru akta ini dibawa ke Dewan Rakyat dan kini ke Dewan Negara untuk diluluskan dan dikuatkuasakan. Jadi, kalau boleh, perkara semacam ini dalam alam kecanggihan kita ini kalau sekiranya kajian dibuat sudah tujuh, lapan tahun dahulu, kita merasakan elok akta seperti ini dibuat dengan cepat.

Saya perhatikan terlalu banyak akta-akta yang kadangkala di baca pada peringkat Dewan Rakyat, tetapi kadangkala dibawa dan tidak dibahaskan kerana tidak

cukup masa. Akta-akta ini penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana ia merupakan paksi kepada pengurusan kerana segala prosedur, segala pengurusan yang dibuat oleh kementerian, jabatan berasaskan kepada rangka perundangan. Jadi, kalau rangka perundangan tersangkut-sangkut, kita hendak efisien ini. Kerajaan dengan IT nya, ICT nya yang ditekankan oleh Perdana Menteri kita mencerminkan satu keadaan yang amat efisien, tetapi proses-proses perundangan, proses-proses membawa bil-bil dan akta-akta ini mengambil masa yang kadangkala mengheretkan keadaan.

Jadi, sehinggakan kecanggihan matan-matan perundangan itu tidak dapat dilaksanakan selagi ianya tidak menjadi akta yang diterima yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Jadi, saya minta pihak kerajaan mengkaji prosedur ini. Kalau mahu *time flow*, *flow chart* untuk menentukan setiap akta yang digubal oleh kerajaan, berapa lama, selepas itu sampai ke peringkat Dewan Rakyat berapa lama, menerusi Dewan Negara berapa lama dan terus dijadikan perundangan. Kerana setiap kajian yang dibuat, kalau kajian yang dibuat untuk Pulau Pinang tahun 1993, sudah lulus, sudah setuju untuk hendak menghapuskan Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang, tetapi belum dibuat keputusan sehinggakan tujuh tahun kemudian, wujud satu akta. Jadi, perkara semacam ini mencerminkan bagaimana lewatnya kita. Sudah bersetuju, tetapi melaksanakannya lewat.

Begitu juga dari segi akta-akta yang lain. Saya perhatikan banyak akta-akta tertangguh, tidak dapat diluluskan oleh Dewan Rakyat, Dewan Negara kerana masa kah, kerana apakah, saya tidak tahu. Jadi, saya minta satu prosedur dibuat dengan *time flow*, dengan *flow chart* yang tertentu, dengan izin, untuk menentukan setiap akta-akta yang dicadangkan oleh kerajaan yang memerintah, yang digubal oleh pegawai undang-undang negara supaya akta itu setelah *draft difinalize* dilulus dalam Kabinet, ianya mengikut jadual-jadual tertentu diluluskan mengikut peringkat-peringkat masa tertentu.

Yang lewat, kalau lewat kita hendak tahu apa puncanya? Silapnya di mana? Adakah kementerian yang menggubal undang-undang itu, adakah pihak perundangan sendiri ataupun pejabat undang-undang yang menggubal undang-undang itu atau adakah pihak Parlimen? Kita hendak tahu kerana kita tidak mahu dipertanggungjawabkan kelewatan penggunaan undang-undang yang terbaru untuk

menentukan perjalanan kerajaan, pentadbiran kerajaan berjalan dengan efisien. Jadi, ini penting. Saya mengharapkan supaya perkara ini dapat dijalankan .

Saya tengok perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang peka dari segi membuat cepat, dari segi tindakan. Tetapi sokongan (*support*) kepada tindakan dasar yang dibuat oleh kerajaan menyokong dari segi kerangka perundangan begitu melewati pelaksanaan dasar-dasar itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang kerana begitu lama menjalankan tugas-tugas di bawah perundangan yang tersendiri dan kini hanya 291 orang sahaja pekerja-pekerja berdaftar dengan Lembaga. Saya hendak tanya pekerja-pekerja itu berdaftar dengan siapa, kerana 291 ini untuk menjalankan tugas-tugas pengendalian pelabuhan ini begitu kecil jumlah, adakah tidak pekerja-pekerja in-transit, tidak berdaftar, tidak terawang-awang atau ianya pada masa yang sama adakah pekerja-pekerja yang cara mana, saya tak berapa faham. Kalau 291 orang pekerja berdaftar dengan Lembaga ini, bila Lembaga ini dibubarkan atau pada masa yang sama tak mungkin 291 orang sahaja. Adakah pekerja-pekerja ini terawang-awang atau *suspended workers* saya tak tahu kerana bidang kuasa Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak wujud lagi. Selagi Dewan tidak meluluskan akta ini ianya tidak wujud lagi untuk mengambil alih kerja-kerja Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang.

Jadi, dalam masa transit ini saya hendak tengok, saya hendak minta pihak kerajaan mengkaji berapa ramaikah pekerja-pekerja yang terlibat yang terawang-awang kalau ada, dan 291 orang pekerja yang berdaftar kepada Lembaga ini adakah mendapat apa-apa pampasan kalau sekiranya pengambilalihan bidang kuasa Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Dan levi yang dikenakan oleh Lembaga Buruh Pulau Pinang yang berjumlah, kini saya tengok duitnya bukan main banyak, RM820,000 adakah ianya dituntut oleh mana-mana pihak, kerana ianya dihapuskan dan levi ini adalah levi daripada majikan-majikan pengurusan syarikat-syarikat yang mengendalikan kegiatan-kegiatan pelabuhan apabila sudah tutup Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang adakah wang itu dikembalikan pula kepada pihak-pihak majikan, adakah di dalam terma-terma kontraknya mengatakan - kerana wang itu sebenarnya digunakan bagi tujuan

melicinkan lagi, menyelesaikan lagi pengurusan pekerja-pekerja di bawah Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang. Tetapi di bawah terma-terma baru ini, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang mungkin wang levi itu terpaksa dicari jalan adakah ianya kembali balik kepada majikan atau diserahkan bulat-bulat kepada kerajaan untuk digunakan oleh pihak kerajaan, itu saya kurang pasti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya satu due diligent, dengan izin, dibuat kepada Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang kerana kita hendak mengetahui adakah liabiliti-liabiliti tersorok (*hidden liabilities*) dari tuntutan undang-undang dan sebagainya supaya kerajaan kita mengetahui benar implikasi kewangan, kerana tidak ada disebut implikasi kewangan. Dia kata tidak ada implikasi kewangan. Tetapi kalau ada tuntutan undang-undang, tambahan pula ada liable, civil suitkah terhadap Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang ianya terpaksa diambil alih oleh kerajaan dan berkemungkinan benda ini ada, kita tak tahu, selagi tidak ada penyiasatan rapi oleh pihak kerajaan sebelum mengambil alih. Jadi, saya minta kerajaan membuat penyiasatan rapi seperti due diligence bukan sahaja dari segi perundangan tetapi juga dari segi akaunnya. Kerana audit sekarang ini saya tengok laporan tahunan dan akaun 1999 ada, tetapi sekarang ini sudah 2000, mungkin yang 2000 pun sudah nak siap, jadi kita hendak memastikan akaun itu diaudit dengan secara teliti termasuklah satu sijil (certificate) yang mengatakan tidak ada tuntutan undang-undang. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Datuk Long bin Jidin:** Sila Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**12.04 tgh.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membahas rang undang-undang yang telah dicadangkan.

Bagi saya ada tiga isu utama dalam pembubaran Lembaga ini. Yang pertama, ialah tentang harta iaitu ada dicadangkan bahawa semua hak milik harta di Bahagian 5 dan wang di Bahagian 6 semua itu akan dipindah kepada hak milik kerajaan. Kalau kita meninjau sejarah duit ini, maka kita tahu bahawa semua ini adalah sumbangan daripada pihak majikan sebagai levi, iaitu bagi pekerja-pekerja yang berdaftar dengan

Lembaga itu, pihak majikan dikenakan 14% daripada bayaran itu sebagai levi daripada Lembaga dan kepada pihak yang tidak berdaftar sebanyak 25% dikenakan.

Jadi, semua duit ini adalah dari majikan untuk kegunaan dan kepentingan pekerja-pekerja itu. Oleh kerana itu, saya dapati isu ini sangat penting dan tak haruslah semua ini dipindah kepada kerajaan oleh kerana sumber duit ini ialah dari majikan-majikan. Juga Lembaga ini mempunyai satu bangunan dan bangunan ini sebahagian daripadanya telah disewa dan sewa itu merupakan juga satu pendapatan kepada Lembaga. Dari segi bagaimana menggunakan harta benda dan juga wang simpanan dan sebagainya yang ada, kita haruslah mengkaji dengan teliti dan cara seperti yang dicadangkan dalam pindaan ini iaitu untuk semua diletak di bawah hak kerajaan, saya dapati ini adalah kurang sesuai.

Apabila kita meninjau kenapa Lembaga ini ditubuhkan, pada tahun 1965 Lembaga ini telah ditubuhkan dan kemudian setakat ini Lembaga ini telah memainkan satu peranan yang penting iaitu Lembaga telah tentukan bahawa keadaan di pelabuhan itu sentiasa berjalan dengan lancar, tidak ada apa pertikaian di antara pekerja dengan pentadbiran pelabuhan itu dan semua kerja untuk kepentingan negara itu dijalankan dengan baik. Oleh kerana peranan ini maka pekerja-pekerja di sana telah diberi perlindungan tertentu. Mereka telah diberi perlindungan seperti orang-orang yang tidak berdaftar tidak dibenar bekerja dalam pelabuhan. Mereka yang telah didaftar itu juga menikmati beberapa kepentingan dari segi kewangan, dari segi bantuan, dari segi rawatan hospital dan sebagainya. Semua ini datang daripada levi, juga apa lagi pendapatan yang diperolehi oleh Lembaga. Sungguhpun, saya dapati dari segi perangkaan pada awal tahun 1999 hanya ada 299 pekerja yang berdaftar dan akhir 1999 ada 300 pekerja yang berdaftar iaitu tambah seorang tetapi menjelang tahun 2000, tadi kita telah diberitahu angka ini telah turun.

Dari segi pengendalian muatan ada 70 yang berdaftar pada awal tahun 1999 dan akhir 1999 ada 71. Jadi, isu yang penting di sini yang harus kita mengkaji ialah tentang duit yang ada, tentang hak milik harta tetap.

Saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa pada satu sidang yang berlangsung tentang Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan, di mana kerajaan juga mengambil langkah untuk membubarkan Lembaga itu, tetapi dengan

cara semua harta benda, semua duit yang ada itu masih digunakan oleh mereka yang patut menikmati kemudahan-kemudahan itu, dan bukan semua diletak hak kerajaan.

Dalam perkara Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan itu kita telah ditetapkan pada 13 Julai 1999 itu dibubarkan dan Menteri Sumber Manusia telah ditetapkan 19 November 1999 sebagai tarikh untuk kuat kuasa akta itu. Tetapi yang menarik hati saya ialah bagaimana kita menggunakan wang dan tanah itu. Dalam kes yang saya sebutkan itu maka mereka telah guna tanah itu untuk menubuhkan dan menyelenggarakan satu institut latihan kemahiran bagi orang-orang tua India di Nibong Tebal yang dinamakan Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillay, Kementerian Sumber Manusia untuk memberi latihan kemahiran kepada belia-belia lepasan sekolah terutama keturunan India Selatan yang tidak dapat meneruskan pelajaran biasa untuk mendapatkan kemahiran dalam bidang yang mereka menikmati. Itu adalah cara yang telah disokong oleh Dewan yang mulia ini dan kenapa kementerian tidak menggunakan cara yang sama untuk menjaga kepentingan orang-orang yang patut menikmati duit ini.

Ada mereka yang telah bersara, pekerja-pekerja dalam pelabuhan ini telah bersara, ada masih dalam rawatan perubatan dan sebagainya. Kalau kita ada duit ini maka pada pendapat saya adalah lebih baik ini digunakan untuk tujuan mereka dan tidak diambil alih oleh kerajaan. Sungguhpun untuk Tabung Yang Disatukan (consolidated fund) tetapi oleh kerana duit ini asal daripada satu tujuan yang penting, maka saya berharap pindaan-pindaan kepada seksyen 5 dan 6 itu dikaji dengan teliti supaya kita boleh ambil contoh daripada Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan untuk menjadi garis panduan kepada bagaimana kita boleh menggunakan duit itu. Itu adalah satu isu yang pertama yang penting.

Isu yang kedua ialah tentang pendaftaran syarikat-syarikat. Pada masa ini, kita dapati ada beberapa syarikat yang telah didaftarkan di bawah lembaga ini bagi majikan-majikan *stevedore* ada lapan syarikat dan kalau termasuk komponen mereka semuanya 20 syarikat. Bagi majikan-majikan pengendali muatan ada atau cargo handlers ada empat syarikat yang didaftar di bawah lembaga ini.

Saya telah difahamkan bahawa selepas lembaga ini dibubarkan maka pendaftaran itu akan diambil alih oleh SPPP atau Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang akan mengendalikan pendaftaran ini.

Saya difahamkan juga bahawa cara SPPP dan lembaga ini mendaftarkan syarikat adalah berlainan. Cara yang digunakan sekarang ialah apabila sesuatu syarikat itu didaftar, syarikat itu dibenar teruskan pendaftarannya dan kalau mereka tidak bergiat atau tidak aktif dalam kerja pelabuhan ini, maka mereka akan dikeluarkan satu surat tunjuk sebab kenapa pendaftaran itu tidak boleh dibatalkan. Itu adalah cara yang diamalkan sekarang.

Saya difahamkan bahawa cara yang baru di bawah SPPP ialah pendaftaran satu tahun demi satu tahun. Ada banyak perbezaan di antara kedua-dua cara ini, satu yang diamalkan sekarang akan memastikan bahawa syarikat-syarikat itu akan kekal dalam pendaftaran dan ini akan tentukan bahawa pekerja-pekerja mereka adalah stabil, tak akan kehilangan pekerjaan dan sebagainya. Kalau pendaftaran itu ialah untuk masa satu tahun, maka ada kemungkinan lesen itu tidak diperbaharui dan oleh kerana itu pekerja-pekerja yang didaftar di bawah syarikat ini akan menghadapi masalah yang besar.

Sungguhpun kita boleh kata mereka boleh masuk ke syarikat lain tetapi itu juga akan menimbulkan banyak masalah oleh kerana dari segi seniority dan sebagainya kalau masuk ke syarikat lain, ini sedikit sebanyak akan menjejaskan taraf mereka dalam satu syarikat lama dan dalam satu syarikat baru.

Jadi, saya minta perkara ini harus dikaji juga dari segi apabila dibubarkan apa akan terjadi kepada syarikat-syarikat ini sungguhpun didaftarkan dengan SPPP tetapi pendaftaran itu adalah mengikuti cara berlainan.

Semua syarikat yang didaftarkan itu sekarang menjadi satu conduit atau satu perhubungan yang penting di antara pekerja dengan pelabuhan. Ini untuk memastikan bahawa semua itu dijalankan dengan lancar.

Oleh kerana pendaftaran ini merupakan satu perkara yang sangat penting, saya harap ini akan diberi perhatian supaya semua pihak itu kita menjaga kepentingan mereka. Dan tentang kalau kita membubarkan lembaga ini, pada saya ada beberapa kesan yang negatif yang akan timbul.

Yang pertama, bagi pekerja-pekerja yang ada sekarang oleh kerana mereka setakat ini telah menikmati banyak kemudahan daripada lembaga, bagaimana mereka akan teruskan dengan motivasi bekerja mereka kalau mereka lihat bahawa masa hadapan mereka tidak begitu baik dari segi pekerjaan, dari segi insentif, dari segi bantuan kewangan untuk hospital, untuk anak-anak beli buku, belajar dan sebagainya mereka telah dapat semua bantuan ini. Sebagai contoh saya sebutkan apa yang mereka dapat dalam tahun 1999. Mereka telah dikeluarkan bayaran pinjaman sebanyak RM1,620 untuk membiayai perbelanjaan persekolahan anak-anak tujuh orang pekerja dan semua ini tidak dikenakan faedah, mereka telah menikmati ini.

RM300 bantuan kewangan telah dikeluarkan untuk dua orang yang ditimpa kemalangan dan terpaksa bercuti sakit tanpa gaji, mereka telah diberi bantuan. Sebanyak RM76,796 telah dibayar sebagai bayaran sugu hati kepada 33 orang pekerja yang bersara dan RM.....telah dibayar sebagai rawatan pesakit di wad hospital. Ini adalah kemudahan-kemudahan yang mereka menikmati setakat ini dan bagi mereka yang lama bersara, mereka masih datang untuk menikmati kemudahan-kemudahan tertentu.

Semua ini bagi saya adalah apa yang telah diberikan oleh lembaga dan kalau semua faedah ini akan dikeluarkan daripada mereka, maka sebagai satu kesan motivasi kepada mereka itu sudah tidak ada dan ini akan menjejaskan bagaimana kelicinan dan kelancaran pelabuhan itu akan dijalankan.

Kesan yang negatif kepada majikan juga ada, seperti saya katakan tadi pendaftaran itu boleh ditamatkan pada bila-bila masa dan ini akan menghalang perkembangan syarikat dan juga pekerja syarikat. Oleh kerana kita tidak adalah jaminan bahawa pekerjaan itu akan diteruskan, ini hanya untuk satu tahun demi satu tahun dan ini adalah satu kesan yang negatif.

Dan kesan yang negatif yang ketiga ialah kepada pengurusan pelabuhan kerana sekarang kita ada satu sistem yang dijalankan dengan lancar kenapa kita mahu ubahnya. Jadi, saya minta kerajaan mengkaji perkara-perkara yang saya telah bangkitkan itu dan saya harap satu tindakan yang akan membawa kesan baik kepada semua pihak itu akan dilaksanakan dan cadangan untuk pembubaran lembaga ini harus dikaji dengan lebih teliti sebelum sesuatu keputusan dibuat dan cadangan untuk

pindah duit itu kepada kerajaan haruslah dikaji dengan lebih mendalam lagi oleh kerana duit ini bukan duit kerajaan tetapi harus diguna oleh pekerja-pekerja itu.

Itulah pandangan-pandangan dalam perbahasan saya dalam Rang Undang-undang Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) (Pembubaran) 2000 ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

**12.31 tgh.**

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) (Pembubaran) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya kadangkala berasa hairan sebab kita tahu kerajaan dengan dasarnya daripada dikelolakan oleh kerajaan kemudian jadi swasta, tetapi dalam perkara pembubaran Pelabuhan Pulau Pinang ini sungguh aneh daripada swasta kemudian dikendalikan oleh pihak kerajaan.

Jadi, saya merasa begitu hairan dan trendnya telah bertukar dan seperti mana yang kita sedia maklum, trend privatisation penswastakan telah berlaku sejak tahun 90'an dan kenapa perkara ini hendak dilakukan ke atas Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang. Saya berharap pihak kerajaan akan menjelaskan di dalam Dewan ini sejelas-jelasnya supaya kita faham terhadap rasional mengapa dan apakah sebabnya kerajaan berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu dalam dasar kerajaan untuk menswastakan beberapa agensi kerajaan seperti Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Institut Jantung Negara, yang terbaru sekali saya dengar penyiaran negara RTM juga akan diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, saya masih lagi tetap dengan pendirian bahawa walaupun usaha kerajaan untuk menswastakan beberapa agensi kerajaan tetapi dua perkara saya memohon kepada kerajaan, dua agensi kerajaan iaitu perkhidmatan pendidikan dan kesihatan tidak harus diswastakan kerana ia melibatkan secara direct, secara langsung terhadap kepentingan rakyat dalam negara terutama

sekali dari segi soal pelajaran, is a *birthright*, dengan izin dan juga kesihatan adalah merupakan *birthright* rakyat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan yang telah dibuat seperti nama-nama yang telah saya sebutkan tadi, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Institut Jantung Negara dan sebagainya, pihak-pihak yang berkenaan, kementerian-kementerian yang terlibat telah mengadakan perundingan dengan kesatuan sekerja yang mewakili pekerja tersebut untuk mencari satu jalan penyelesaian yang baik yang memuaskan dan pekerja turut mendapat jaminan, terus bekerja dalam syarikat tersebut untuk menyara keluarga mereka.

Ada juga, Tuan Yang di-Pertua, sesetengah syarikat yang diswastakan mempunyai masalah dengan pekerja-pekerja sendiri. Saya ingin untuk menyebut seperti Puncak Niaga, Alam Flora dan Indah Water Konsortium, soal kepentingan pekerja diabaikan dan saya tahu satu dari Puncak Niaga perjanjian bersama, collective agreement di antara kesatuan dengan majikan di mana pihak majikan berdolak-dalik hampir memakan dua tahun dan akhirnya menteri mengambil keputusan merujuk perkara itu ke Mahkamah Perusahaan untuk penyelesaian. Inilah kadangkala kedapatan sesetengah agensi ini bila diswastakan dan berlakulah ketidakprihatinan syarikat tersebut terhadap tanggungjawab mereka kepada pekerja itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jika syarikat-syarikat ini prihatin kepada pekerja, ini akan dapat mempertingkatkan lagi produktiviti pekerja tersebut dan juga mencapai matlamat kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan agensi berkenaan memuaskan hati dan berkhidmat untuk negara dan rakyat dalam negara ini. Saya ingin mengingatkan syarikat-syarikat berkenaan supaya prihatin terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakan saya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng telah menjelaskan beberapa perkara terhadap kepentingan pekerja yang terlibat dalam pembubaran pekerja-pekerja lembaga di Pelabuhan Pulau Pinang. Saya ingin mengemukakan beberapa pandangan saya dan ingin meminta kepada kementerian supaya mengkaji semula terhadap cadangan untuk pembubaran pekerja-pekerja di Pulau Pinang. Sepertimana yang kita sedia maklum, jika kita surut kembali sejarah, Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang ditubuhkan pada tahun 1965 bagi mengawal selia perjalanan kerja-kerja pemunggahan yang dijalankan oleh syarikat-

syarikat stevedore di Pulau Pinang demi untuk kepentingan pengguna-pengguna pelabuhan tersebut.

Lembaga juga telah berjaya memainkan peranan dengan begitu baik sekali dan di antara beberapa fungsi lembaga adalah seperti berikut, iaitu mengeluarkan lesen kepada syarikat stevedore lesen berterusan, bukan keadaan sekarang ini di mana mengikut daripada pindaan ini, lesen-lesen dikeluarkan mengikut tahun-tahun (year by years). Jadi, bermakna tuan punya syarikat stevedore yang mengendalikan perniagaan di pelabuhan tersebut harus memohon pembaharuan lesen pada tiap-tiap tahun sekali. Ini akan menyulitkan keadaan dari segi soal pentadbiran, perjalanan syarikat tersebut dan pengendalian dan yang terutama sekali kepentingan kaum pekerja serta juga pengguna-pengguna pelabuhan yang berkenaan.

Sepertimana kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan sepertimana yang telah diputuskan oleh MTEN kita menggalakkan pengguna-pengguna pelabuhan negara Kita ini menggunakan pelabuhan dalam negara. Dengan ini pengaliran wang keluar negara kita akan dapat dikawal, tidak sepertimana masa yang lepas, Tuan Yang di-Pertua, kita tengok di Tambak Johor sahaja *almost*, dengan izin, 200 lori berulang-alik mengangkut barang daripada Semenanjung Malaysia menghantar ke Singapura. Ini menyebabkan pengaliran wang yang begitu banyak dan merugikan negara kita.

Dengan adanya pengurusan yang baik, cekap dan sebagainya saya yakin pengguna akan menggunakan pelabuhan negara kita. Di Pulau Pinang pelabuhan yang paling dekat ialah di Thailand, Phuket dan sebagainya. Saya kira barangkali kalau syarikat yang mengendalikan pelabuhan tersebut, mengurus barang-barang mendapat lesen secara berterusan kecuali ada sebab-sebab yang tertentu, kesalahan yang dilakukan oleh mereka sepertimana perundangan yang lama boleh kenakan tindakan dan ini akan dapat meyakinkan semua pihak. Pengurusan akan berjalan lancar, pengguna akan berpuas hati terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh lembaga yang berkenaan iaitu, urusan barang-barang, pemunggahan barang dan juga kenaikan barang dalam kapal-kapal yang berkenaan.

Jadi, saya memohon kepada pihak kementerian supaya mengkajinya semula kalau sudah ditukarkan kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang mengendalikan

pengeluaran lesen-lesen ini, sistem yang lama hendak dikekalkan sepertimana biasa. Ini akan dapat meyakinkan semua pihak, pengguna terutama sekali. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah diputuskan oleh MTEN untuk meyakinkan pengguna-pengguna pelabuhan akan menjadi satu bahan perbincangan, satu permasalahan akan wujud dan mereka akan pertikaian dan mereka menyatakan bahawa Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak cekap dan mereka akan mengalih untuk menghantar barang-barang mereka menggunakan pelabuhan yang bukan pelabuhan dalam negara kita. Ini demi untuk kepentingan negara, demi untuk kepentingan ekonomi negara kita dan pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang harus mengkaji semula dasar untuk memberikan lesen-lesen kepada syarikat stevedore yang menjalankan perniagaan mereka di Pelabuhan Pulau Pinang.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, menyelia tenaga kerja tambahan yang dibekalkan kepada syarikat-syarikat. Kalau dahulu lembaga menyelia dan apa juga permohonan yang dipohon oleh syarikat stevedore yang melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Jika sekiranya ada syarikat yang ingin memohon pekerja tambahan maka lembaga akan mengkaji sama ada perlu atau tidak tenaga tambahan diperlukan untuk menjalankan urusan kerja-kerja pemunggahan barang-barang naik atau turun kapal yang berkenaan.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, memberi latihan kepada pekerja. Ini satu perkara yang penting. Kalau kita ingin melihat pelabuhan kita cekap, lebih baik daripada jiran-jiran kita sama ada di selatan atau di utara, kita harus mempunyai tenaga kerja yang cekap dan terlatih yang boleh mengendalikan pelabuhan pemunggahan barang-barang yang cukup baik dan dengan ini akan dapat meyakinkan kepada pengguna dan juga akan menambah lagi kepada syarikat-syarikat yang lain kapal-kapal menggunakan pelabuhan kita untuk pemunggahan barang turun-naik dan sebagainya. Jadi, saya tidak tahu sama ada dalam usaha kita untuk memberikannya kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini menjadi satu asas kepadanya. Saya yakin Kementerian Sumber Manusia memang peka kepada perkara ini, perhatian kepada pekerja dan saya berharap ke menterian akan beritahu Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk menjalankan kerja-kerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya setelah lembaga ini ditukar, diserahkan kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sama ada Kementerian Sumber Manusia masih lagi bertanggungjawab dari segi soal undang-undang, *legality part*, saya hendak tahu. Kalau sekiranya ada, besar kemungkinan pengawasan dapat dilakukan dari segi soal latihan kepada pekerja-pekerjanya dapat dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, soal memberi latihan kepada pekerja ini dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini tidak diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia dan saya ingin hendak tahu kementerian mana, bagaimana keadaan ini, bagaimana latihan akan dilakukan.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, di masa sebelum pembubaran ini berlaku, Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang mempunyai wakil majikan - 4 wakil majikan, 4 wakil pekerja, mereka mengadakan perbincangan dari masa ke semasa. Isu perbincangan soal mempertingkatkan perkhidmatan, isu perbincangan soal kepentingan kaum pekerja, ini semua dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga. Dalam pembubaran ini penyerahan kuasa kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini tidak disebutkan sama sekali. Saya tidak tahu sama ada ini telah dibubarkan, dihapuskan dan tidak lagi ada lembaga mewakili pekerja dan majikan untuk menjaga kepentingan pekerja dan saya berharap pihak kementerian akan menimbangkan perkara ini. Saya berharap lembaga ini terus wujud kerana dari sinilah maka suara-suara pihak majikan yang mengendalikan pemunggahan kargo syarikat stevedore, wakil pekerja akan dapat berbincang dengan pihak yang mengendalikan pelabuhan tersebut dari segi *updating*, meningkatkan pengeluaran produktiviti pekerja-pekerja dan meningkatkan kepentingan pekerja dan juga menjaga kepentingan kedua pihak - majikan dan pekerja akan dapat dibincangkan sepertimana apa yang telah berlaku di masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dijelaskan oleh rakan saya juga bahawa keadaan sekarang ini lembaga telah menggunakan wang levi yang telah dipungut, mengikut nota yang saya terima, amaun butir-butir yang telah diterima pada 31 Oktober 2000 sebanyak RM144,648.71 yang telah dibekalkan kepada saya oleh pihak yang berkenaan dan dari wang ini digunakan untuk pembayaran saguhati persaraan kepada pekerja, faedah soal masuk hospital dan sebagainya, perubatan,

pembayaran pengebumian jika berlaku kematian di kalangan pekerja dan bayaran bencana alam, kebakaran, bah dan sebagainya dibayar kepada pekerja-pekerja.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, bila mana Suruhanjaya mengambil alih saya tidak tahu sama ada faedah-faedah ini harus dan boleh dinikmati oleh pekerja-pekerja. Dan ini satu kerugian yang paling besar kepada pekerja. Satu faedah yang dinikmati oleh mereka bertahun-tahun semenjak 1995 lepas menikmati faedah-faedah ini mengapa kita harus mansuhkan ini. Kalau boleh saya mencadangkan wang yang telah dikumpul ini diserahkan kepada kerajaan dan kerajaan melaburkan wang ini dan menggunakan wang ini untuk kebajikan dan kepentingan pekerja-pekerja yang berkenaan seperti mana faedah-faedah yang dinikmati pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semua fungsi dan faedah-faedah yang saya sebutkan tadi adalah begitu baik kerana secara tidak langsung ianya telah meningkatkan moral pekerja untuk bekerja dengan lebih tekun dan gigih demi memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik yang diharap oleh pengguna-pengguna Pelabuhan Pulau Pinang. Ini adalah sejajar dengan dasar kerajaan menarik seperti mana yang telah saya katakan tadi syarikat-syarikat dalam negara ini untuk menggunakan pelabuhan negara kita seperti Pulau Pinang, Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pasir Gudang, Tanjung Pelepas, Kuantan di Pantai Timur dan juga pelabuhan-pelabuhan yang lain.

Usaha ini adalah bertujuan untuk memastikan wang yang diterima tidak mengalir keluar dari negara ini adalah satu usaha yang baik yang seharusnya disokong oleh semua pihak termasuk juga Kementerian Sumber Manusia harus melihat perkara ini sebagai satu perkara yang penting demi untuk kepentingan bukan sahaja rakyat pekerja tetapi negara ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah diberitahu oleh kesatuan yang mewakili pekerja yang berkenaan, bila mana lesen ini diberikan tiap-tiap tahun *in other words*, dengan lain perkataan, dengan izin, *renewal every year*, sedangkan sistem yang ada sekarang Tuan Yang di-Pertua, wujudnya satu perjanjian bersama di antara kesatuan dengan majikan. Mengikut peruntukan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 Seksyen 14(2) (a) perjanjian bersama di antara kesatuan majikan berjalan untuk tiga tahun. Dan jika sekiranya lesen pihak syarikat yang mengendalikan pelabuhan tersebut

diberikan pada tiap-tiap tahun *renewal every year* bagaimana caranya perjanjian ini dapat diteruskan. Itu soalnya kesatuan bertanya. Adakah perjanjian akan wujud di antara kedua pihak kerana majikan tidak yakin yang dia boleh buat perjanjian bersama kerana katanya lesen saya diperbaharui tiap-tiap tahun sekali, bagaimana perjanjian hendak diwujudkan. Ini satu perkara yang serius.

Kepentingan kaum pekerja seramai 291 orang pekerja, kalau tidak silap saya, yang bekerja di Pelabuhan Pulau Pinang. Jadi bila mana perjanjian bersama tidak ada maka pihak majikan akan membuat penentuan secara bersendirian, itu kata saya semasa dulu penentuan gaji dan lain-lainnya akan terletak kepada budi bicara syarikat *leave it to market forces to decide*, ini besar kemungkinan akan wujud.

Saya memohon supaya kementerian mengkaji semua ini. Sudah ada *collective* perjanjian bersama, sudah ada peruntukan-peruntukan yang menjaga kepentingan pekerja, sudah ada perhubungan silaturahim, sudah ada ketenteraman dalam hal ehwal perhubungan perusahaan, *industrial peace* dalam Pelabuhan Pulau Pinang dan pergerakan aktiviti berjalan, perniagaan berjalan dengan baik. Kenapa perkara ini kita tidak fikirkan bersama.

Saya ingin untuk mendapatkan jawapan daripada kementerian bagaimana soal perjanjian bersama di antara kesatuan majikan di masa akan datang satu aspek Tuan Yang di-Pertua. Tetapi bagaimana pula perjanjian yang sedang berjalan yang belum tamat di antara lapan buah syarikat yang menjalankan usaha perniagaan mereka di Pelabuhan Pulau Pinang. Bagaimana perjanjian itu sekarang ini. Kalau perjanjian tersebut belum tamat, apa akan jadi. Ini satu perkara yang kementerian harus bertanggungjawab memberikan penjelasan kepada kita semua.

Soal yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kesatuan telah menulis surat kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk mengadakan perbincangan, untuk mendapatkan penjelasan dan sebagainya. Saya telah diberitahu oleh kesatuan berkenaan bahawa Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak dapat menemui mereka untuk mengadakan perbincangan. Sepatutnya perbincangan harus diadakan di antara kesatuan dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk mencari penyelesaian kerana beberapa perkara penting yang harus diselesaikan di antara Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dengan pekerja-pekerja tersebut.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, soal hutang KWSP (EPF) yang tidak dibayar oleh lapan syarikat yang berkenaan berjumlah sebanyak RM45,000. Ini satu penyelesaian jika sekiranya ini tidak diselesaikan kerana pihak Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang harus bertanggungjawab. Dan begitu juga pembayaran SOCSO atau PERKESO sama ada ini telah diperjelaskan. Kalau mereka berhutang dengan KWSP sebanyak RM45,000 saya berpendapat besar kemungkinan mereka juga berhutang dengan PERKESO tidak membayar amaun tersebut.

Jadi, ini perlu bagi kementerian melihatnya dari satu sudut yang serius dan saya menggesa kalau boleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang mengadakan perbincangan dengan kesatuan yang berkenaan untuk mencari jalan penyelesaian, untuk menyelesaikan perkara tersebut dengan lebih baik supaya ianya akan dapat memuaskan hati pekerja-pekerja dan juga kesatuan dan peralihan kuasa daripada Lembaga kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dapat berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kepentingan kaum pekerja memang tidak ada *compromise*, tidak ada tolak ansur, Tuan Yang di-Pertua, kerana tenaga pekerjalah penggerak ekonomi negara, bukan sahaja pihak korporat tetapi kaum pekerja juga adalah merupakan penggerak perkembangan ekonomi negara. Kita perlu mewujudkan perdamaian dalam perhubungan perusahaan, kita perlu tenaga pekerja yang mahir, kita perlu perkembangan ekonomi yang akan dapat menjamin kesejahteraan hidup rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kesatuan Pekerja-pekerja Pelabuhan Pulau Pinang telah menulis surat kepada pihak majikan mencadangkan supaya Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang mengeluarkan lesen-lesen kepada majikan mengikut sistem seperti mana sekarang ini dan pihak SPPP Pulau Pinang juga dari segi soal pengambilan pekerja tambahan waktu musim-musim yang tertentu harus tidak sama sekali meletakkannya kepada pihak pengurusan syarikat yang berkenaan tetapi penentuannya harus dilakukan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Kemudian, kesatuan juga meminta supaya Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang memastikan bahawa majikan-majikan bersetuju untuk ambil alih semua fungsi kebajikan dan latihan yang dibekalkan oleh Lembaga pada masa yang lepas.

Ketiga, Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang hendaklah mengenal pasti bahawa jumlah bilangan pekerja Pelabuhan Pulau Pinang tetap sentiasa cukup bagi kesempurnaan pengurusan kerja pelabuhan ini. Kesatuan sekerja bukan sahaja memohon kenaikan gaji, syarat-syarat perkhidmatan dan menjaga kebajikan-kebajikan yang harus diberikan oleh pihak majikan tetapi juga mereka prihatin terhadap fungsi perjalanan kerja-kerja di pelabuhan tersebut. Jadi itu sebabnya maka mereka mendesak supaya SPPP memastikan bahawa tenaga pekerja sentiasa cukup bagi kesempurnaan pergerakan kerja pelabuhan yang berkenaan.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, mereka juga seperti mana kata saya tadi lesen harus dikeluarkan mengikut sistem yang ada sekarang dan perjanjian bersama dan kesatuan yang wujud sekarang ini diteruskan dan hutang-hutang hendaklah diselesaikan terutama sekali hutang dengan KWSP yang telah tidak dijelaskan oleh pihak majikan yang berkenaan.

Saya kira, Tuan Yang di-Pertua, isu pembubaran buruh Pelabuhan Pulau Pinang ini bukan sahaja diambil berat oleh pihak-pihak kesatuan sekerja malahan Yang Berhormat Dato' Dr. Toh Kin Wong bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menulis surat kepada Menteri Sumber Manusia untuk mendapatkan kepastian, jaminan dan sebagainya oleh kerana Kerajaan Pulau Pinang juga melihat kepentingan pekerja dijamin dan keadaan situasi di Pulau Pinang berjalan dengan baik kerana ini adalah merupakan tanggungjawab kerajaan negeri yang berkenaan.

Jadi saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia kalau boleh sebelum Rang Undang-undang Pekerja-pekerja Pelabuhan(Peraturan Pekerjaan) (Pembubaran) 2000 ini dilaksanakan supaya perbincangan dapat dibuat secara terperinci walaupun saya tahu perbincangan dengan kesatuan berkenaan telah pun diadakan di antara Menteri Sumber Manusia sendiri dengan kesatuan yang berkenaan, namun demikian saya diberitahu bahawa keyakinan mereka terhadap perbincangan tersebut masih lagi samar-samar kerana pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak mengadakan perbincangan secara terus menerus dengan kesatuan yang berkenaan untuk meyakinkan kepada mereka bahawa sistem yang ada sekarang ini berjalan seperti mana biasa, berjalan seperti mana yang ada sekarang ini dan

kepentingan pekerja dijagai dan faedah-faedah yang dinikmati oleh pekerja harus diteruskan.

Begitu juga dengan wang-wang levi yang telah dipungutkan ini dan telah dikutip dan dibayar oleh majikan yang berkenaan, di manakah wang ini akan dibelanjakan, apakah perbelanjaan akan dibuat dan sebagainya. Ini harus diterangkan kepada pekerja. Dan majikan sendiri juga ada datang berjumpa dengan saya menyatakan bahawa mereka tidak tahu wang levi yang telah dipungut ini diserahkan kepada kerajaan, adakah ianya dipulangkan balik kepada pekerja-pekerja yang berkenaan. Jadi, ini satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang harus difikirkan oleh pihak kementerian dan diselesaikan secepat mungkin yang boleh sebelum penguatkuasaan undang-undang ini dilaksanakan

Jadi, saya dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, meminta kementerian menimbangkan perkara ini dengan serius dan secara prihatin dan sifat kita memang hendak menjaga kepentingan kaum pekerja dan ianya harus menjadi satu asas dalam pelaksanaan undang-undang yang ada sekarang ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekian pandangan saya terhadap pindaan rang undang-undang ini dan saya berharap kementerian yang berkenaan dapat memberikan penjelasan dan jawapan kerana jawapan ini akan dapat saya sampaikan kepada kesatuan yang berkenaan untuk mereka sampaikan pula kepada pekerja-pekerja yang berkhidmat dalam Lembaga itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Oleh kerana masa jam kita tepat pukul 1.00 maka Majlis ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang ini.

*Dewan dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang .*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan kementerian mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada ketiga-tiga tokoh

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz, Dato' Dr. Chin dan Senator Zainal Rampak yang sudi memberi pandangan dan berbahas dalam rang undang-undang yang kita bincangkan sekarang ini.

Rata-rata Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan isu yang bertindih-tindih dan tidak jauh lari daripada empat perkara ini iaitu aset Lembaga Buruh yang akan dimansuhkan, keduanya kedudukan majikan, ketiganya kedudukan pekerja yang mengikut statistik mutakhir ialah 291 pekerja pada bulan Jun 2000 dan keempatnya adalah keyakinan atau rasa kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas keyakinan majikan dan pekerja kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang akan mengambil alih sebahagian daripada tugas-tugas bagi memastikan fungsi dan keberkesanan Pelabuhan Pulau Pinang tidak terjejas ekoran daripada pemansuhan Lembaga Buruh tersebut.

Saya ingin merujuk kepada perkara aset seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Chin yang mengatakan bahawa semua duit adalah daripada kutipan levi. Yang Berhormat adalah separuh benar kerana mengikut statistik yang kita ada, bukan semua wang dan pendapatan yang didapati dan dicarum kepada Lembaga Buruh adalah terdiri daripada levi yang dikenakan sehingga 14% oleh majikan. Sebenarnya, ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini, walaupun levi telah dikutip daripada majikan berdaftar berdasarkan gaji dan jumlah pekerja, majikan dan pekerja tidak ada hak kepada aset Lembaga Buruh sebab levi yang dikutip adalah untuk tujuan pembiayaan kos operasi skim pekerja-pekerja pelabuhan, kos pentadbiran Lembaga Buruh, penyediaan latihan, kebajikan, keselamatan dan perkhidmatan perubatan bagi pekerja pelabuhan.

Malah semenjak tahun 1988, Lembaga Buruh mengalami defisit yang tinggi di mana perbelanjaan melebihi pendapatan. Ini bermakna kutipan levi tidak mencukupi untuk membiayai kos-kos yang saya sebutkan tadi. Hanya pada tahun 1992, 1995 dan 1997, Lembaga Buruh mengalami kelebihan dan ini adalah disebabkan geran yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun-tahun tersebut bernilai RM1.5 juta. Oleh itu, levi yang dibayar untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu daripada Lembaga Buruh seperti kebajikan, latihan dan lain-lain dan tidak boleh dianggap sebagai pembelian saham dalam Lembaga Buruh.

Saya bagi satu lagi contoh, sama juga aset Lembaga Buruh dengan aset KWSP, umpamanya, tidak boleh dituntut oleh pencarum. Oleh yang demikian, aset adalah harta Lembaga Buruh dan apa jua pendapatan yang didapati dan apabila Lembaga Buruh dibubar seperti badan-badan berkanun lain, segala aset dan liabiliti Lembaga Buruh hendaklah diserahkan kepada kerajaan.

Kita prihatin tentang cadangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin mengenai agar selepas dijelaskan segala liabiliti yang akan diuruskan oleh kementerian jika ada lebih seperti cara yang digunakan oleh Kumpulan Pekerja India Selatan di mana sebuah institusi ILP yang akan dibina dalam waktu yang terdekat ini. Cadangan Yang Berhormat Senator adalah sama dengan cadangan-cadangan daripada backbenchers kerajaan sewaktu saya menggulung di Dewan Rakyat. Perkara ini akan kita teliti dan kita terima cadangan daripada Yang Berhormat agar walaupun dana ini adalah sebenarnya dana kerajaan dan tanggungjawab kerajaan tetapi atas ihsan, kita boleh gunakan dana tersebut untuk kepentingan generasi atau pekerja yang telah berkhidmat di bawah Lembaga Buruh.

Keduanya yang saya perkatakan tadi adalah rasa bimbangnyanya kedudukan pekerja, kedudukan majikan dan keyakinan pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang mungkin dihadapi oleh bukan sahaja majikan dan pekerja. Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang bertanggungjawab atas urusan pelabuhan adalah badan yang paling layak untuk memainkan peranan bagi menentukan keharmonian dan kecukupan pelabuhan.

Lembaga Buruh kini hanya membuat pemeriksaan untuk menentukan pekerja yang digunakan adalah pekerja yang mendaftar dan amalan sekarang adalah ejen syarikat perkapalan akan menghubungi terus majikan untuk dapat pekerja dan bukan melalui Lembaga lagi. Segala beban dan tanggungjawab hal ehwal kebajikan pekerja adalah tanggungjawab majikan dan mereka ini akan terus dipelihara di bawah Akta Pekerjaan 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga melahirkan rasa bimbang dengan tutupnya Lembaga Buruh akan meninggalkan satu ruang kosong (vacuum) terhadap fungsi-fungsi pengawalan, penguatkuasaan, keselamatan dan kebajikan pekerja. Seperti saya terangkan tadi, ruang kosong ini diisi dengan adanya penguatkuasaan Akta Pekerjaan

1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan di mana kebajikan pekerja adalah akan menjadi tanggungjawab majikan.

Isu yang dibangkitkan adalah mengenai ketakutan dan kebimbangan Lembaga Pekerja dan Majikan tentang prestasi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dalam mengeluarkan lesen. Ahli-ahli Yang Berhormat merasakan bahawa majikan yang berdaftar dengan suruhanjaya pelabuhan akan rasa rugi kerana mungkin majikan baru yang mempunyai tanggungjawab dan pengalaman yang lebih akan diberi keutamaan berbanding dengan majikan lama yang berdaftar dengan Lembaga Buruh dan jika keadaan ini berlarutan, lama-kelamaan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Lembaga Buruh pada asalnya mungkin “gulung tikar”. Itu yang Yang Berhormat lahirkan rasa kebimbangan dan ketakutan.

Sebenarnya, pihak suruhanjaya pelabuhan telah mengesahkan bahawa pihaknya akan melesenkan semua majikan yang berdaftar dengan Lembaga Buruh dan ini akan menjamin majikan sedia ada tidak akan kehilangan perniagaan mereka. Selain daripada itu juga, Persatuan Majikan seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Zainal tidak berpuas hati dengan cadangan suruhanjaya pelabuhan untuk melesenkan syarikat dan cadangan membayar lesen RM5,000 setahun dan keperluan untuk membaharui lesen setiap tahun yang mungkin bercanggah dengan perjanjian bersama (collective agreement) yang ditandatangani setiap tiga tahun sekali.

Tindakan melesenkan majikan adalah satu langkah untuk mengawal dan menentukan hanya syarikat yang dilesenkan akan dapat memberi perkhidmatan di pelabuhan dan ini adalah satu cara yang baik bagi mewujudkan suasana competitiveness, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, agar majikan-majikan yang aktif sahaja yang diberi kedudukan untuk lesen mereka diperbaharui dan cadangan bahawa lesen yang dibayar sebanyak RM5,000 setahun adalah jauh lebih kecil dengan jumlah levi yang perlu dibayar kepada Lembaga Buruh oleh majikan setiap bulan.

Yang Berhormat Senator Zainal juga membangkitkan tentang EPF dan SOCSO yang tidak dibayar oleh majikan. Ini adalah tugas dan tanggungjawab majikan dan kalau mereka tidak membayar EPF dan SOCSO kita dapat maklum bahawa ada 8 syarikat yang masih beroperasi di bawah Lembaga Buruh dan

tanggungjawab EPF dan SOCSO ini adalah tanggungjawab majikan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang dapat saya ulas empat isu yang dibangkitkan iaitu aset, majikan, kerja dan keyakinan kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dengan terbubaranya Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang ini, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 11** diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK 2000**

### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**2.50 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama Rang undang-undang Kanak-kanak 2000 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang Kanak-Kanak 2000 digubal ekoran daripada satu perakuan yang terkandung dalam Pelan Induk Tindakan Sosial (Pintas) yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 14 Mei 1997. Pelan induk berkenaan telah memperakukan supaya mengkaji semula undang-undang berkaitan aspek sosial. Selaras dengan perakuan tersebut, satu Jawatankuasa Khas Mengkaji

Semula Undang-Undang Sosial yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah ditubuhkan. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jawatankuasa ini telah memutuskan supaya disediakan satu kertas bagi membincangkan isu-isu perundangan berkaitan dengan kanak-kanak dan remaja sahaja. Sebagai memenuhi kehendak tersebut, kertas yang disediakan menyentuh mengenai undang-undang sosial masa kini yang berkaitan dengan kanak-kanak dan remaja. Kelemahan-kelemahan perundangan yang ada, falsafah dan pendekatan untuk menghasilkan undang-undang baru serta implikasinya. Kertas kerja berkenaan mendedahkan bahawa undang-undang yang sedia ada kurang membantu dalam merangani gejala sosial atas alasan-alasan yang antara seperti berikut;

- Terdapat terlalu banyak undang-undang yang khusus *piecemeal legislation* dengan izin, hanya tertumpu kepada sesuatu isu yang tertentu. Akibatnya rujukan perlu dibuat kepada beberapa akta berhubung dengan sesuatu isu.
- Undang-undang yang sedia ada kurang relevan dengan keadaan semasa kerana tidak mengambil kira keperluan baru yang timbul akibat daripada perubahan sosial.
- Undang-undang yang sedia ada kurang menekankan aspek pembangunan kanak-kanak dan remaja manakala aspek pencegahan yang menyeluruh kurang diberi penekanan.
- Undang-undang yang sedia ada tidak mempunyai peruntukan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan seperti perkhidmatan kaunseling wajib kepada mangsa, pesalah, ibu dan bapa serta penilaian psikologi ke atas mangsa dan pesalah.
- Undang-undang yang sedia ada kurang memberi penekanan terhadap tanggungjawab ibu dan bapa,

- Undang-undang yang sedia ada tidak merangkumi aspek persekitaran bagi perkembangan dan pembangunan kanak-kanak kerana tidak memberi keutamaan bagi mewajibkan pengwujudan persekitaran yang mesra kanak-kanak. Sedangkan persekitaran sedemikian penting kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh.

Berdasarkan kertas yang disediakan, Jawatankuasa Khas Mengkaji Semula Undang-Undang Sosial telah memutuskan agar digubal satu undang-undang baru yang lebih mantap dan mampu menangani masalah sosial yang melanda golongan kanak-kanak masa kini. Tiga akta utama iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 yang berkaitan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak dan remaja dicadang digabungkan ke dalam satu akta baru. Satu pasukan perunding tempatan telah diambil khidmat oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk menyediakan draf awal Rang undang-undang Kanak-kanak. Draft tersebut kemudian telah disemak, diteliti dan disediakan semula oleh Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini terdapat perubahan ketara dalam kehidupan masyarakat Malaysia sama ada dari segi sosial, kebudayaan atau perhubungan interpersonal. Pembangunan pesat ekonomi negara, proses industrialisasi, urbanisasi serta migrasi dari luar bandar ke pusat-pusat bandar merupakan faktor-faktor yang telah memberi kesan terhadap nilai kepercayaan, sikap dan cara hidup yang sedia ada. Perubahan-perubahan ini telah menimbulkan pelbagai masalah sosial dan juga memberi dimensi baru kepada masalah sosial yang sudah lama wujud di negara ini. Gejala-gejala seperti penganiayaan kanak-kanak, pembuangan bayi, rogol di kalangan kanak-kanak, jenayah kanak-kanak, kanak-kanak juvana, juvana delinquency, kenakalan juvana, kehamilan remaja, fenomena lari dari rumah, bohsia, amalan lepak dan pelacuran yang dikaitkan dengan golongan kanak-kanak remaja menjadi petanda bahawa undang-undang sedia ada yang telah lama diterima pakai sebagai satu mekanisme untuk mengatasi masalah sosial kini dipersoalkan dan diragui keberkesanannya.

Masyarakat umum mula menyuarakan kebimbangan terhadap penguatkuasaan dan peranan undang-undang sebagai satu mekanisme pengawalan, pengawasan dan perubahan. Penganalisaan secara imbasan peruntukan undang-undang yang sedia ada seolah-olah telah memenuhi semua keperluan dan hak kanak-kanak dan remaja. Tetapi penganalisaan secara mendalam menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk diperbaiki dan dikemaskinikan.

Selaras dengan Wawasan 2020 adalah wajar supaya digubal satu undang-undang baru yang mengambil kira tanggungjawab semua pihak khususnya individu itu sendiri, ibu bapa dan keluarga serta ahli masyarakat keseluruhannya untuk menjamin kehidupan, perlindungan dan pembangunan kanak-kanak. Di samping itu undang-undang ini perlu juga mempunyai elemen membimbing dan mendidik kanak-kanak dan remaja supaya bertanggungjawab terhadap diri sendiri, ibu dan bapa, keluarga, masyarakat dan negara. Keluarga merupakan unit asas sosialisasi kanak-kanak dan remaja. Pembangunan institusi keluarga yang mantap merupakan satu keperluan untuk menangani penyakit sosial masa kini terutama yang melanda kanak-kanak dan remaja.

Sistem kekeluargaan di negara ini telah tergugat dengan pelbagai cabaran terutamanya perubahan dalam struktur keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh media dan budaya asing. Kewujudan keluarga yang tidak stabil atau keluarga yang diketuai oleh ibu bapa tunggal akan memberi implikasi ke atas corak dan cara gaya kehidupan kekeluargaan terutamanya dalam aspek penjagaan dan pendidikan anak. Bagi membolehkan seluruh keluarga terus memainkan peranan sebagai agen sosialisasi yang berkesan, penggubalan undang-undang baru perlu mengambil kira aspek perkhidmatan sokongan kepada keluarga terutamanya bagi keluarga yang menghadapi pelbagai masalah. Peruntukan yang mewajibkan kaunseling bagi keluarga serta anak yang didera atau yang melakukan salah laku akan dapat membantu keluarga berkenaan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi daripada diambil tindakan yang bercorak *punitive* dari segi penguatkuasaan undang-undang. Penggubalan Rang undang-undang Kanak-Kanak bertujuan menyelaraskan apa-apa pertindihan yang terdapat dalam Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan

Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 bagi mengelakkan berulang masalah penguatkuasaan.

Turut diberi penekanan ialah aspek kehidupan, perlindungan, pembangunan, perdagangan dan tanggungjawab keluarga serta penyertaan masyarakat dalam pembangunan kanak-kanak. Pada masa yang sama, undang-undang baru ini juga prihatin dan peka kepada perspektif kanak-kanak bertujuan untuk membentuk sahsiah kanak-kanak pada masa hadapan. Sebagai sebuah negara yang maju dan berada di arena antarabangsa, Malaysia turut terlibat untuk mengikut ketetapan global, kepentingan asasi kanak-kanak telah pun diberi keutamaan dalam Deklarasi Vienna dan rancangan tindakan mengenai hak asasi manusia yang menyatakan bahawa;

*"In all actions concerning children, none discrimination in the best interest of the child should be primary consideration and the views of the child given due weight, national and international mechanism and programmes should be strengthen for the defence and protection of the children in particular, the girl child, abandoned children, street children, economically and sexually exploited children, including through child phonography, child prostitution or sale of organs, children victims of diseases including acquired immune deficiency syndrome, refugees and displaced children. Children in detention, children in armed conflict, as well as children victims of famine and drought and other emergencies. International co-operation and solidarity should be promoted to support the implementation of the convention and rights of the child, should be priority in the order nation system, wild action or human rights. The world conference on human rights also stresses the child, the full and harmonious development of his or her personality should grow up in family environment which accordingly merit broader protection".*

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 merupakan satu usaha kerajaan untuk mengadakan peruntukan undang-undang yang lebih baik, rapi, bagi memelihara melindungi dan memulihkan kanak-kanak demi untuk kesejahteraan mereka. Mukadimah atau *preamble* Rang Undang-undang ini mengandungi falsafah dan prinsip-prinsip am yang memberi garis panduan mengenai semua aspek yang melibatkan kanak-kanak dengan merujuk terutamanya kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak.

Mukadimah Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 mengiktiraf bahawa kanak-kanak merupakan kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran negara. Kanak-kanak juga berhak mendapatkan perlindungan dan bantuan dalam segala hal tanpa mengira apa-apa jenis perbezaan seperti ras, asal usul budaya dan juga agama.

Rang Undang-undang ini juga mengakui dan mengiktiraf bahawa keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembesaran, pemeliharaan dan kebajikan kanak-kanak. Dengan itu keluarga juga wajar diberi bantuan yang perlu untuk membolehkan mereka menunaikan tanggungjawab mereka sepenuhnya sebagai sumber pemeliharaan, penyaraan, pemulihan dan perkembangan kanak-kanak dalam masyarakat.

Rang Undang-undang ini juga telah mengambil kira perbezaan dari segi umur yang terdapat di antara tiga akta utama yang sedia ada yang telah menimbulkan kesulitan semasa penguatkuasaan undang-undang ini. Takrif “kanak-kanak” diberi erti seorang yang berumur kurang daripada 18 tahun. Walau bagaimanapun, umur bagi tanggungjawab jenayah kekal pada umur 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 mengandungi 15 Bahagian dan 135 Fasal kesemuanya. Izinkan saya memberi huraian ringkas mengenai pembahagian Bahagian berkenaan serta menyentuh dan menjelaskan beberapa peruntukan yang penting.

Bahagian I mengandungi penjelasan mengenai pemakaian dan tarikh permulaan kuat kuasa Rang Undang-undang dan peruntukan mengenai tafsiran.

Bahagian II memperkatakan penubuhan fungsi keanggotaan masyarakat dan perjalanan Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-Kanak. Antara fungsi Majlis ialah bertanggungjawab menasihati Menteri tentang segala aspek perlindungan kanak-kanak. Mengesyorkan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan perkhidmatan kanak-kanak membangunkan program untuk mendidik orang ramai dalam pencegahan, penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak dan bertindak sebagai penasihat mengenai pengurusan operasi dan amalan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak di seluruh Malaysia.

Majlis dalam hal ini boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa bagi membantu melaksanakan fungsinya di bawah Rang Undang-undang ini. Di

samping itu Majlis juga hendaklah menubuhkan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak di seluruh Malaysia bagi menyelaras perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Keanggotaan Majlis telah diperluaskan untuk merangkumi wakil Jabatan Penjara Malaysia.

Bahagian III memperkatakan pelantikan dan kuasa Pelindung, Pendaftar Besar Kanak-Kanak Yang Memerlukan Pelindungan, Pendaftar-pendaftar Kanak-Kanak Yang Memerlukan Pelindungan dan pegawai akhlak.

Bahagian IV memperkatakan penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Semua perkara yang terjatuh di bawah Rang undang-undang sepadu ini hendaklah diuruskan di hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak ini. Mahkamah Bagi Kanak-Kanak terdiri daripada seorang Majistret Kelas Pertama yang hendaklah dikecualikan dalam hal yang diperuntukkan dalam Fasal 11(2) dibantu oleh dua orang penasihat. Seorang daripadanya mestilah seorang wanita. Fungsi penasihat adalah untuk menasihati Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengenai apa-apa perkembangan yang menyentuh perintah yang dibuat terhadap mana-mana kanak-kanak yang dihadapkan ke Mahkamah itu dan jika perlu untuk menasihati ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak yang terlibat.

Bahagian ini juga memperuntukkan bahawa jika dapat dilaksanakan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah bersidang di tempat atau hari-hari yang berlainan daripada tempat atau hari persidangan mahkamah-mahkamah yang lain. Turut diperuntukkan ialah larangan terhadap penyiaran nama, alamat, gambar dan apa-apa maklumat mengenai kanak-kanak yang terlibat. Dalam konteks ini, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mewajibkan pewujudan persekitaran yang mesra kanak-kanak atau *child-friendly*. Ini amat penting untuk memahami dan memelihara kanak-kanak demi kesejahteraan mereka.

Bahagian V mengandungi peruntukan berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Peruntukan sedemikian pada asasnya sama dengan peruntukan yang sekarang diperuntukkan dalam Bahagian IV, V, VI dan VII Akta 468;

- (a) Antara lain pelbagai hal keadaan yang mesti wujud sebelum seseorang kanak-kanak boleh digolongkan sebagai kanak-

kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan diperihalkan dalam Fasal 2.

- (b) Jagaan sementara dan pemeriksaan dan rawatan perubatan masing-masing dalam Fasal 18 dan 21.
- (c) Kesalahan berhubung dengan kesihatan kebajikan kanak-kanak yang diperihalkan dalam Bab 3.
- (d) Pemberitahuan apabila mengambil kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan diperuntukkan dalam Bab 4.

Ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa peruntukan baru yang dimasukkan ke dalam akta berhubung dengan Bahagian ini seperti yang berikut:-

- (i) Fasal 28 bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas tiap-tiap anggota keluarga seseorang kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak untuk memberitahu seseorang Pelindung jika dia mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa kanak-kanak itu telah dianiayai dan sebagainya. Akta 468 hanya meletakkan tanggungjawab kepada seorang pengamal perubatan atau pegawai perubatan untuk melaporkan kejadian penganiayaan ini. Peruntukan ini bertujuan memastikan bahawa anggota keluarga dan pengasuh kanak-kanak lebih bertanggungjawab dan mengambil berat mengenai keadaan kanak-kanak yang didera, terbiar dan sebagainya. Apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam mana-mana perintah yang dibuat oleh mahkamah bagi kanak-kanak di Fasal 30 tidak boleh melampaui tarikh kanak-kanak yang dimaksudkan dalam perintah itu mencapai umur 18 tahun.
- (ii) Sesuatu perintah yang dikeluarkan di bawah Fasal 31 untuk meletakkan seorang kanak-kanak dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan seseorang ibu atau bapa peliharaan perlu dilaksanakan dengan serta merta. Jika kanak-kanak itu tidak

dituntut dalam tempoh yang disebutkan dalam perintah itu dan Mahkamah berpuas hati bahawa langkah-langkah yang munasabah telah diambil oleh Pelindung untuk mengesan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak, keizinan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak bagi pengangkatan kanak-kanak itu hendaklah dikecualikan. Perintah-perintah yang dikeluarkan boleh ditambah dengan syarat-syarat tertentu seperti mewajibkan ibu atau bapa atau penjaga yang ditemani kanak-kanak itu menghadiri bengkel interaktif yang diaturkan oleh pihak berkuasa tertentu, menghendaki ibu atau bapa atau penjaga-penjaga melawat kanak-kanak di tempat-tempat yang selamat dan sebagainya. Tujuan menambahkan syarat-syarat ialah supaya ibu atau bapa atau penjaga lebih bertanggungjawab ke atas kesejahteraan dan kebajikan anak-anak mereka sejajar dengan hasrat dan tujuan Rang Undang-undang ini.

- (iii) Fasal 31 memperuntukkan penalti yang lebih berat terhadap pendera kanak-kanak iaitu denda wang tidak melebihi RM20,000 berbanding dengan RM10,000 di bawah Akta 468 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun berbanding dengan tempoh 5 tahun di bawah Akta 468 atau kedua-duanya.

Bahagian VI mengandungi peruntukan berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan. Peruntukan sedemikian pada asasnya sama dengan peruntukan yang sekarang diperuntukkan dalam Bahagian III dan IV Akta 106. Peruntukan-peruntukan yang sedia ada hanya memberi perlindungan kepada kaum wanita daripada dieksploitasi secara seksual. Tetapi di bawah Rang Undang-undang ini kanak-kanak lelaki juga termasuk dalam kategori yang memerlukan perlindungan dan pemulihan.

Antara lain pelbagai hal keadaan yang mesti wujud sebelum seseorang kanak-kanak digolongkan sebagai kanak-kanak yang memerlukan perlindungan

dan pemeliharaan diperihalkan dalam Fasal 38. Pelbagai kesalahan di bawah Bahagian ini diperihalkan dalam Bab 2.

Antara peruntukan-peruntukan baru yang dimasukkan ke dalam Akta berhubung dengan Bahagian ini adalah seperti yang berikut:-

- (i) Apabila Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengeluarkan perintah meletakkan seorang kanak-kanak di suatu tempat perlindungan (Fasal 40(3)(a)) atau membuat perintah meletakkan seseorang di bawah pengawasan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat (Fasal 40(3)(d)) ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dikehendaki menyempurnakan satu bon selama tempoh perintah itu dan dengan syarat-syarat seperti lawatan tetap ke tempat perlindungan dan memastikan kanak-kanak itu tinggal di dalam rumah pada masa yang dinyatakan dan sebagainya. Fasal 40(7) peruntukan baru ini dimasukkan bagi tujuan menjadikan ibu dan bapa atau penjaga kanak-kanak lebih bertanggungjawab ke atas kelakuan kanak-kanak itu.
- (ii) Mengenai kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan segera seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 41(2) termasuk kanak-kanak perempuan yang hamil luar nikah. Peruntukan baru ini bertujuan memperluas ruang lingkup perlindungan di bawah Fasal ini dan membolehkan kanak-kanak yang sedang hamil bersalin di tempat yang selamat. Ini juga merupakan satu cara untuk menangani masalah bayi dibuang.
- (iii) Fasal 43(1)(j) mewujudkan satu kesalahan baru terhadap para pelanggan yang mengambil kanak-kanak untuk memuaskan nafsunya, bagi apa-apa balasan berharga. Akta yang sedia ada tidak memperuntukkan hukuman kepada mereka yang mengeksploitasikan wanita dan gadis dan menimbulkan tanggapan masyarakat bahawa Akta ini *gender bias*, kerana tindakan hanya diambil terhadap wanita sedangkan lelaki

yang menggunakan perkhidmatan wanita tersebut terlepas daripada sebarang tindakan.

- (iv) Fasal 43 juga memperuntukkan penalti yang lebih berat terhadap mereka yang disabitkan atas kesalahan-kesalahan dalam Bab 2 hukuman penjara dan sebatan dalam mandatori bagi mereka yang memperdagangkan atau hidup atas punca pencarian pelacuran bapa dan ibu ayam. Mereka yang melanggan atau menyewa seseorang kanak-kanak untuk memberi perkhidmatan bagi nafsu seksnya, hukuman ditambah daripada denda yang tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun kepada denda tidak melebihi RM50,000 dan hukuman penjara mandatori yang tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak melebihi lima belas tahun dan sebatan mandatori tidak lebih daripada enam sebatan. Untuk kesalahan kedua dan berikutnya selain hukuman pemenjaraan juga dikenakan sebatan mandatori tidak kurang daripada enam kali sebatan dan tidak melebihi sepuluh kali.

Bahagian VII memperkatakan kanak-kanak yang tidak terkawal dan mengadakan peruntukan yang membolehkan ibu atau bapa atau penjaga seseorang kanak-kanak meminta Mahkamah Bagi Kanak-Kanak menahan kanak-kanak di sesuatu sekolah yang diluluskan, tempat perlindungan asrama akhlak, atau pusat atau meletakkan kanak-kanak tersebut di bawah pengawasan seorang pegawai akhlak.

Bahagian VIII adalah berhubung dengan memperdagangkan dan membawa lari kanak-kanak. Peruntukan sedemikian pada asasnya sama dengan peruntukan yang sekarang diperuntukkan dalam bahagian VIII Akta 468. Peruntukan baru yang terkandung dalam Fasal 52 bertujuan untuk menjadikan satu kesalahan kerana membawa atau menghantar keluar seorang kanak-kanak tanpa keizinan sewajarnya orang yang mempunyai jagaan yang sah terhadap kanak-kanak itu.

Masalah membawa lari kanak-kanak secara paksa seharusnya diberi perhatian. Ia berlaku terutama sekali apabila ibu atau bapa memperolehi perintah

jagaan daripada Mahkamah dan pihak lagi satu tidak bersetuju atau tidak ingin menghormati perintah Mahkamah itu. Peruntukan baru ini cuba menangani masalah ini. Peruntukan baru ini juga membolehkan Mahkamah memerintah supaya dibuat satu pengeledahan untuk mencari kanak-kanak itu dan mengeluarkan perintah mendapatkan balik *recovery order* seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 53.

Bahagian IX memperkatakan pelbagai institusi di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan. Institusi yang dimaksudkan ialah tempat selamat, iaitu tempat bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak, tempat perlindungan iaitu tempat bagi pemeliharaan dan pemulihan kanak-kanak, tempat tahanan, asrama akhlak, sekolah yang diluluskan dan Sekolah Henry Gurney.

Fasal 67(1) dan 75(1) bertujuan untuk menyatakan pelbagai hal keadaan yang mesti wujud sebelum seorang kanak-kanak boleh dihantar ke sesuatu sekolah yang diluluskan atau ke Sekolah Henry Gurney. Peruntukan baru ini bertujuan untuk memastikan bahawa tindakan kemasukan ke institusi kebajikan atau Sekolah Henry Gurney adalah sebagai langkah terakhir, sekiranya langkah-langkah pemulihan lain didapati tidak lagi sesuai.

Bahagian X memperkatakan tatacara jenayah di mahkamah bagi kanak-kanak. Peruntukan-peruntukan ini pada asasnya sama dengan peruntukan yang ada pada masa sekarang, peruntukan dalam Akta 90. Kanak-kanak yang dikatakan telah melakukan kesalahan jenayah, tidak boleh ditangkap, ditahan atau dibicara kecuali mengikut rang undang-undang ini. Bahagian ini juga menyatakan tatacara mahkamah bagi kanak-kanak apabila seorang kanak-kanak dibawa ke hadapan bagi apa-apa kesalahan. Peruntukan-peruntukan baru yang dimasukkan ke dalam akta berhubung dengan bahagian ini adalah seperti berikut:

Ibu atau bapa atau penjaga dikehendaki hadir pada semua peringkat prosiding mahkamah melainkan jika dikecualikan oleh mahkamah seperti yang diperuntukkan dalam fasal 88. Ibu atau bapa atau penjaga itu boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun jika tidak hadir apabila dikehendaki berbuat demikian. Peruntukan baru ini bertujuan memastikan supaya ibu atau bapa

atau penjaga tampil ke hadapan dan bertanggungjawab terhadap kebajikan anak-anak mereka.

Kepentingan kanak-kanak diberi keutamaan dan dijamin seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 90 yang membenarkan ibu, bapa, penjaga, mana-mana saudara atau orang lain yang bertanggungjawab membantu kanak-kanak membuat pembelaannya sekiranya kanak-kanak itu tidak diwakili oleh peguam. Sebelum sesuatu perintah dikeluarkan, mahkamah perlu mendapatkan dan merekodkan semua pendapat penasihat dan walaupun keputusan mahkamah tidak semestinya terikat kepada pandangan penasihat. Mahkamah perlu mencatatkan sebab-sebab tidak bersetuju dengan pendapat tersebut.

Pelbagai perintah yang boleh dibuat oleh mahkamah bagi kanak-kanak dinyatakan dalam fasal 91 termasuk perintah baru yang boleh dikeluarkan lagi iaitu, perintah sebatan ke atas kanak-kanak lelaki. Cara melaksanakan perintah sebat diperihalkan dalam fasal 92.

Untuk menanam rasa lebih tanggungjawab pada ibu bapa atau penjaga, fasal 93 mengkehendaki ibu bapa atau penjaga menyempurnakan satu bon bersyarat bagi kelakuan baik kanak-kanak yang terlibat sebagai tambahan kepada apa-apa perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah sekiranya ibu atau bapa atau penjaga melanggar mana-mana syarat bon, ibu atau bapa atau penjaga boleh didenda tidak melebihi RM5,000 dan jaminan, jika ada, boleh dilucutkan.

Fasal 95(3) memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi hendaklah membuat keputusan muktamad berhubung dengan semua rayuan dalam tempoh 12 bulan selepas notis rayuan difailkan. Hasrat peruntukan ini ialah supaya tidak timbul apa-apa kelengahan yang boleh menjejaskan kepentingan seorang kanak-kanak. Bagi seorang kanak-kanak, tempoh masa adalah penting kerana umur mereka kian meningkat.

Fasal 97(4) membolehkan Lembaga Hakim Pelawat bagi sesuatu penjara membuat semakan terhadap kes pesalah kanak-kanak yang ditahan atas limpah perkenan Yang di-Pertuan Agong atau Yang di-Pertua Negeri. Tujuan peruntukan baru ini ialah supaya pesalah kanak-kanak yang sesuai boleh dipertimbangkan untuk pelepasan dari masa ke semasa.

Hal-hal keadaan yang membenarkan mahkamah bagi kanak-kanak membuat sesuatu perintah percubaan dinyatakan dalam fasal 98. Perintah percubaan tidak boleh dibuat dalam hal jenayah berat, kesalahan sengaja menyebabkan cedera parah, merogol, melakukan sumbang mahram dan mencabul kehormatan kesalahan di bawah seksyen 377B, 377C, 377D atau 377E Kanun Keseksaan dengan perlakuan kesalahan berat dan kesalahan seksual yang berleluasa adalah tidak wajar untuk melepaskan terus pesalah-pesalah berkenaan dalam masyarakat walaupun dengan pengawasan.

Bahagian XI, memperkatakan perkara-perkara yang berhubung dengan kanak-kanak yang diletakkan dalam pemeliharaan seseorang yang layak dan sesuai termasuk mengenai kesalahan memindahkan atau menolong seseorang kanak-kanak melarikan diri daripada pemeliharaan seorang yang layak dan sesuai.

Bahagian XII, memberi kuasa kepada mahkamah bagi kanak-kanak untuk membuat perintah mengkehendaki ibu atau bapa atau penjaga seorang kanak-kanak membuat sumbangan sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah itu setelah mengambil kira kemampuan ibu atau bapa atau penjaga itu.

Bahagian XIII mengandungi peruntukan berhubung dengan penyiasatan, penangkapan, penggeledahan, penyitaan dan sebagainya.

Bahagian XIV mengandungi perkara-perkara pelbagai seperti kuasa mahkamah bagi kanak-kanak yang diberikan kepada Mahkamah Tinggi, penyimpanan dan penyelenggaraan daftar kanak-kanak yang memerlukan perlindungan Pegawai Penalti Am, permulaan dan perjalanan pendakwaan, penyampaian dokumen-dokumen dan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Bahagian XV memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan, di antara lain bertujuan memansuhkan Akta 90, Akta 106 dan Akta 468.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 akan memansuhkan Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991. Saya penuh yakin bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000, akan memudahkan lagi urusan penguatkuasaan di samping mengelakkan kekeliruan pada semua pihak.

Peruntukan-peruntukan yang bertindih dalam ketiga-tiga akta yang sedia ada telah diselaraskan dan peruntukan-peruntukan lain yang tidak berkaitan dengan kanak-kanak telah digugurkan. Di samping itu, peruntukan-peruntukan baru yang dicadangkan menekankan kepentingan terbaik bagi kanak-kanak (*best interest of the child*). Rang undang-undang ini yang turut memberi penekanan kepada aspek pembangunan dan pencegahan dapat dilihat sebagai alat intervensi dalam membendung gejala sosial. Rang undang-undang ini merupakan pelengkap kepada usaha-usaha menangani masalah sosial yang sedia dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Pelan Induk Tindakan Sosial.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sedar bahawa keberkesanan undang-undang yang berniat murni ini dan mempunyai cita-cita yang sejahtera hanya akan terhasil jika ianya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Maka, adalah penting jentera pelaksanaan diberi tumpuan dan dinilai keupayaan untuk bertindak dengan berkesan bagi menepati matlamat dan hasrat undang-undang ini. Undang-undang baru ini memerlukan satu sistem sokongan yang menyeluruh bagi melibatkan kepakaran seperti pakar psikologi kanak-kanak, pakar kanak-kanak dan pakar perubatan bagi bantu menilai dan menentukan langkah-langkah rawatan yang lebih profesional dan mantap terhadap kanak-kanak dan remaja.

Undang-undang ini memerlukan pendekatan yang berbentuk pelbagai disiplin, di mana penguatkuasaan tidak terhad kepada sesuatu agensi pelaksanaan tetapi memerlukan permuafakatan agensi-agensi utama yang bertanggungjawab dalam membangun dan mensejahterakan kanak-kanak dan remaja. Dalam memenuhi anjakan paradigma ini, maka keperluan dan kemudahan fizikal serta kepakaran dan latihan yang khusus akan diberi perhatian oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan

kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi.

### **3.23 ptg.**

**Puan Chew Poh Thoi:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000.

Saya merasa amat lega melihat penggubalan undang-undang kanak-kanak bertujuan menyelaraskan apa-apa pertindihan yang terdapat dalam Akta-akta Mahkamah Juvana, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 bagi mengelakkan berulang masalah penguatkuasaan. Saya ingin sentuh tentang jurang yang akan wujud apabila akta baru ini dikuatkuasakan di mana gadis-gadis yang berusia 18 hingga 21 tahun tidak akan memperolehi perlindungan yang sewajarnya.

Gadis-gadis yang berusia dalam lingkungan ini biasanya terdedah kepada ancaman-ancaman di dalam kes pelacuran setelah ditipu daya oleh sindiket yang terlibat. Perlindungan yang setimpal amat diperlukan oleh pihak berkuasa terhadap mereka juga. Oleh yang demikian, langkah-langkah penguatkuasaan yang diambil oleh kerajaan amat penting di dalam memastikan jurang ini tidak berlaku apabila akta baru ini berkuat kuasa kelak.

Tuan Yang di-Pertua, di masyarakat Cina pula, penggunaan kanak-kanak sebagai penyanyi untuk mencari pendapatan semakin berleluasa. Di majlis-majlis yang ada, menjemput rombongan pertunjukan nyanyian, kita sering nampak kanak-kanak terutamanya budak-budak perempuan dalam lingkungan umur belasan tahun malah ada yang berumur kurang daripada 10 tahun membuat pertunjukan nyanyian dan tarian.

Kebanyakan mereka ini bersolek seperti wanita dewasa dan berpakaian seksi semoga bernyanyi lagu yang tidak sedikit pun mempunyai sifat kebudakan dalam perangai mereka. Kanak-kanak ini biasanya mengikut rombongan nyanyian untuk merantau di seluruh negara dan lokasi pertunjukan berbeza pada setiap malam. Mereka sering terdedah kepada berbagai bahaya atau gejala negatif masyarakat dan peluang untuk mereka terjerumus dalam kegiatan pelacuran adalah lebih tinggi.

Keadaan ini amat menyedihkan dan keselamatan mereka amat membimbangkan. Persembahan tersebut berlainan dengan persembahan yang kanak-kanak terlibat dalam aktiviti sekolah dan ini semata-mata untuk mencari pendapatan yang tinggi.

Untuk memperbetulkan budaya negatif masyarakat dan menjamin hak asasi kanak-kanak, saya ingin menyeru kerajaan memandang berat terhadap gejala sedemikian dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang menyeluruh terhadap aktiviti-aktiviti yang memeralatkan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun sebagai punca pencarian pendapatan. Amaran harus diberikan kepada mereka yang pertama kali melakukan kesalahan sedemikian dan kesalahan kali yang kedua dan seterusnya harus mendakwa mereka di mahkamah. Kaunseling terhadap kanak-kanak dan ibu bapa mereka harus diadakan. Selain daripada kaunseling, punca utama di mana ibu bapa berkenaan melibatkan anak-anak mereka untuk mencari pendapatan harus disoal.

Adakah ini merupakan satu pilihan bagi mereka sahaja atau mereka mempunyai sebab-sebab yang berlainan. Pada pendapat saya, penyelesaian masalah sosial harus dititikberatkan penyelesaian menyeluruh di mana punca masalah-masalah rangkaian dan masalah sampingan dilihat daripada sudut yang lebih luas. Penekanan dari segi penyelesaian masalah sosial secara *on service*, dengan izin, tidak akan mengubati gejala sosial negatif dan komprehensif. Ini seolah-olah mengubati sakit kepala dengan ubat yang berkenaan tanpa mengkaji sedalam-dalamnya sakit kepala mungkin disebabkan oleh masalah badan yang lain tetapi bukannya kepala.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menitikberatkan betapa pentingnya kerjasama antara kementerian bagi masalah juvana. Ini amat ketara bahawa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat harus berganding bahu dengan pihak polis. Sebarang tangkapan yang dibuat oleh polis semasa operasi mereka pada lazimnya terdapat remaja yang terlibat. Sebarang kerjasama antara kementeriannya akan mengatasi masalah sosial dengan lebih berkesan. Sebarang kes juvana di mana polis menyerahkan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan di sini jugalah kementerian tersebut cari jalan untuk menyelesaikannya.

Prosedur-prosedur birokratik harus dielakkan sebab kepentingan masa depan remaja ataupun juvana yang terlibat adalah lebih penting daripada semua aspek.

Janganlah mengambil masa yang panjang untuk menyalurkan sebarang bantuan kepada mereka yang berhadapan dengan masalah sampai ke tahap di mana tidak dapat menyelamatkan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua ketahui zaman kanak-kanak dan zaman remaja merupakan zaman keemasan bagi seseorang manusia. Ia juga merupakan zaman pembelajaran dan di mana kelakuan dan sifat seseorang manusia dibentuk. Mereka ini merupakan teras bagi masa depan negara dan kita harus mementingkan masa depan mereka demi untuk negara yang akan menjejak ke alaf baru dan terus maju. Saya menyokong Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Karim.

### **3.32 ptg.**

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Seperti yang kita ketahui Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 ini ialah untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak di alaf baru ini. Saya merasa amat sedih walaupun kita sudah memasuki alaf baru dengan azam dan tekad baru, kita masih memerlukan lagi undang-undang untuk melindungi kanak-kanak. Manusia dianggapkan sudah bertamadun lebih 4000 tahun dan ini bermakna kita telah melalui pelbagai evolusi dan revolusi dalam peradaban dan tatasusila masyarakat manusia sejagat. Tetapi malangnya, ada ahli masyarakat yang ketinggalan dan tidak mengikuti perkembangan dalam penjagaan kanak-kanak sehingga rang undang-undang ini terpaksa digubal.

Sepatutnya menjaga dan melindungi kanak-kanak adalah mengikut naluri semula jadi masyarakat. Kita tidak perlu undang-undang yang mewajibkan kita memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang tidak berdosa. Menganiayai dan membunuh kanak-kanak hanya berlaku pada zaman Jahiliah di mana manusia percaya kepada perkara-perkara tahayul, terutamanya ilikan nasib. Orang dahulu percaya sepenuhnya kepada tukang tilik dan tukang ramal yang boleh menentukan nasib seseorang itu melalui tilikannya. Sekiranya tukang tilik itu mengatakan bahawa seseorang kanak-kanak itu akan membawa sial, maka kanak-kanak itu akan dibunuh

atau dibuang mengikut nasihat tukang tilik. Tetapi sekarang kita telah tahu bahawa bukan tukang tilik yang menentukan sama ada kanak-kanak itu akan membawa tuah atau sebaliknya. Di dalam Islam kepercayaan sedemikian merosakkan akidah.

Kanak-kanak yang dijaga dengan sempurna dan diberi pendidikan yang mencukupi akan menjadi kebanggaan dan aset yang sangat berharga kepada ibu bapa kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak memang sepatutnya diberi perlindungan daripada ibu bapa atau penjaga yang tidak belas kasihan ataupun yang tidak mengetahui cara-cara mengasuh kanak-kanak dengan betul. Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan para ibu bapa yang ada masalah dalam penjagaan kanak-kanak diberi kursus keibubapaan *parenting course*, dengan izin. Selalunya, masyarakat mahu mengetahui sama ada seorang individu itu sudah bersedia untuk berkahwin dari segi kemampuan, persediaan untuk berkongsi hidup dan kematangan emosi. Tetapi kita tidak pernah bertanya sama ada individu itu bersedia untuk menjadi bapa ataupun ibu. Dan jika ya, apakah persediaan yang mereka telah buat untuk menjadi ibu atau bapa. Kanak-kanak yang menjadi mangsa dera datangnya dari pasangan yang tidak dapat berfungsi dengan baik sebagai ahli masyarakat. Menghukum pasangan yang mendera anak mereka sahaja adalah tidak mencukupi. Kita mesti memberi tunjuk ajar kepada mereka agar perkara ini tidak akan berulang lagi.

Masalah tidak akan dapat diselesaikan dengan mengambil kanak-kanak tersebut dari pangkuan keluarga mereka walaupun keluarga itu bermasalah. Dengan itu, kementerian mesti memastikan bahawa ibu bapa kanak-kanak tersebut diberi kaunseling sebagai satu keluarga. Dengan itu ia dapat menyelamatkan kanak-kanak tersebut dan ibu bapa akan dapat memahami yang perbuatan mereka itu adalah salah bukan sahaja dari segi undang-undang tetapi juga peradaban dan tatasusila masyarakat. Saya harap kementerian dapatlah melatih para kaunselor yang boleh memberi bimbingan tersebut agar keluarga itu tidak berpecah. Dengan cara ini institusi keluarga tetap terpelihara dan dikekalkan seperti yang dinyatakan dalam objektif Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan Shukri

**3.36 ptg.**

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir-rahmanir-rahim. Terima kasih kerana mengizinkan saya turut serta membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Sebelum saya membahaskan dua-tiga perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang ini, saya ingin menarik perhatian tentang kanak-kanak. Saya ingin menarik perhatian terutama sekali kepada sahabat-sahabat saya yang beragama Islam, dan demikian juga kepada yang lain-lain.

Di dalam Al-Quran, Allah S.W.T. ada menyebutkan tentang cerita kanak-kanak. Pertama sekali di zaman pemerintahan Firaun. Firaun tidak mahu melihat supaya kanak-kanak lelaki itu hidup, maka Firaun memerintahkan mana-mana juga orang ataupun isteri atau orang perempuan yang dijangka akan melahirkan kanak-kanak lelaki, maka ejen-ejen, perisik-perisik Firaun akan menemui perempuan-perempuan itu, kemudian jika sekiranya perempuan itu melahirkan kanak-kanak lelaki, maka kanak-kanak lelaki itu akan dibunuh.

Pada zaman sebelum kelahiran Nabi kita, Muhamad S.A.W. yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Perlis, di zaman Jahiliah orang-orang Arab pada waktu itu melihat jika sekiranya seseorang perempuan melahirkan anak perempuan, maka dia dikira suatu yang sial ataupun satu perkara yang tidak membawa nasib baik kepada keluarga yang melahirkan anak perempuan. Maka dalam tamadun Jahiliah, kalau kita hendak katakan tamadun, peraturan Jahiliah ini, mana-mana jua orang yang melahirkan anak perempuan, anak perempuan itu akan ditanam hidup-hidup. Ini adalah suatu gambaran yang ditegaskan ataupun diceritakan oleh Allah S.W.T. di dalam Al-Quran.

Apa yang saya ingin tarik perhatian di sini bahawa persoalan kanak-kanak ini bukanlah persoalan yang baru. Ianya adalah suatu persoalan yang sudah sekian lama wujud di hadapan manusia. Tetapi bagi kita terutama sekali orang-orang Islam, anak ataupun kanak-kanak ini adalah suatu amanah. Maknanya, orang yang menghasilkan anak atau kanak-kanak itu dia adalah sebagai pemegang amanah daripada Allah S.W.T. Kepada mereka ini terletak tanggungjawab yang pertama untuk memelihara, menjaga dan mendidik anak-anak itu supaya anak-anak itu tidak akan tercebur dalam lembah kehinaan dalam apa jua kegiatan yang tidak diizinkan pertama oleh agama itu sendiri dan juga oleh budaya masyarakat pada waktu itu.

Di sini saya ingin terus masuk kepada rang undang-undang ini. Pertama sekali saya ingin bercakap tentang Perkara 4(1) iaitu Penubuhan Majlis. Saya ingin menarik perhatian 4(1)(n) di mana menteri boleh melantik tidak lebih ataupun Majlis ini hendaklah mempunyai ahli yang dilantik tidak lebih daripada tujuh orang. Selain daripada ahli-ahli yang di atas tujuh orang itu daripada ahli-ahli yang dianggap pakar. Dan disebut juga di dalam penjelasan daripada kalangan etnik, ahli-ahli kebudayaan dan juga ahli-ahli agama. Saya ingin menyarankan kepada kementerian yang berkenaan supaya dalam penubuhan Majlis ini, jangan ditinggalkan ahli-ahli agama, bukan sahaja agama Islam tetapi juga agama-agama yang lain kerana negara kita ini penduduknya berbilang agama, agama Hindu, agama Buddha, agama Kristian yang saya rasa setiap agama ini ada pandangannya yang tertentu terhadap persoalan kanak-kanak ini. Kita mengharapkan dengan bantuan ahli-ahli agama ini barangkali kita akan dapat mengatasi banyak masalah tanpa menggunakan deraan-deraan ataupun hukuman ataupun denda yang akan dikenakan di bawah akta ini tetapi memadai dengan kita menggunakan pelbagai nasihat, kaunseling yang akan diberikan oleh ahli-ahli agama yang mahir dalam hal-hal yang berkaitan dengan kanak-kanak.

Kerana setahu saya dari segi agama, walau apa cara pun dia mesti ada peraturan nikah kahwin. Hasil dari nikah kahwin itulah akan melahirkan anak-anak. Maka tentulah setiap agama yang membenarkan, yang ada peraturan nikah kahwin masing-masing itu ada cara-cara bagaimana mereka itu memelihara, menjaga, mengawal kanak-kanak itu menurut pandangan agama masing-masing seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dari segi pandangan orang-orang Cina yang saya kira kebanyakan orang Cina menganut agama Buddhist, agama Budha mempunyai pandangan-pandangan, mempunyai ajaran-ajaran tertentu tentang bagaimana untuk memelihara, mengawal supaya anak-anak yang mereka pelihara tidak akan terjatuh ke lembah yang tidak diingini.

Demikian juga agama Hindu dan apa lagi agama Islam. Agama Islam kalau kita lihat pengawalan itu ada, cuma kita ada sedikit perbezaan, misalnya di sini yang berumur 18 tahun itu masih kanak-kanak lagi. Dari segi Islam 15 tahun itu dipanggil 'mumaiyiz' iaitu orang-orang yang sudah boleh membezakan antara buruk dan yang baik. Dari segi undang-undang ini perkataan 'rogol' misalnya, dalam Islam mungkin

rogol itu tidak ada. Ia diambil perkataan 'persetubuhan luar nikah' kadang-kadang mengikut akta-akta, enakmen-enakmen yang ada. Tetapi dalam Islam disebut 'zina'. Dalam Al-Quran menyebutkan [*membaca ayat Al-Quran*]. Memang ada hukuman tetapi hukumannya berbeza. Rogol, zina itu memang ada dalam akta ini. Kalau rogol itu dikira sebagai zina, hukumannya ada, deraannya ada tetapi deraannya itu berbeza di antara yang ada dalam rang undang-undang yang kita bahaskan ini dengan deraan atau hukuman yang akan dikenakan dari segi Islam kerana Islam mahu mencegah.

Dalam al-Quran disebutkan '*la taqrabuzzina*' ini kalau kita ambil rogol itu sebagai sebahagian daripada zina juga, menurut pandangan Islam, hampir pun tidak boleh, mendekati pun tidak boleh. Dan sebarang apa jua langkah, tindakan, amalan yang boleh membawa kepada zina ini, tidak dibenarkan malah daripada awal dika wal oleh Islam sebab itulah hukuman yang dikenakan sangat berat.

Walaupun semalam Dato' Abdul Aziz ada sebutkan fasal kes rogol, dirujuk kepada Tuan Guru Nik Abdul Aziz, saya ingat Tok Guru ini dia ingatkan bukan itu satu-satunya sebab, tetapi itu salah satu daripada beberapa sebab yang boleh mendorongkan seseorang itu melakukan perkara-perkara yang mungkin tidak dapat mengawal nafsu mereka. Bukan satu-satunya maknanya kerana mendedahkan aurat bukanlah itu satu-satunya sebab, tetapi ia ada banyak sebab, kebetulan pada waktu itu beliau sedang memberi kuliah mengenai bab yang berkenaan, maka ia fokus dan sebutkan hal-hal yang seperti itu iaitu soal mendedahkan batang tubuh dan aurat itu adalah menjadi salah satu sebab.

Saya ingin menarik perhatian di sini, kalau kita melihat apabila al-Quran menyebutkan tentang hukuman zina. Ia sebut perempuan dahulu, saya minta maaf, '*azzaniatu wazzani*' pezina perempuan. Takkanlah suatu ayat al-Quran yang diturunkan oleh Allah s.w.t. mendahulukan perempuan dalam perbuatan ataupun dalam kesalahan zina ini didahulukan perempuan. Mesti ada sebab, di antaranya, bukan satu-satunya, di antara sebab-sebabnya biasanya yang kita lihat sekarang ini kerana tingkah laku perbuatan sesetengah, tidak semua – minta maaf, orang perempuan itulah yang menyebabkan orang-orang lelaki, begitu ghairah, pendedahan yang keterlaluan misalnya. Itu di antara sebab.

Sebab itu al-Quran sebut '*azzaniatu wazzani*', pezina perempuan barulah pezina lelaki, apabila disabitkan kesalahan keduanya melalui mahkamah ataupun melalui pengakuan barulah dia disebut 100 kali sebatan bagi yang belum kahwin.

Saya hendak terangkan di sini, bahawa sebatan itu bukan sebat macam yang ada sekarang ini, sebat ini ada peraturan supaya Yang Berhormat sekalian tidak berasa gerun dengan sebatan ini. Yang pertama sekali, sebatan yang akan dibuat itu, orang yang melakukan kesalahan itu mestilah berpakaian seperti pakaian yang teradat di dalam negerinya, maknanya tidak bolehlah pula dia pakai selimut *Totto* – tak boleh, pakaian yang biasa dan orang yang menyebat itu dipastikan supaya dia tidak mengangkat tangan begitu tinggi seperti pengembala lembu menyebat lembunya itu tidak boleh, ia ada peraturan sehingga dia memastikan supaya dagingnya tidak tersiat, tidak keluar darah apabila dia sebat, itu yang dikatakan 100 sebatan, sebatan itu hanyalah untuk pengajaran bukan sahaja kepada orang yang melakukan kesalahan tetapi juga orang-orang yang melihat hukuman sebatan itu dilakukan.

Itu contoh, tetapi dalam kesalahan mencuri, al-Quran menyebutkan orang lelaki dahulu, '*assariqu wassariqatu*', pencuri lelaki, fasal apa pencuri lelaki pula? Dalam bab zina, kesalahan zina, rogol – perempuan. Rogol yang belum kahwinlah ya, perempuan didahulukan, tetapi curi lelaki didahulukan sebab saya biasa dalam kebun kelapa, belum pernah lagi kelapa, padi, belum pernah lagi saya dengar orang perempuan curi padi, dia pikul padi satu guni sepikul 20 kati, tak pernah lagi saya dengar orang perempuan pikul padi daripada tengah bendang dia curi padi – tidak ada. Begitu juga curi kelapa, kalau ada 1,000 pun cuma seorang sahaja.

Maka dengan sebab itu, kita melihat logik ini jelaslah kepada kita kebenaran apa yang disebutkan oleh Allah s.w.t. bahawa orang yang paling banyak melakukan kecurian ini, curi yang berat-berat ialah orang lelaki tidak perempuan. Itu dia punya hikmat, perbezaan di antara permulaan bagaimana hukuman deraan terhadap kesalahan zina dan curi.

Jadi, dengan sebab itulah saya menca dangkan dan menyarankan kepada pihak kementerian supaya dalam pelantikan apabila melaksanakan undang-undang ini ataupun akta ini dalam pelantikan nanti, janganlah ditinggalkan ahli-ahli agama, sama

ada ia beragama Islam ataupun beragama Hindu ataupun beragama Kristian ataupun beragama Buddhist.

Begitu juga Fasal 6(1) tentang jawatankuasa-jawatankuasa yang akan dibentuk oleh anggota Majlis, ada satu diperuntukkan penubuhan jawatankuasa. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian ditubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang terdiri daripada ahli-ahli agama supaya mereka duduk membincangkan atau turut sama membincangkan tentang kanak-kanak ini, tentang bagaimana hendak mengawal, hendak menjaga supaya kanak-kanak kita tidak akan melakukan perkara-perkara yang tidak baik, perkara-perkara yang bertentangan dengan agama, bertentangan dengan adab, dengan kesopanan dan dengan akhlak bagi setiap agama itu. Saya harap supaya perkara ini diambil perhatian oleh Majlis yang akan ditubuhkan di bawah akta ini nanti, kalau sekiranya ianya dilaksanakan.

Kemudian saya juga ingin menyentuh sedikit tentang perkara 61(1) ataupun mengenai asrama akhlak. Kadang-kadang apabila kita menubuhkan sesebuah asrama ataupun membentuk sebuah asrama yang bertujuan untuk mendidik akhlak, kita lupa tentang peranan agama-agama ini.

Saya tahu bahawa seluruh agama tidak mahu melihat penganut-penganut agamanya melakukan sesuatu yang tidak baik, maknanya melihat anak-anaknya mempunyai akhlak yang tidak baik. Ini dipersetujui oleh semua agama, menurut bacaan saya, misalnya judi, saya mendapati bahawa semua agama tidak membenarkan penganut-penganutnya berjudi sama ada agama Hindu, agama Buddha, semua tidak membenarkan, tidak mahu melihat anak buahnya ataupun pengikut-pengikutnya sebagai tahi judi. Jadi, tahi judi semua tak mahu.

Kadang-kadang kita menyalahkan orang Cina, orang-orang Cina ini kaki judi, sebenarnya tidak. Itu bukan budaya orang-orang Cina, itu mungkin adat kebiasaan sahaja, bukan suatu perkara yang dibenarkan oleh agama Buddha kepada pengikut-pengikutnya supaya mereka itu dibenarkan, dibebaskan bermain judi.

Kerana persoalan keruntuhan akhlak di kalangan muda mudi kita ini mempunyai kaitan yang rapat, pertama sekali dengan orang yang diamanahkan, kalau kita lihat dari segi agama Islam, ibu bapa itulah yang diamanahkan oleh Allah s.w.t. dan oleh agama supaya menjaga, mengawal, memelihara, mendidik anak-anak mereka

itu supaya anak-anak yang mereka lahirkan ataupun yang mereka hasilkan itu menjadi anak-anak yang baik, yang berfaedah yang dapat turut memberikan sumbangan kepada pembangunan ummah, kepada pembangunan negara dan sebagainya.

Jadi, saya juga mengharap kepada orang-orang yang dibenarkan mengendalikan asrama-asrama akhlak ini supaya orang yang mengendalikan itu sendiri kita berikan mereka itu bimbingan akhlak yang sebaik-baiknya. Kadang-kadang kita lupa, kita hanya menyalahkan anak-anak kita, tetapi kita tidak melihat kepada orang-orang yang membimbing anak-anak kita itu, yang kadang-kadang anak-anak kita sudah terjerumus kepada perbuatan-perbuatan yang tidak baik, kita tidak menunjukkan kepada orang-orang yang mendidik mereka dan orang-orang yang menjaga mereka, memberikan contoh yang baik di hadapan anak-anak yang mungkin nanti dalam asrama-asrama akhlak ini kita akan ada beberapa orang pengurus, pentadbir dan sebagainya dan juga pelatih-pelatih, pembimbing-pembimbing kepada anak-anak yang kita tempatkan di asrama-asrama akhlak itu.

Dan menurut rang undang-undang ini mereka yang boleh diletakkan di asrama akhlak ini ialah mereka yang berumur sebelas hingga 18 tahun. Kalau dari segi Islam, sepuluh hingga 18 tahun ini sudah ada di antara mereka yang boleh membezakan di antara buruk dengan yang baik dan mereka biasanya mencontohi langkah-langkah, tindakan-tindakan, sikap, pendirian, perbuatan yang dilakukan oleh orang-orang yang hampir dengan mereka apa lagi orang-orang yang akan membimbing mereka.

Oleh yang demikian itu, saya ingin mencadangkan dan menyarankan kepada orang-orang yang akan mengendalikan asrama akhlak ini supaya mereka diteliti oleh pihak kementerian, mudah-mudahan dengan bimbingan mereka, dengan contoh-contoh yang mereka berikan, anak-anak yang kita hantar ke asrama akhlak ini akan dapat memperbaiki diri mereka dan kalau sekiranya mereka yang kita benarkan untuk membentuk ataupun menubuhkan asrama akhlak ini mereka yang sedikit sebanyak kita berikan bimbingan agama, kalau sekiranya di dalam asrama itu dikhususkan orang-orang yang bukan Islam, biarlah orang-orang itu juga mengetahui tentang latar belakang agama anak-anak itu, apa lagi kalau sekiranya kita campurkan.

Dan ini juga satu peluang bagi kita memberikan latihan kepada anak-anak kita yang pelbagai agama, pelbagai bangsa, pelbagai budaya ini melalui bimbingan ahli-

ahli budaya, ahli-ahli agama ini, mudah-mudahan kita akan dapat merapatkan jurang perbezaan yang selama ini kita bincangkan di dalam Dewan yang mulia ini, dengan begitu bersemangat untuk memperdekatkan, merapatkan lagi perhubungan di antara kaum dan bangsa serta di antara agama, di negara kita ini.

Saya mengharapkan sekali lagi supaya perkara-perkara dalam 61(1)(2) ini akan diambil perhatian oleh pihak kementerian ketika membentuk pertama sekali Majlis dan juga jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang akan dibentuk di bawah undang-undang ini apabila kita luluskan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira setakat itu, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid.

**3.58 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menggubal Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Walaupun asas penggubalan rang undang-undang berkenaan bertujuan menyelaraskan apa-apa pertindihan yang terdapat dalam Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 tetapi didapati bahawa rang undang-undang tersebut juga turut memberi perhatian dan penekanan yang menyeluruh kepada perlindungan kanak-kanak dengan menyentuh aspek-aspek yang berkaitan pembangunan, pelindungan, peranan dan tanggungjawab keluarga serta penyertaan masyarakat dalam pembangunan kanak-kanak.

Rang Undang-undang Kanak-kanak Tahun 2000 mengiktiraf bahawa kanak-kanak merupakan kunci kehidupan pembangunan dan kemakmuran negara. Kanak-kanak perlu diberi perlindungan dan bantuan dalam segala perkara.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak merupakan golongan yang lemah sentiasa terdedah kepada pengaruh, mudah dipengaruhi dan mudah menjadi mangsa. Dengan itu, mereka perlu diberi perlindungan yang sewajarnya. Sehubungan ini, rang undang-undang tersebut telah .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah saya minta maaf dan ingin meminta Yang Berhormat berhenti satu minit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat.

[Tuan Haji Gapar bin Gurrohu *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Yang Berhormat jemput.

**Tuan Haji Abdul Wahid bin Syed Ghany:** Terima kasih. Rang undang-undang tersebut telah membuat peruntukan di dalam keadaan di mana kanak-kanak itu boleh diberi perlindungan, misalnya besar kemungkinan kanak-kanak itu akan dcederakan dari segi fizikal, emosi atau dianiayai dari segi seks oleh bu bapa. Peruntukan yang membolehkan ibu atau kanak-kanak meminta mahkamah bagi menahan seseorang kanak-kanak di sekolah diluluskan tempat perlindungan asrama akhlak atau pusat merupakan satu cadangan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjadikan tempat perlindungan tersebut, dengan izin, conducive kepada kanak-kanak tersebut, peruntukan yang mencukupi wajarlah diberikan oleh kerajaan kepada institusi tersebut. Institusi-institusi tersebut seharusnya mempunyai kakitangan yang mencukupi dan berpengalaman untuk mengawal dan membentuk akhlak yang baik di kalangan kanak-kanak yang dihantar ke institusi-institusi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, diperhatikan bahawa rang undang-undang ini juga mengakui dan mengiktiraf bahawa keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembesaran, penyaraan dan kebajikan kanak-kanak dan dengan itu keluarga juga boleh diberi bantuan yang sewajarnya bagi membolehkan mereka menunaikan tanggungjawab sepenuhnya sebagai pemulihan dan perkembangan kanak-kanak dalam masyarakat. Di sini saya ingin menyatakan bahawa terdapat keadaan terutama di kawasan luar ibu bapa berkenaan tidak dapat menghantar anak mereka terpaksa bekerja sebagai buruh kasar untuk menampung keluarga mereka. Keadaan seperti ini boleh menyebabkan kanak-kanak itu mengalami gangguan mental dan fizikal.

Kemiskinan boleh melahirkan kanak-kanak atau apabila kanak-kanak itu besar nanti ia menjadi individu yang gagal, agresif, bermasalah dan individu yang tercicir.

Kemiskinan juga boleh mengakibatkan kanak-kanak terjerumus kepada masalah-masalah gejala sosial yang tidak diinginkan seperti mengambil dadah dan melibatkan dengan aktiviti jenayah. Sekiranya perkara ini berlaku kita tidak dapat membina sebuah negara yang maju dan kita akan tercicir berbanding dengan bangsa lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apabila rang undang-undang ini diluluskan kelak kita akan dapat memastikan penguatkuasaan yang berkesan dan efektif untuk menjaga kepentingan dan kebajikan kanak-kanak di negara ini. Dalam hal ini, dalam mewujudkan satu masyarakat Malaysia madani yang bersatu-padu, progresif, damai, penyayang, adil dan berperikemanusiaan, kerajaan haruslah menitikberatkan soal kesejahteraan generasi muda mencapai hasrat ini. Penglibatan semua aspek adalah perlu sehubungan dengan semua agensi kerajaan, ibu bapa, masyarakat dan semua pihak yang terlibat haruslah berganding bahu bagi mewujudkan satu masyarakat madani selaras dengan undang-undang tersebut.

Dengan ini sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan menerusi kementerian yang berkenaan yang membentangkan akta ini bagi memberi perlindungan kepada kanak-kanak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Dijemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Che Jam binti Haron.

**4.08 ptg.**

**Puan Hajah Che Jam binti Haron:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang diberi untuk saya turut berucap tentang Rang Undang-undang Kanak-kanak Tahun 2000 dan seterusnya menyokong setelah berdiri enam kali.

Sesungguhnya mereka, kanak-kanak tidak minta dilahirkan tetapi kanak-kanak yang dilahirkan tidak semua dalam kebahagiaan walaupun mereka sebenarnya tidak berdosa. Namun kelahiran mereka ada yang tidak dikehendaki, ada yang yatim piatu, ada yang menjadi mangsa buangan, ada yang ibu bapanya bermasalah, bercerai, bergaduh dan mereka membesar di dalam keadaan yang tidak terkawal. Ada yang menjadi mangsa deraan sama ada pada emosinya, fizikalnya dan seksualnya. Dalam masalah ini kita ucapkan terima kasih kepada NGO-NGO dan kerajaan khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah mewujudkan rumah-rumah perlindungan sebelum kanak-kanak yang terlibat melalui perbicaraan dan lain-lain lagi. Kanak-

kanak yang berumur di antara satu hari hingga lapan belas tahun pelbagai bangsa dan kaum.

Difahamkan minggu lepas di seluruh Malaysia hanya ada enam buah sahaja. Tinjauan yang dibuat didapati kanak-kanak di institusi tersebut memang ramai. Ada di antaranya terpaksa menampung hingga 140 orang. Mereka dikenali sebagai anak-anak 'gomen', mereka makan dan pakai terlalu mewah. Tetapi kakitangan pengasuhnya tidak seimbang dengan nisbah yang sepatutnya iaitu, satu pengasuh untuk enam orang bayi dan satu pengasuh untuk lima belas orang kanak-kanak. Pengasuh dan atendan bekerja secara shift di mana setiap shift hanya dua pembantu dan tiga atendan sahaja. Perkara ini lebih meruncing lagi bila tiba musim cuti kerana pekerja perlu juga bercuti. Bayangkanlah kalau dua puluh orang bayi dikawal oleh seorang pengasuh. Di manakah rasa kasih sayang dan belaian yang dapat dirasakan oleh kanak-kanak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak ibaratkan kain putih. Kita patut membentuk mereka untuk menjadi insan yang berperikemanusiaan. Kita patut memupuk bukan mengutuk, kita patut membina bukan menghina. Oleh itu, bilangan pengasuh patutlah ditambah, ringannya beban adalah kebajikannya, belaian mesra dapatlah dirasa.

Perkara kedua, dicadangkan institusi ini patut ada kelas Tadika dan Taska yang bersendirian dengan guru yang betul-betul terlatih. Hari ini perkara ini wujud tetapi ala kadar sahaja dijalankan dibantu oleh pekerja dalaman dan dibantu oleh kanak-kanak yang lebih besar di dalam institusi itu sendiri. Keadaan tidak akan berubah dan tidak berkesan membantu. Ada yang dihantar keluar bersama Kemas dan lain-lain lagi tetapi selalunya menimbulkan masalah. Andainya NGO hendak menubuhkan Taska, JKM mengenakan beberapa syarat yang ketat, sepatutnya Taska di institusi ini dicontohkan dengan lebih sempurna lagi.

Perkara ketiga, sebenarnya Institusi JKM ini amat memerlukan guru-guru agama khas lelaki dan perempuan dan juga guru kaunseling kerana kakitangan di kebanyakan institusi ini tidak ada yang mempunyai ilmu khas yang boleh menjadi pakar rujuk dalam mendisiplinkan kanak-kanak yang datang daripada pelbagai

masalah. Walaupun pada lahirnya, kita dapati mereka hidup sebagai satu keluarga yang aman.

Perkara empat, bayi-bayi yang ditempatkan di Institusi JKM ini ramai yang telah ada calon keluarga angkat. Tetapi masa yang terlalu lama memproseskannya hingga sampai lapan dan sembilan bulan dan menjadikan bilangan bayi di situ semakin bertambah dan merumitkan. Telah diedarkan tadi iaitu, untuk keluarga angkat, risalah telah diberikan, mudah-mudahan akan dapat mengatasinya.

Perkara kelima, Fasal 82 dalam Rang Undang-undang Kanak-kanak Tahun 2000, Bab 7 menyebutkan Lembaga Pelawat. Jawatankuasa Lembaga Pelawat ini dilantik oleh pusat selama tiga tahun sekali. Tetapi selalu terjadi perlantikan baru tidak dibuat semula atau tidak ada surat perlantikan baru sedangkan tugas dan peranan lembaga pelawat amatlah perlu di dalam membantu kewangan, kesihatan, kebajikan dan pengawasan serta program kemasyarakatan. Sebenarnya Ahli Lembaga Pelawat tetap mengambil perhatian walaupun tidak diiktiraf. Kata mereka seperti memandu kereta tanpa lesen.

Perkara keenam, kanak-kanak di bawah umur yang ada kes dadah, pil ecstasy dan pelacuran sememangnya tidak layak sekali dibawa masuk ke institusi ini kerana mereka sering memberontak dan lain-lain lagi.

Perkara ketujuh, kanak-kanak lelaki di rumah perlindungan ini dijaga hingga 12 tahun sahaja. Selepas itu mereka akan dihantar ke Durian Daun, Melaka dan ke Serendah untuk melanjutkan pelajaran akademik dan kemahiran. Setakat ini didapati belum ada lagi anak-anak perempuan secara menyeluruh dihantar atau diberi pendidikan yang berkenaan. Dicadangkan anak-anak perempuan juga yang berumur antara 15 tahun hingga 18 tahun diberi latihan kemahiran iaitu, kraftangan dan lain-lain sama ada didatangkan guru khas atau dihantar belajar ke luar ke mana-mana yang berpatutan sekurang-kurangnya akan membantu menjadi saraan hidup selepas keluar dari rumah perlindungan ini.

Perubahan undang-undang sosial yang membangun, yang dibentangkan hari ini diharap dapat menyelesaikan hal kemasyarakatan dan diucapkan tahniah kepada kementerian dan dengan ini saya turut menyokong. Sekian.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Jemput Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani.

**4.15 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang sedikit kepada saya untuk mengambil bahagian membahar Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana dapat menyediakan rang undang-undang yang lengkap melibatkan semua aspek permasalahan kanak-kanak di negara kita ini.

Izinkan saya untuk menyentuh sedikit mengenai taman bimbingan kanak-kanak iaitu nursery. Sebagai termaklum, taman tersebut tumbuh dengan banyaknya sama ada di kawasan bandar dan juga di luar bandar bertujuan memberi perkhidmatan kepada anak-anak wanita yang bekerja di pejabat-pejabat, di sekolah-sekolah dan di kilang-kilang. Saya mengharapkan supaya Jabatan Kebajikan khususnya Kebajikan Masyarakat di negeri-negeri dapat mengawal selia taman-taman yang telah didaftarkan di bawah jabatan itu dengan sebaik-baiknya khususnya dari mutu perkhidmatan yang diberi kepada kanak-kanak dan bayi-bayi dan juga keselamatan daripada terlibat dari pelbagai perkara yang boleh dilakukan oleh anak-anak kecil ini semasa di bawah jagaan pengasuh-pengasuh di taman-taman tersebut.

Ada ibu bapa yang pernah mengadu kepada saya bahawa anak-anak mereka diberi makanan yang tidak sesuai. Sebagai termaklum, pada suatu ketika dahulu anak-anak di taman asuhan diberi ubat tidur untuk menyenangkan pengasuh-pengasuh. Ini satu perkara yang sangat mendukacitakan. Ada juga kedapatan anak-anak cacat seumur hidup kerana terjatuh akibat pengasuh-pengasuh tidak mengawal dengan rapi. Saya pohon penjelasan daripada kementerian sama ada ada perangkaan mengenai kes-kes kecederaan anak-anak di taman-taman asuhan akibat dari kelalaian pengasuh-pengasuh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai termaklum, sekarang ramai ibu-ibu yang bekerja menghantar anak-anak mereka di taman-taman asuhan termasuk bayi-bayi yang di bawah umur satu tahun. Saya yakin sekiranya anak-anak yang dihantar ke taman asuhan yang berdaftar kemungkinan besar anak-anak tersebut mendapat layanan yang sempurna dan terkawal dengan baik demi mengelak kejadian-kejadian yang tidak

diingini. Suka saya maklumkan bahawa perkembangan terakhir ini saya dapati banyak perkhidmatan mengasuh anak-anak kecil ini dijalankan di rumah-rumah biasa bagi mengatasi masalah ibu-ibu yang memerlukan khidmat bagi mengawasi dan menjaga anak-anak mereka semasa mereka pergi bekerja.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian atau Jabatan Kebajikan sama ada Jabatan Kebajikan memantau mengenai perkhidmatan mengasuh anak-anak secara kecil-kecilan ini sama ada memohon kebenaran bagi menjalankan perkhidmatan tersebut. Saya bimbang jika ibu-ibu yang mengambil upah menjaga anak-anak atau bayi-bayi ini menjalankan khidmatnya tanpa pengetahuan khusus mengenai anak-anak atau bayi-bayi ini tentang makanan yang harus diberi, didikan, pertuturan atau habit yang baik yang harus disemai, maka hal ini tentulah akan mendukacitakan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka. Saya khuatir anak-anak tersebut tidak selamat semasa di bawah jagaan ibu-ibu atau orang-orang yang tidak begitu bertanggungjawab yang semata-mata untuk mendapatkan upah sahaja.

Saya minta pihak kementerian harus memastikan setiap pengasuh mesti menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dengan cara-cara mengasuh yang sebaik-baiknya. Saya ingin mencadangkan supaya pengasuh kecil-kecilan dikenal pasti dan seboleh-bolehnya didaftarkan. Selain daripada diberi kursus intensif bagaimana mereka harus mengendalikan tugas mereka sebaik-baiknya, saya kira pihak kerajaan harus memberi peruntukan khas bagi mereka yang menyediakan alat-alat kelengkapan yang diperlukan seperti alat-alat permainan, meja kerusi yang sesuai termasuk juga buaian bagi bayi-bayi kecil. Jadi ini adalah sangat perlu sebagai satu sumbangan kita atau pertolongan kita kepada masyarakat-masyarakat khususnya masyarakat di luar bandar.

Saya juga ingin menegaskan supaya rumah-rumah yang mengadakan khidmat pengasuhan ini dilawati oleh pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan dan yang bertanggungjawab mengenai anak-anak untuk memberi khidmat nasihat sekiranya timbul apa-apa permasalahan yang berkaitan dengan urusan pengasuhan.

Kesimpulannya, apa yang saya timbulkan ini merupakan satu masalah kecil tetapi ada kait mengaitnya dengan kemajuan masyarakat dan negara. Jika khidmat taman asuhan ini dijalankan dengan baiknya ini adalah dapat menolong

menyelesaikan masalah-masalah pekerja dan dengan demikian pekerja-pekerja yang menjalankan tugas mereka masing-masing tanpa rasa bimbang tentang nasib anak-anak mereka yang ditinggalkan di taman-taman asuhan.

Saya yakin perkhidmatan kepada kanak-kanak sama ada di taman bimbingan nursery dan juga anak-anak yang mendapat khidmat pengasuhan secara kecil-kecilan ini sepenuhnya dilindungi oleh Rang Undang-undang Kanak-kanak yang dibahaskan pada petang ini. Apa yang saya utarakan saya yakin adalah relevan dengan kehendak rang undang-undang ini. Saya pohon menyokong Rang undang-undang Kanak-kanak 2000 ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Dijemput Yang Berhormat Datuk William Lau.

**4.21 ptg.**

**Datuk William Lau Kung Hui:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada kementerian serta pegawai dan kakitangannya yang telah berusaha dengan gigih dan memainkan peranan yang penting dalam menjaga kebajikan kanak-kanak di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya sedia maklum bahawa kementerian ini adalah sentiasa berusaha untuk mencapai beberapa sasarannya termasuk mempromosikan langkah-langkah yang boleh mengukuhkan kestabilan dalam keluarga, mengurangkan risiko terhadap kanak-kanak, meningkatkan kecekapan dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak di negara ini. Walaupun rang undang-undang ini merupakan suatu pembentukan yang kritikal dan cergas serta mencerminkan satu usaha yang baik oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bagaimanakah kita harus menyelaraskan undang-undang yang bercanggah seperti yang terdapat dalam peruntukan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 iaitu Law Reform (Marriage and Divorce) Act, 1976 dengan peruntukan dalam Rang Undang-Undang Kanak-Kanak 2000. Sebagai contoh, di bawah Law Reform

(Marriage and Divorce) Act, undang-undang telah memperuntukkan bahawa dalam suatu prosiding perceraian kebajikan anak-anak adalah penting diutamakan.

Tidak dinafikan ini adalah suatu perkara yang baik. Apa yang menjadi persoalan saya ialah apabila kebajikan anak-anak difikirkan sebagai suatu perkara pokok dengan izin, *in the best interest of the child or the interest of the child is a paramount importance*. Mahkamah agak terikat dengan doktrin ini dan oleh yang demikian, mahkamah agak keberatan untuk meluluskan sesuatu perceraian. Keengganan pihak mahkamah tersebut sebenarnya akan menjejaskan kesejahteraan anak-anak kerana jika suami dan isteri tidak sanggup lagi tinggal bersama tetapi mereka masih tidak mendapat kebenaran untuk bercerai, tidakkah ini akan memberi kesan yang lebih buruk kepada nasib anak-anak yang tinggal di bawah satu bumbung?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa peruntukan di bawah Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 ini adalah komprehensif tetapi saya ingin sentuh tentang satu perkara. Tuan Yang di-Pertua, perlindungan bukan sahaja bermaksud perlindungan fizikal semata-mata malah ia sepatutnya meliputi perlindungan emosi dan tidak hanya tempat perlindungan. Itu pun diperuntukkan di bawah perkara 11 di mana pengertian kanak-kanak yang memerlukan perlindungan termasuk dcederakan dari segi emosi.

Di negara kita pada masa ini perkhidmatan untuk kanak-kanak yang datang dari keluarga yang bercerai masih sedikit bilangannya. Kebiasaannya kanak-kanak tidak suka dipisahkan dari keluarga mereka. Dalam banyak perkara apabila berlakunya konflik emosi di antara ibu bapa, apa yang diperlukan ialah satu bentuk sokongan sementara bagi ibu bapa tersebut untuk menyelesaikan masalah mereka yang mungkin memakan masa misalnya setengah hingga satu tahun. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kerajaan patut menyediakan peruntukan bagi orang-orang yang layak atau sukarelawan untuk bertindak sebagai penjaga sementara kepada kanak-kanak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah ini telah dia malkan di England kerana mereka mendapati kanak-kanak yang ditempatkan di rumah bersama penjaga sementara mampu untuk menguruskan hidup mereka dengan baik berbanding dengan kanak-kanak yang terbiar atau yang dihantar ke rumah-rumah kebajikan kanak-kanak.

Selain itu, di sepanjang tempoh ini juga wujud semangat setiakawan dan kepercayaan di antara kanak-kanak tersebut dengan penjaga sementara mereka. Justeru itu, kerajaan patut mengadakan suatu peruntukan kepada orang perseorangan atau organisasi untuk mengendalikan perkhidmatan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya ingin menarik perhatian kepada Fasal 61, 65 dan Fasal 73 di mana Menteri berkenaan boleh menubuhkan atau menetapkan asrama-asrama akhlak dan sekolah-sekolah diluluskan. Untuk menjamin asrama-asrama akhlak dan sekolah diuruskan dengan baik dan piawaian yang tinggi, saya mencadangkan kerajaan patutlah mengadakan pegawai-pegawai penguat kuasa supaya asrama-asrama akhlak dan sekolah diluluskan diperiksa dari semasa ke semasa untuk memastikan semua kanak-kanak menikmati piawaian minimum seperti menu makanan, persekolahan, pakaian dan kebersihan.

Tuan Yang di-Pertua, selain perkara itu, sehubungan dengan rang undang-undang ini, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan dengan isu sumbang kadim atau dengan izin, *incest*.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan bahawa Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 ini adalah komprehensif tetapi saya tidak dapat nampak apa-apa cadangan peruntukan spesifik untuk membantu atau mengatasi masalah kanak-kanak yang menjadi mangsa sumbang kadim (*incest*). Ramai di antara mangsa-mangsa yang terjebak serta tidak mendapat kaunseling mendapati sukar untuk melupakan peristiwa durjana ini tetapi sesetengah dari mereka yang mendapat kaunseling didapati berjaya menerajui kehidupan yang lebih baik dan tidak terjejas dengan apa-apa perasaan atau pandangan yang negatif. Ada juga mangsa yang membunuh diri, menyalahgunakan dadah, makan minum menjadi tidak teratur dan berbagai-bagai lagi akibat peristiwa sumbang kadim.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari terdapat masalah sumbang kadim (*incest*), patut diberikan perhatian wajar. Saya mencadangkan kerajaan patut menyediakan perkhidmatan kaunseling yang ditubuhkan di bawah satu peruntukan tribunal yang dinamakan sebagai Persatuan Mangsa Sumbang Kadim atau dengan izin, *Incest Survival Association*, sebuah pertubuhan kebajikan yang memberi bantuan dan kaunseling kepada mangsa-mangsa sumbang kadim. Melalui badan seperti ini,

mangsa-mangsa sumbang kadim adalah berpeluang serta digalakkan bercakap terus tentang peristiwa yang telah berlaku kerana lazimnya, mangsa-mangsa sumbang kadim malu memberitahu kejadian sebenar kepada keluarga mereka.

Tiada siapa yang suka untuk membincangkan perkara sumbang kadim tetapi jika ini ada di bawah di tangga, ia akan berlanjutan dan satu langkah segera perlu diambil untuk mengatasi masalah ini. Saya percaya seorang mangsa boleh mencapai kejayaan hidup yang lebih baik walaupun pernah terlibat dengan sumbang kadim jika masalah ini ditangani dengan cara yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya memohon untuk menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gorrohu:** Dijemput Yang Berhormat Hajah Azizah.

#### **4.33 ptg.**

**Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan Akta Kanak-kanak tahun 2000.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang telah berusaha dengan gigih untuk menggabungkan tiga akta asal dalam satu akta yang dipanggil Akta Kanak-kanak 2000. Penggabungan ini telah menghasilkan satu akta yang komprehensif dan memudahkan rujukan untuk semua pihak yang berkenaan seperti mahkamah, peguam, pegawai kebajikan dan juga pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin menyokong pandangan yang telah pun disampaikan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi sebentar tadi berkenaan dengan anak-anak gadis yang telah mencapai umur 18 tahun tetapi masih lagi di bawah umur 21 tahun. Saya berharap pihak kementerian akan mengambil kira nasib mereka ini yang juga memerlukan pembelaan kerana dengan berkuat kuasanya akta yang baru ini nanti, maka mereka itu akan terkeluar daripada *jurisdiction*, dengan izin, Undang-undang Kanak-kanak tahun 2000, sedangkan seperti yang dikatakan juga oleh Yang Berhormat Puan Chew tadi bahawa ramai anak gadis yang memerlukan perlindungan

yang terjebak dalam masalah-masalah gejala sosial ini adalah terdiri daripada anak gadis di bawah umur 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberikan pandangan saya tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan akta ini. Secara amnya, kes-kes yang selalunya di mana kanak-kanak dibawa ke hadapan Mahkamah Kanak-kanak atau sekarang ini masih lagi dikenali sebagai Mahkamah Juvana adalah kanak-kanak yang di luar kawalan ibu bapa mereka ataupun penjaga atas beberapa sebab.

Antaranya ialah pertama, kemiskinan keluarga di mana kedua ibu bapa atau ibu bapa tunggal terpaksa membanting tulang untuk menyara keluarga mereka bekerja seharian sehinggakan anak-anak mereka terbiar tanpa penjagaan yang sewajarnya. Oleh yang demikian, maka mudahlah bagi kanak-kanak ini sama ada mengikuti kawan-kawan yang sebaya ataupun secara sendiri mereka melibatkan diri dengan perkara-perkara yang tidak sihat dan kerap kali ibu bapa mereka hanya mengetahui perkara ini apabila kanak-kanak ini ditangkap oleh pihak polis dan dirujuk kepada pegawai-pegawai kebajikan, kemudian barulah dicari ibu bapa mereka. Setelah itu, barulah ibu bapa mengetahui bahawa anak-anak mereka telah melakukan perkara-perkara yang tidak baik ataupun terlibat dengan jenayah.

Anak-anak gadis pula terpicat dengan dunia material masa kini. Ingin turut sama bergaya dan ingin berpakaian seperti anak-anak orang yang berkemampuan. Akhirnya, mereka juga mencari jalan mudah untuk mendapatkan wang dengan memperdagangkan tubuh. Kadang-kadang mereka ini dieksploitasi oleh manusia-manusia yang hidup dengan memperdagangkan tubuh badan insan-insan yang lain. Selain daripada melacurkan diri, anak-anak gadis ini juga mengunjungi pusat-pusat hiburan dan turut sama terjebak dengan penggunaan dadah seperti ecstasy, syabu dan di Sabah kebanyakannya, sekurang-kurangnya mereka mengambil ubat batuk.

Tuan Yang di-Pertua, kerap kali kalau kita melihat dan kalau kita membaca surat khabar, sekiranya ada cerita serbuan oleh pihak-pihak berkuasa ke atas premis-premis hiburan di seluruh negara, laporan itu juga akan menyatakan bahawa di kalangan pengunjung-pengunjung premis-premis tersebut terdapat anak-anak gadis tempatan di bawah umur.

Saya kalau membaca surat khabar selalu bertanya ataupun berharap anak-anak gadis yang ada di tempat tersebut biarlah anak-anak daripada negara asing ataupun warga asing tetapi bila kadang-kadang saya bertanya dengan pihak polis ataupun mana-mana pihak yang melakukan serbuan, saya cepat diberitahu bahawa ramai yang terlibat adalah anak-anak gadis tempatan kita yang juga anak-anak di bawah umur.

Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri kepada soalan saya pada 14 Disember yang baru lalu juga telah menjelaskan bahawa remaja yang diuji air kencing mereka selepas serbuan ke premis-premis hiburan, mereka ini merupakan muda-mudi yang juga suka mengunjungi pusat-pusat sedemikian didapati sebilangan besarnya positif mengambil dadah dan sebilangan besarnya ialah dadah ecstasy dan syabu. Syabu ini terdapat banyak di negeri Sabah kerana datang daripada negara jiran yang berdekatan, mudah sekali didapati.

Anak-anak gadis yang ditangkap dalam serbuan-serbuan di premis-premis hiburan ini, kemudiannya akan dirujuk pula ke asrama-asrama akhlak di seluruh negara kita. Apa yang ingin saya kemukakan di sini kepada kementerian ialah oleh kerana asrama-asrama akhlak pada ketika ini memang banyak lagi yang kekurangan dari segi kepakaran dan juga facilities mereka. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya asrama-asrama akhlak ataupun tempat-tempat perlindungan ini haruslah bersiap sedia untuk menghadapi situasi seperti apa yang saya sebutkan tadi di mana mereka akan berhadapan dengan anak-anak ataupun kanak-kanak yang akan dirujuk kepada mereka di mana mereka ini telah pun terdedah kepada beberapa gejala negatif sosial masa kini.

Kanak-kanak ini juga akan merupakan kanak-kanak yang *hostile*. Ini saya lihat sendiri daripada pengalaman yang pernah berhadapan dengan kanak-kanak di Mahkamah Juvana. Ini tentulah akan menjadikan satu masalah kepada pegawai-pegawai ataupun pengasuh-pengasuh mereka di rumah-rumah pelindung ataupun di asrama-asrama akhlak. Oleh yang demikian, saya cadangkan supaya pegawai-pegawai akhlak hendaklah dilatih dan terlebih dahulu ditambah jumlah mereka dan dilatih dengan disiplin-disiplin yang sewajarnya agar mereka bersiap-sedia untuk

menghadapi dan seterusnya menangani keadaan yang lebih mencabar lagi pada masa kini.

Selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya asrama-asrama akhlak ini, sekolah-sekolah yang diluluskan, tempat selamat dan juga taman-taman atau tempat perlindungan yang akan ditubuhkan atau diwujudkan dengan berkuat kuasanya Akta Kanak-kanak 2000 ini nanti akan disediakan dengan guru-guru agama yang tetap yang duduk di asrama ataupun di rumah perlindungan tersebut. Ini bertujuan untuk memastikan kanak-kanak yang akan tinggal di situ nanti akan mendapat bimbingan agama yang sewajarnya kerana apa yang saya lihat daripada pengalaman bahawa guru-guru agama cuma datang sekali-sekali secara *ad hoc* sahaja, dengan izin, tetapi mereka tidak duduk di situ, sedangkan anak-anak yang kita hantar ke tempat-tempat yang disebutkan tadi adalah merupakan kanak-kanak yang bermasalah. Jadi, serba-sedikit bimbingan agama itu adalah amat penting untuk memastikan mereka dapat dikembalikan ke jalan yang benar dan mendapat bimbingan yang sepatutnya diberikan kepada mereka.

Kunjungan saya satu ketika dahulu ke tempat seperti Taman Seri Puteri, didapati bahawa saya dimaklumkan ada di kalangan kanak-kanak yang dihantar ke situ di kalangan anak-anak gadis, ada di kalangan mereka itu adalah gadis-gadis yang bukan sahaja *hostile*, dengan izin, tetapi agresif dan kerana mereka ini agresif, tenaga pengajar yang ada di situ ataupun pegawai-pegawai akhlak di situ menjadi takut kepada kanak-kanak ini. Itu juga menjadi satu permasalahan yang saya rasa harus diambil kira oleh kementerian dalam pelaksanaan akta ini kelak.

Saya berharap pihak yang bertanggungjawab akan melihat perkara ini dengan terperinci dan mencari jalan untuk memastikan bukan sahaja tenaga pekerja di asrama-asrama ini terkawal, terjaga ataupun *protected*, dengan izin, begitu juga kanak-kanak yang lain yang tinggal di situ juga tidak akan merasa takut dan akan mendapat bimbingan yang sepatutnya mereka terima daripada tenaga-tenaga pengajar yang ada di situ.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh dalam perbahasan ini ialah dari segi latihan. Saya mendapati latihan yang diberikan di asrama-asrama ini adalah latihan yang tradisional sahaja seperti kraf tangan, jahit menjahit dan memasak bagi

kebanyakan anak-anak gadis yang ditempatkan di asrama-asrama perlindungan ini. Saya tidak menyangkal bahawa latihan-latihan yang diberikan ini adalah latihan yang baik, namun saya merasakan bahawa dalam dunia yang serba mencabar hari ini di mana era Internet sudah pun berada di tengah-tengah kita maka anak-anak gadis ini memerlukan kemahiran yang lebih mencabar lagi untuk mereka apabila mereka keluar daripada pusat-pusat di mana mereka dihantar ini supaya mereka boleh hidup seperti anak-anak gadis biasa seperti ahli-ahli masyarakat yang lain, mereka boleh mencari kehidupan selain daripada boleh memasak dan menjahit tetapi mereka juga boleh menyara hidup mereka agar mereka tidak akan lagi terlibat dengan perkara atau gejala-gejala sosial seperti pelacuran dan sebagainya.

Jadi, saya mencadangkan kepada kementerian supaya melihat dari segi aspek latihan yang patut diberikan kepada kanak-kanak yang dihantar ke asrama akhlak, rumah perlindungan dan sekolah diluluskan ini supaya dipelbagaikan latihan yang diberikan itu dan dibawa keluar daripada latihan-latihan ataupun kemahiran-kemahiran tradisional yang disediakan sekarang ini. Ini tentulah memerlukan peruntukan yang besar dan saya rasa untuk kebaikan anak-anak kita, generasi akan datang, tentulah kerajaan akan bermurah hati untuk memberikan peruntukan yang besar kerana mereka inilah yang bakal mewarisi segala apa juga yang kita lakukan pada hari ini. Jika mereka ini rosak maka rosaklah masa depan negara kita. Jadi, saya mencadangkan supaya di antara kursus ataupun latihan yang boleh diberikan kepada mereka ini adalah seperti kursus menggunakan komputer, taip menaip dan sebagainya yang haruslah difikirkan oleh pihak kementerian nanti.

Begitu juga saya ingin mencadangkan di sini supaya ditambahkan lagi pakar-pakar psikologi kalau sudah pun ada, masih berkurangan patut ditambah, kalau tidak ada, diadakan pakar-pakar psikologi kanak-kanak supaya mereka ini boleh membantu memberikan kaunseling yang sebenar-benarnya diperlukan oleh anak-anak kita yang bermasalah sebab tidak ada gunanya kita ambil mereka kemudian kita simpan mereka di tempat-tempat asrama-asrama tertentu ini tetapi akhirnya apabila mereka keluar daripada situ mereka bukan pula bertambah baik malah bertambah rosak binasa pula akhlak mereka dan mereka tidak dapat dipulihkan atau diperbaiki seperti apa yang kita harap-harapkan. Jadi, saya berharap melalui penguatkuasaan akta ini nanti maka

pakar-pakar yang diperlukan juga dapat disediakan oleh kementerian supaya objektif untuk menggubal undang-undang ini, akta ini akan benar-benar tercapai.

Secara khususnya saya juga ingin menyentuh beberapa fasal di dalam akta ini. Pertamanya tadi saya mendengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang membentangkan rang undang-undang ini yang telah menyatakan bahawa keadaan yang mahu diwujudkan dalam Mahkamah Kanak-Kanak nanti adalah keadaan yang mesra kanak-kanak. Saya biasa duduk dalam Mahkamah Juvana dan ia sama juga seperti mahkamah-mahkamah kalau kita membicarakan penjenayah-penjenayah yang lain, tidak ada bezanya. Kadang-kadang kalau kita kena pergi *on circuit*, dengan izin, kanak-kanak ini terpaksa melalui tempat yang sama, pintu yang sama dilihat oleh ramai orang dan kita tahulah kehadiran di mahkamah merupakan satu stigma yang akan melekat kepada mereka sampai bila-bila masa dan hadir di mahkamah itu selalunya memanglah satu perkara yang akan menimbulkan banyak lagi masalah yang lain khususnya kepada anak-anak gadis. Jadi, saya mencadangkan kalau kita mahu mengadakan keadaan mesra kanak-kanak, premis yang lain digunakan untuk mendengar kes-kes untuk kanak-kanak di bawah akta ini supaya mereka dapat dikecualikan daripada menjadi tontonan orang ramai. Ini saya bercakap daripada pengalaman saya sendiri.

Begitu juga berkenaan dengan tempat-tempat tahanan sementara misalnya lokap-lokap polis. Saya biasa menyatakan pada pihak yang berkuasa supaya jangan mereka dimasukkan di dalam lokap, kanak-kanak yang ditahan ataupun ditangkap oleh polis kerana melakukan kesalahan-kesalahan tertentu tetapi keadaan masa kini tidak membenarkan mereka ditempatkan di tempat-tempat yang lain, terpaksa juga mereka disimpan di balai-balai polis berdekatan dengan penjenayah-penjenayah yang lain. Jadi, ini juga satu perkara yang harus dilihat oleh pihak kementerian dan diberikan perhatian yang mendalam supaya kanak-kanak ini benar-benar dapat dipisahkan daripada penjenayah dewasa dan juga dengan izin, *hard core criminal*.

Selain daripada itu juga saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah memberikan takrifan di bawah Fasal 17, pengertian kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan yang begitu cukup luas dan yang merangkumi banyak keadaan atau situasi yang *prevalent*, dengan izin, seperti yang

disebutkan oleh rakan saya tadi bahawa kita kerap kali pada masa sekarang ini mendengar atau membaca kes-kes tentang seksual, sumbang muhrim terhadap kanak-kanak oleh bapa mereka sendiri, didera, terbiar atau dijadikan peminta sedekah. Jadi saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah berjaya memasukkan satu takrifan yang sungguh luas merangkumi penjenayah-penjenayah yang saya sebutkan tadi.

Berkaitan dengan Fasal 19 (4) iaitu pemberitahuan kepada ibu bapa atau penjaga tentang penjagaan sementara kanak-kanak. Ini saya lihat dimestikan dilakukan oleh Pelindung sebaik sahaja kanak-kanak tersebut diambil atau dijaga sementara oleh Pelindung. Saya rasa ini satu perkara yang mungkin tidak praktikal dapat dilakukan oleh kerana sekiranya kanak-kanak yang diambil dalam perlindungan ini seperti kanak-kanak yang dijadikan peminta sedekah misalnya, kita tidak tahu siapa sama ada ibu bapanyakah yang menjadikan dia peminta sedekah ataupun sindiket-sindiket tertentu, begitu juga dengan kanak-kanak gadi yang dijadikan pelacur. Jadi kemungkinan untuk menghubungi pihak ibu bapa mereka ini satu perkara yang agak rumit, susah. Jadi saya merasakan bahawa Fasal 19 (4) ini satu yang kurang praktikal kerana dikatakan serta merta diberikan pemberitahuan.

So, saya cadangkan supaya Fasal ini dilihat semula oleh kementerian. Jangan sampai deh kerana Fasal ini menyebabkan atau menyusahkan pula tindakan-tindakan pihak Pelindung untuk melindungi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan ini sebab kalau ibu bapa mereka benar-benar memberikan perhatian kepada anak-anak mereka tentulah anak-anak itu tidak sampai terlibat dalam perkara-perkara yang negatif seperti apa yang digariskan di dalam akta ini kecuali mereka seperti yang saya sebutkan awal-awal tadi disebabkan oleh kemiskinan dan sebagainya.

Saya juga mengalu-alukan Fasa-Fasal 28 dan 93. Fsal 28 (1) berkenaan dengan anggota keluarga yang diwajibkan untuk serta merta memberitahu seorang Pelindung jika mereka mempunyai maklumat bahawa kanak-kanak di bawah jagaan mereka ataupun dalam keluarga mereka, mereka rasakan atau fikirkan dalam keadaan dcederakan secara fizikal ataupun emosi. Ini satu peruntukan yang baik dan kita alu-alukan dan kita berharap apabila nanti akta ini dikuatkuasakan maka anggota-anggota keluarga mana-mana pihak, mana-mana kanak-kanak yang menghadapi masalah

seperti yang disebutkan dalam akta ini akan bertanggungjawab untuk memberikan maklumat kepada Pelindung.

Begitu juga dengan Fasal 93 di mana kedua ibu bapa akan diwajibkan atau diperintahkan oleh mahkamah untuk mengikat bon bagi memastikan kehadiran anak-anak mereka di balai polis ataupun menghadiri sesi interaktif di pusat-pusat yang tertentu. Ini akan memastikan para ibu bapa akan bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka.

Juga saya mengalu-alukan kewujudan pusat interaktif untuk kanak-kanak yang bermasalah ini nanti di mana bukan sahaja kanak-kanak itu akan berinteraktif dengan kanak-kanak yang lain tetapi ibu bapa juga akan turut sama dapat berinteraktif dengan ibu bapa yang lain. Mungkin dalam masa itu dan di tempat itulah mereka akan dapat sama-sama mengeluarkan pandangan masing-masing dan dapat juga memikirkan dan mencadangkan cara-cara manakah pula mereka dapat memperbaiki keadaan yang dihadapi oleh anak-anak mereka dan dalam masa yang sama juga mungkin ini akan mempercepatkan lagi sekiranya kanak-kanak tadi didapati oleh mahkamah disabitkan ataupun telah diperintahkan oleh mahkamah untuk dihantar ke tempat-tempat tertentu di pusat, di asrama-asrama akhlak ataupun tempat-tempat perlindungan. Dengan adanya kehadiran ibu bapa di pusat-pusat interaktif ini maka masa-masa untuk mereka berada di tempat-tempat perlindungan ini mungkin akan dapat dipendekkan kerana dengan adanya kerjasama, dengan adanya hubungan yang baik di antara ibu bapa dan juga pihak-pihak yang berkuasa dan juga kanak-kanak yang terlibat diberikan perlindungan tersebut.

Dengan kata-kata yang demikian, saya dengan ini menyokong Akta Kanak-Kanak 2000, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Gapar bin Gurrohu]:** Sila Puan See Too Mee.

**5.00 ptg.**

**Puan See Too Mee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penggubalan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 ini yang bertujuan untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang dibahaskan kali ini merupakan satu langkah dan usaha kerajaan

untuk mengemas kini dan mempertingkatkan lagi keberkesanan undang-undang dalam menangani masalah sosial berkaitan kanak-kanak atau remaja masa kini.

Dalam negeri Johor umpamanya jumlah remaja yang ditangkap bagi kesalahan jenayah harta benda dan kekerasan memberi gambaran yang jelas keadaan jenayah di kalangan remaja iaitu sebanyak 342 kes pada tahun 1996 telah meningkat kepada 532 kes pada tahun 1999. Dari segi kes penderaan kanak-kanak juga terus meningkat dari 108 kes pada tahun 1997 kepada 116 kes pada tahun 1999 yang lalu. Perangkaan keseluruhan dalam negara juga menunjukkan peningkatan jumlah dalam semua kes sosial tersebut. Tidak dapat dinafikan masalah lain seperti remaja lari dari rumah, bohsia, amalan lepak, pelacuran dan sebagainya juga turut meningkat ke paras yang membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita semua maklum, masalah remaja atau lebih tepat salah laku muda mudi yang berunsur anti sosial merupakan satu gejala yang memerlukan respons dan perhatian yang serius daripada pihak-pihak berkuasa, yang relevan agar ianya tidak melarat dan menjadi amalan hingga ke alam dewasa. Fenomena ini bukan sahaja mencabar dan merunsingkan masyarakat malah menggugat kemampuan sistem keadilan jenayah. Sungguhpun fenomena ini memang telah wujud sejak dahulu lagi tetapi cuma kebelakangan ini ianya berkembang hingga menjadi satu isu dan sering menjadi bahan sensasi yang mengisi dada media.

Di samping itu terdapat pertubuhan-pertubuhan masyarakat yang menyuarakan kebimbangan mereka dan ada juga pihak-pihak yang mendesak pihak kerajaan bertindak lebih tegas membendung gejala itu. Kesedaran perhatian terhadap gejala ini harus bermula dari arah tindakan bersepadu semua pihak termasuk masyarakat umum. Matlamat umum ialah untuk menyekat dan mengurangkan ke paras yang minimum trend aktiviti salah laku remaja atau kanak-kanak. Peranan sistem keadilan jenayah negara ke arah mengatasi masalah ini perlu meninjau faktor-faktor yang menjadi punca masalah remaja, isi-isu berkaitan dengan penguatkuasaan dan isu-isu pemulihan yang relevan.

Tuan Yang di-Pertua, aspek perundangan setakat ini hanya dapat membantu dalam membanteras kegiatan atau salah laku para remaja atau kanak-kanak. Aspek

perundangan yang bertujuan untuk memberi penjagaan dan perlindungan di samping pemulihan bagi kanak-kanak yang terlibat. Undang-undang yang dimaksudkan ialah:-

- (i) Akta Mahkamah Juvana 1947 yang menyediakan perlembagaan prosedur dan bidang kuasa mahkamah kanak-kanak atau juvana yang berkaitan dengan penjagaan dan perlindungan juvana serta berfungsi sebagai agensi pengendalian bagi semua kesalahan jenayah yang melibatkan remaja atau kanak-kanak;
- (ii) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 yang membekalkan bidang kuasa berhubung dengan perlindungan wanita dan gadis daripada terbiar, terdedah kepada maksiat atau bahaya moral dan mereka yang memerlukan perlindungan; dan
- (iii) Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 yang menggantikan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 yang merupakan satu akta di mana peruntukan mengenai pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak dibuat dengan lebih lengkap. Akta ini membolehkan tindakan undang-undang diambil bagi melindungi kanak-kanak yang segala bentuk penganiayaan sama ada fizikal atau emosi dan juga penganiayaan dari segi seks.

Menurut Fasal 130 Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 ini, ketiga-tiga akta tersebut akan dimansuhkan berikutan penguatkuasaan undang-undang tersebut. Walau bagaimanapun, selepas mengkaji beberapa aspek rang undang-undang yang dicadangkan ini adalah didapati undang-undang yang baru merupakan satu undang-undang gantian yang lebih lengkap dengan diadakan beberapa pembaharuan seperti mana berikut:-

Fasal 2 dalam Bahagian I, tentang takrifan yang lebih jelas mengenai kanak-kanak iaitu mereka yang berumur bawah 18 tahun.

Bahagian II, mengadakan peruntukan mengenai penubuhan majlis penyelarasan bagi perlindungan kanak-kanak, fungsi dan peranannya.

Subfasal (3) fasal 10 dalam Bahagian III mengenai pelantikan pegawai akhlak yang menyebut Pegawai Kebajikan Masyarakat termasuklah Pembantu Kebajikan Masyarakat di mana pada pengetahuan saya perkara ini perlu diambil kira kesesuaian jawatan seseorang pegawai. Pegawai ini yang merupakan pengendalian mengikut peruntukan undang-undang seharusnya diberi kuasa hanya kepada pegawai yang lebih kanan sahaja, iaitu jawatannya sekurang-kurangnya bertaraf Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat seperti mana kuasa yang diberi kepada seseorang Inspektor Polis yang berlainan dengan seorang Konstabel Polis. Walau bagaimanapun, pihak jabatan masih mempunyai ruang untuk mengkaji semula fasal tersebut.

Fasal 30 subfasal (8) Bab 2 dalam Bahagian V yang menyatakan penglibatan dan kewajipan ibu bapa serta peranan mereka yang telah disyaratkan.

Fasal 32 Bab 3 dalam Bahagian V yang menyatakan kanak-kanak diperalatkan untuk tujuan pengemisan. Perkara ini tidak menjelaskan tentang kewujudan pengemis asing yang sering menggunakan kanak-kanak untuk tujuan sedemikian. Adalah wajar sekiranya golongan yang bertanggungjawab sama ada rakyat negara ini atau warga asing perlu dikenakan hukuman yang sama.

Fasal 33 Bab 3 dalam Bahagian V tentang tindakan terhadap kesalahan ibu bapa atau penjaga kerana membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan.

Di sini saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan tentang kejadian pada masa pilihan raya kecil di Lunas. Saya berasa sedih kerana apabila saya nampak beberapa kanak-kanak yang berusia lebih kurang 10 tahun berkempen untuk parti KeADILan. Mereka memegang banner di jalan raya dan meneriakkan reformasi bersama penyokong parti KeADILan. Bukankah ini salah satu child abuse? Bukankah ibu bapa kanak-kanak tersebut telah melanggar undang-undang Fasal 33 Bab 3 dalam Bahagian V. Jadi, oleh itu saya rasa mereka patutlah dikenakan hukuman yang berat kerana membiarkan anak-anak mereka terbabit dalam politik.

Fasal 46 dalam Bahagian VII yang memberi kuasa untuk tahanan sementara di suatu tempat perlindungan bagi kanak-kanak yang tidak terkawal adalah amat perlu dan wajar. Ini adalah memandangkan tiada peruntukan dalam akta sekarang bagi kanak-kanak atau remaja lelaki yang tidak terkawal.

Fasal 88 Bab 2 dalam Bahagian X tentang kewajipan untuk ibu bapa atau penjaga yang hadir di mahkamah bagi kanak-kanak merupakan satu cadangan yang perlu bagi memastikan ibu bapa atau penjaga yang sah menunaikan tanggungjawab mereka terhadap kanak-kanak berkenaan.

Fasal 92 Bab 3 dalam Bahagian X tentang cara melaksanakan sebatan yang sesuai mengikut keperluan keadaan dan kewajipan ibu bapa atau penjaga dalam menemani kanak-kanak untuk melapor diri di Jabatan Kebajikan Masyarakat atau balai polis dan di mana-mana tempat yang disyaratkan.

Fasal 99 Bab 4 dalam Bahagian X, mengenai mereka yang tidak mematuhi perintah percubaan dikenakan tindakan yang sewajarnya. Di mana sebelum ini ramai di antaranya tidak mematuhi perintah percubaan atau cuai mematuhi syarat-syarat perintah percubaan sering berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun satu perkara yang difikirkan amat penting yang mungkin telah tertinggal dalam cadangan undang-undang ini ialah penjenayahan yang dilakukan oleh kanak-kanak warga asing. Hingga setakat ini terdapat beberapa masalah yang amat sukar diatasi terhadap golongan kanak-kanak atau remaja warga asing yang telah terlibat dalam kes-kes jenayah. Mereka merupakan kaum remaja atau kanak-kanak yang masih berumur bawah 18 tahun yang tidak seharusnya dipenjarakan di atas kesalahan yang dilakukan. Malahan mereka juga tidak layak diberi perlindungan atau pemulihan di pusat-pusat pemulihan akhlak sekolah yang diluluskan atau Sekolah Henry Gurney.

Selain daripada itu, golongan yang dimaksudkan kebanyakannya tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah. Tidak dapat mengenal pasti keadaan umur yang tepat dan lebih-lebih lagi tidak dapat mengesan ibu bapa atau penjaga mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap atau telah kembali ke negara asalnya. Kewujudan golongan yang sedemikian telah merupakan satu masalah yang rumit bagi pihak yang berkuasa, pihak mahkamah dan sehingga

hari ini tidak mempunyai satu penyelesaian atau peruntukan undang-undang yang tertentu baginya.

Namun demikian, dengan berpandukan kepada keseluruhan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 yang dicadangkan adalah disimpulkan bahawa kerajaan amat mengambil berat tentang penglibatan kanak-kanak dalam gejala sosial serta betapa pentingnya peranan ibu bapa dan keluarga kanak-kanak. Ibu bapa atau penjaga yang sah diwajibkan memainkan peranan yang lebih positif dan lebih bertanggungjawab terhadap kelakuan anak-anak mereka mahupun dari segi pendidikan, pencegahan dan bimbingan ataupun proses pemulihan yang dijalankan.

Seperti yang diketahui umum, terdapat berbagai golongan remaja atau kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah atau salah laku dari sudut undang-undang moral dan etika. Golongan ini meliputi mereka yang moralnakal, terlibat secara tidak sengaja atau terlibat secara sengaja penjenayahan atau salah laku, tidak berlaku sewenang-wenangnya. Ia adalah hasil daripada keadaan dan peluang kebudayaan dan persekitaran dan paling penting ialah keadaan sosial dan psikologi mangsa itu sendiri yang berkisar kepada moral dan etika.

Berbagai pengaruh yang tidak sihat seperti jenayah menguntungkan, jenayah menjamin keselesaan hidup, jenayah membawa kepuasan nafsu, jenayah sebagai jalan keluar daripada kemiskinan atau kebosanan dan sebagainya memupuk remaja di peringkat awal ke arah kegiatan kenakalan anasir antisosial, berjinak-jinak dengan pertubuhan kongsi gelap atau kumpulan jahat, najis dadah dan jenayah kecilan. Apabila mereka sudah terjerumus ke kancah penjenayahan dan antisosial, makan akan timbul perasaan ghairah dan seterusnya terlibat dalam perlakuan jenayah yang lebih besar. Ada juga di antara mereka yang akhirnya diselimuti perasaan takut dan bagi mengelakkan daripada tindakan drastik daripada pihak berkuasa, mereka akhirnya tiada pilihan lain melainkan melarikan diri dan terus terbabit dalam arena penjenayahan.

Aspek-aspek pengaruh ini juga meliputi pengaruh-pengaruh sampingan seperti filem-filem yang mempamerkan adegan-adegan ganas dan lucu. Pusat-pusat hiburan yang bercirikan maksiat di mana pengaruh arak dan unsur seks menjadi daya tarikan dianggap sebagai faktor yang menarik remaja untuk berjinak-jinak dalam gejala

kenakalan maksiat dan akhirnya penjenayahan. Faktor kemanusiaan berkisar kepada peribadi remaja itu sendiri serta hubungan keluarga yang mencetuskan sesuatu keadaan di mana ianya menjadi daya penolak bagi seseorang remaja itu membuat keputusan untuk keluar atau lari dari rumah dan akhirnya melibatkan diri dengan penjenayahan. Kepincangan ekonomi rumah tangga menyebabkan kerukunan dan keharmonian rumah tangga itu menjadi tegang sehingga remaja tersepit di antara bahang kemiskinan dan keluarga yang mendesak. Di samping itu, keghairahan ibu bapa berusaha mendapatkan pendapatan yang mencukupi atau lebih, kepentingan anak-anak di rumah telah diabaikan. Kawalan disiplin, moral, etika dan pendidikan serta kasih sayang terhad dan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, di mana aspek pencegahan masih merupakan aspek yang utama iaitu meliputi strategi pihak berkuasa, peranan dan tanggungjawab masyarakat, peranan ibu bapa, peranan media massa, peranan agensi pendidikan dan juga peranan remaja itu sendiri. Arus perubahan sosial ekonomi masyarakat hari ini telah sedikit sebanyak menjejaskan keupayaan ibu bapa membina generasi yang bermoral dan beretika tinggi. Peranan ibu bapa adalah penting untuk membina akhlak yang mulia, bermoral dan beretika. Pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa menentukan corak aliran anak-anak mereka. Pencegahan jenayah akan menjadi lebih efektif dengan adanya komitmen, penyertaan dan penglibatan yang serius dari semua lapisan masyarakat di negara ini. Kesedaran masyarakat tentang pentingnya kerjasama mereka untuk menangani gejala sosial perlu dipertingkatkan selain daripada penggubalan undang-undang yang lebih berkesan dari semasa ke semasa. Maka, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Dijemput Yang Berhormat Puan Hajah Puziah.

**5.33 ptg.**

**Puan Hajah Puziah binti Abu Kassim:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang saya membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 digubal ekoran daripada satu perakuan yang terkandung dalam

pelan induk tindakan sosial yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri. Pelan tindakan berkenaan telah 'mengukuhkan' supaya dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, terdapat perubahan ketara dalam kehidupan masyarakat Malaysia sama ada daripada segi sosial, kebudayaan dan perhubungan. Pembangunan pesat ekonomi negara atau penghijrahan daripada luar bandar ke pusat-pusat bandar merupakan faktor yang telah memberikan kesan terhadap nilai-nilai cara hidup yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, malah gejala sosial yang sudah sekian lama wujud di negara kita seperti penganiayaan kanak-kanak, pembuangan bayi, perkosa atau rogol di kalangan kanak-kanak, kehamilan remaja, fenomena lari daripada rumah, bohsia, amalan lepak dan pelajar yang dikaitkan dengan golongan kanak-kanak sebagai satu mekanisme kini dipersoalkan dan diragui keberkesanannya.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat umum sentiasa menyuarakan kebimbangan terhadap penguatkuasaan dan peranan undang-undang terhadap hak kanak-kanak dan remaja yang menunjukkan bahawa masih terdapat ruang-ruang untuk dikemas kini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Wawasan 2020, adalah mengambil kira tanggungjawab semua pihak khususnya individu, ibu bapa, keluarga serta masyarakat. Keluarga merupakan unit penting. Pembangunan institusi keluarga yang mantap merupakan satu keperluan untuk menangani penyakit sosial terutama yang melanda kanak-kanak dan remaja. Tuan Yang di-Pertua, perlu dikaji semula sistem kekeluargaan di negara ini telah tergugat dengan pelbagai cabaran terutamanya perubahan di dalam sektor kekeluargaan, pengaruh media dan budaya.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya pembentangan rang undang-undang berkaitan amat bertepatan dengan keperluan serta kehendak negara pada masa hadapan. Sempena apa yang dikatakan oleh seorang ilmuan dan sejarah Islam termasyhur pernah mengatakan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "Turun naiknya sebuah negara ataupun tamadun adalah banyak bergantung kepada sejauh mana umatnya memegang nilai-nilai akhlak yang tinggi".

Sesungguhnya Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 yang bakal tergubal serta diguna pakai demi meletakkan dan melindungi kanak-kanak disebabkan ketidakupayaan fizikal, mental mahupun emosi. Mereka iaitu kanak-kanak adalah

khazanah ibu dan bapa hasil kurniaan Allah SWT yang akan diwariskan oleh bangsa kepada negara tanpa memperhitungkan warna kulit, jantina, bangsa, agama dan sebagainya. Rang undang-undang ini tidak dapat lari daripada unsur-unsur akhlak. Kemelutan, kemelesetan, keburukan, keruntuhan akhlak umat manusia di mana-mana sahaja menatijahkan Dewan Sidang yang mulia ini terpaksa dimanfaatkan. Membentangkan serta membahaskan rang undang-undang demi melindungi kanak-kanak. Menurut Imam Al-Ghazali Rahimullah, ibu kepada akhlak ialah Al-Hikmah atau bijaksana, berani, bersih dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2000, Malaysia bakal didiami kira-kira 33.7 juta penduduk. 15.8 juta daripada mereka merupakan wanita. Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 memberikan perhatian khusus terhadap kaum wanita yang merupakan kalangan para ibu. Amat nyata para ibu merupakan penaja utama agenda pembangunan dan pembelaan terhadap kanak-kanak. Sewajarnya lah pendekatan proaktif secara berterusan dilaksanakan bagi melahirkan para ibu yang berkualiti. Gelaran ibu misali bukan sekadar anugerah rasmi sebaliknya menjadi impian setiap mereka yang bergelar ibu. Tuan Yang di-Pertua, terdapat 13 prinsip bagi melahirkan ibu misali. Setiap ibu wajar menyerlahkan keunikan, kebijaksanaan, mempergunakan kuasa, ketertiban, pujian, bersifat baik, mendidik sifat berdikari, memiliki keluhuran budi, murah kemaafan dan bertindak secara sekeluarga. Malah mereka harus sanggup mengorbankan kepentingan peribadi. Memandu aktiviti anak-anak, memberangsang potensi, meningkatkan keterampilan keibubapaan dan sentiasa mendoakan kesejahteraan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan terhadap wanita dan para ibu bukanlah bermakna kaum lelaki dan para bapa bersifat berkecuali, kegagalan kelompok ini berkongsi sebagai pelindung rumah tangga. Membiayai kehidupan dan menjadi tempat bergantung kepada anak-anak dapat menggambarkan lagi gejala-gejala sosial di dalam masyarakat. Gejala haruan makan anak, sumbang muhrim, penderaan fizikal serta mental terhadap kaum yang lemah. Sama ada wanita dan anak-anak menjadi bukti betapa gawatnya permasalahan ini.

Angka keganasan terhadap wanita yang turut mengancam kehidupan kanak-kanak cukup membimbangkan. Tahun 1999, menyaksikan sejumlah 3,502 kes

keganasan terhadap wanita berlaku di seluruh negara. Dalam tempoh tersebut, 1,469 wanita menjadi mangsa rogol manakala sejumlah 1,316 wanita telah dicabul kehormatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000, amat perlu monopoli sumber tenaga yang bakal disumbangkan oleh kanak-kanak pada masa hadapan seandainya pembelaan terhadap menjadinya penyumbang atau penyambung kepada masa depan anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan menamatkan pembayaran pencen kepada balu-balu kematian suami perlu dikaji semula. Rasional pemotongan pencen di atas alasan balu-balu berkahwin kali kedua perlu dipertimbangkan semula. Bukan semua perkahwinan berakhir dengan kebahagiaan. Penceraian hidup kali kedua juga boleh berlaku. Suami kedua tidak semuanya sebaik suami pertama. Kehancuran rumah tangga balu mestinya mengorbankan anak-anak. Para ibu atau ibu tunggal atau balu-balu yang begitu bergantung harap kepada pembayaran pencen demi menyara anak-anak terpaksa menahan runtunan nafsu untuk berkahwin. Peraturan ini secara langsung mengundang peningkatan gejala sosial. Negara sudah cukup menderita dengan gejala sosial yang melanda para remaja. Remaja atau belia adalah penjamin pembangunan di era Wawasan 2000. Sesungguhnya 43 daripada jumlah penduduk Malaysia adalah remaja. Sebaliknya gaya hidup moden remaja masa kini telah menghakis nilai-nilai murni.

Ketua Pengarah Belia Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Raja Roslan mengesahkan satu laporan berkaitan gaya hidup remaja. Menurut beliau, 40% remaja membaca dan menonton bahan lucah. 18% terbabit di dalam hubungan seks sebelum berkahwin...

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri minta laluan sekejap. Jemput.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan, bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 dibahas dan diputuskan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Jemput Yang Berhormat. Panjang lagi?

**Puan Hajah Puziah binti Abu Kassim:** Tidak, ada sikit lagi.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Okay. Jemput.

**Puan Hajah Puziah binti Abu Kassim:** Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, 40% remaja membaca dan menonton bahan lucah, 18% terbabit dengan hubungan seks sebelum berkahwin, 26% berjudi, 17% merokok, 14% menagih dadah dan 25% terbabit dengan ketagihan arak.

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan sebarang rang undang-undang bergantung kepada mekanisme pelaksanaan. Aspek ini melibatkan beberapa persoalan dan peningkatan iaitu:

- (i) Penerimaan dan pemahaman masyarakat.
- (ii) Kesiediaan masyarakat untuk tampil bersama laporan bertanggungjawab berkaitan pembelaan terhadap kanak-kanak.
- (iii) Keberkesanan hukuman yang dijatuhkan sama ada berbentuk denda, rotan dan penjara sepertimana kegagalan undang-undang seperti mandatori terhadap pendedaran dadah.
- (iv) Jumlah Pegawai Penguatkuasa yang bakal memiliki amanah menguatkuasakan rang undang-undang ini.
- (v) Kesuraman amalan mengutamakan kejahilan kanak-kanak terutamanya di kalangan golongan kerajaan menjadikan permasalahan sedemikian rumit.

Tuan Yang di-Pertua, di antara yang menjadikan gejala-gejala sosial yang perlu kita fahami atau kita ketahui yang mana kita tahu, kerajaan meluluskan lesen untuk operasi permainan video dengan tujuan memberi peluang atau kemudahan bagi mereka yang ingin memenuhi masa lapang atau bersantai. Dasarnya sama seperti pemberian lesen kepada pengusaha kelab-kelab rekreasi seperti karaoke, disko, cyber cafe dan lain-lain hiburan. Di dalam syarat-syarat operasi video ini, sememangnya telah termaktub bahawa anak-anak di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan memasuki premis permainan video. Di peringkat awal, mesin-mesin video yang dibekalkan oleh pengusaha pusat-pusat permainan video hanya berbentuk kemahiran seorang bermain dalam perlumbaan kereta atau memandu pesawat dengan menghadapi berbagai-bagai halangan. Tuan Yang di-Pertua, andainya permainan ini berjaya melepasi halangan jarum lulus 'kelenda' dan mereka boleh meneruskan permainan. Bagaimanapun, lama kela maan permainan yang disediakan bertambah dan akan dipelbagaikan.

Dikatakan ada juga mesin yang mempamerkan wanita bogel dan lain-lain, bahan lucah malah ada mesin yang menggalakkan permainan judi. Dalam pada itu, kelalaian pihak penguat kuasa undang-undang khususnya pihak penguat kuasa telah menyebabkan ramai kanak-kanak di bawah umur 18 tahun sering sahaja mendatangi pusat permainan video ini yang berselerak di seluruh pekan dan bandar. Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih merangsangkan kita lagi ialah kewujudan pusat permainan video [*Disampuk*].

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Ha...Yang Berhormat, oleh kerana ini bulan puasa, takut kita tidak sempat berbuka, boleh dipendekkan sikit?

**Puan Hajah Puziah binti Abu Kassim:** Okay. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana baru ini kita tahu, pihak polis dengan kerjasama penguat kuasa telah menjalankan operasi merampas video-video di pusat-pusat permainan dimusnahkan. Apa yang menyedihkan kita baru-baru ini perkembangan terakhir menunjukkan bahawa wujud tafsiran baru daripada segi mesin video yang dibenarkan undang-undang dan mesin yang diharamkan oleh undang-undang. Perkembangan ini sudah tentu mengejutkan pihak yang selama ini berjuang bermati-matian untuk membanteraskan kewujudan premis ini. Sehubungan itu kita mintalah, sayalah minta

menteri yang berkenaan Dato' Seri Ong Ka Ting supaya menjelaskan tafsiran alat yang dikatakan dibenarkan dimainkan di kelab rekreasi atau tempat-tempat hiburan. Kita tidak mahu alasan untuk membenarkan alat-alat ini dibenarkan atas desakan oleh para pengusaha video ini. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Sekarang kita jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**5.30 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, seramai 10 Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan bagi Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Saya bagi pihak kementerian mengucapkan ribuan terima kasih. Memandangkan masa tidak mengizinkan dan juga kita menghormati sahabat-sahabat kita yang beragama Islam yang perlu membuka puasa, saya cuba meringkaskan seberapa banyak yang boleh. Tetapi jika perlu apa-apa jawapan yang lebih lanjut, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan boleh jumpa saya.

Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi telah menyebut tentang gadis-gadis berusia di antara 18 hingga 21 tahun, beliau telah menyebut bahawa ianya tidak diambil kira dalam akta ini. Perkara ini juga telah disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain. Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 takrif 'kanak-kanak' adalah seorang yang berumur di bawah 18 tahun. Oleh itu, mereka yang telah mencapai umur 18 tahun dianggap dewasa akan dilayan, treated, dengan izin, sebagai orang dewasa. Dengan berkuat kuasanya undang-undang ini perlindungan kepada mereka yang berumur 18 hingga 21 tahun tidak diberi di institusi kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sekiranya ada di antara yang memerlukan perlindungan mereka bolehlah merujuk kepada institusi perlindungan yang dikelolakan oleh NGO-NGO.

Satu lagi perkara yang mustahak dalam hal ini, rang undang-undang ini hanya akan dikuat kuasa apabila kita membuat penggubalan kepada Kanun Keseksaan (Panel Code) di mana berkaitan dengan gadis-gadis di antara umur 18 hingga 21 akan

diambil kira. Kalau tidak, kalau kita wartakan sekarang seperti kata Ahli-ahli Yang Berhormat, gadis-gadis di antara 18 hingga 21 tahun akan mengalami satu masalah besar. Jadi, kita sedar tentang masalah ini dan penggubalan akan berlaku sebelum kita wartakan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 ini.

Beliau juga telah sebut pertunjukan berkaitan dengan anak-anak di bawah umur di beberapa tempat. Kementerian sentiasa mengambil daya usaha untuk mewujudkan kesedaran di kalangan semua lapisan masyarakat supaya kanak-kanak tidak disalahgunakan dalam semua aspek termasuklah dalam kegiatan hiburan. Mereka tidak boleh gunakan untuk mencari duit dan lain-lain.

Ada juga satu lagi Yang Berhormat telah menyebut tentang apa yang berlaku di Lunas di mana ada anak-anak yang telah teriak 'reformasi' dengan menggunakan bendera-bendera. Ini adalah satu perkara di mana kita tidak boleh mengambil tindakan undang-undang kerana mereka kalau hadir dengan ibu bapa sama sekali di satu tempat markas yang telah diberi kebenaran maka kita tidak boleh ambil tindakan. Tetapi saya merayu kepada semua pihak jangan menggunakan kanak-kanak dalam perkara seperti ini. Jangan menggunakan kanak-kanak untuk berdemonstrasi dan lain-lain, sebab kita mesti mengajar anak-anak kita supaya menghormati undang-undang, menghormati pemimpin, pemimpin-pemimpin bukan sahaja daripada pihak kerajaan, juga pemimpin-pemimpin daripada pihak pembangkang. Perkara ini adalah mustahak sebab kita mahu anak-anak kita semua menjadi warganegara yang berguna yang sayang dan menghormati undang-undang. Ini mustahak bagi masa hadapan negara kita.

Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi juga telah menyebut tentang mencari pendapatan perlu mendapat kaunseling. Kementerian bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat akan merancang program-program yang sesuai untuk menangani masalah ini, kaunseling bagi ibu bapa yang membenarkan anak-anak mereka untuk mencari pendapatan.

Beliau juga telah menyebut tentang prosedur birokratik mengenai masalah juvana seperti penangkapan dan penempatan amat perlu diberi perhatian dan kerjasama antara Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Polis amatlah penting. Kementerian memang sentiasa menjalinkan kerjasama erat

dengan pihak polis dengan segala hal yang melibatkan juvana supaya dapat dikurangkan prosedur birokratik agar apa-apa masalah juvana dapat ditangani dengan secepat yang boleh dengan wajarnya.

Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh telah menyebut tentang kursus bagi keibubapaan, sebenarnya kementerian saya dan juga melalui LPPKN sentiasa mengadakan beberapa kursus keibubapaan di seluruh negara supaya ibu bapa sedar betapa pentingnya memberi ruang masa untuk anak kita supaya mereka boleh hidup dalam suasana kasih sayang. Ini adalah satu perkara yang kita semua perlu mementingkan apabila sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat bila pergi ke hadapan orang ramai saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengekalkan ataupun memberitahu kepada orang ramai betapa penting mereka memberi masa untuk anak-anak mereka. Biasanya ibu bapa memberi segalanya, mereka memberi duit untuk membeli buku, pakaian dan lain-lain. Tetapi mereka tidak memberi masa yang penting bagi anak-anak mereka.

Mereka perlu memberi masa sekurang-kurangnya satu, dua jam setiap hari supaya anak mereka dapat bercerita memberitahu masalah mereka, mereka sama-sama berbincang, ini akan mewujudkan satu suasana yang baik dan kita mengadakan satu keluarga yang bahagia. Ini adalah penting dan kita semua boleh memainkan peranan yang penting dalam hal ini.

Beliau juga telah menyebut tentang memantau ibu bapa dan anak diberi kaunseling sebagai sebuah keluarga, ini yang saya telah katakan sedang dijalankan.

Beliau juga telah menyebut supaya kita perlu memberi latihan kepada kaunselor. Aspek latihan kaunselor sentiasa diberikan penekanan oleh pihak kementerian. Sehingga kini, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan pelbagai bentuk kursus kaunseling kepada pegawai-pegawainya, ini termasuklah memberi peluang membangkitkan pelajaran ke peringkat ijazah lanjutan untuk peringkat diploma, di samping itu kursus juga dijalankan di jabatan sendiri yang merupakan kursus jangka pendek. Untuk makluman, sehingga kini sejumlah 103 pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperoleh kelulusan dalam bidang kaunseling dan peringkat ijazah lanjutan atau diploma.

Kementerian saya juga untuk melaksanakan rang undang-undang ini akan mengambil, ini secara dasar, Kabinet telah bersetuju lebih kurang 140 pegawai akan dilantik dan daripada 140 pegawai ini, lebih kurang 40 orang lebih ialah kaunselor-kaunselor juga akan dilantik supaya mereka boleh memberi ka unseling bersama-sama dengan 103 pegawai yang kita sedia ada.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri telah menyebut tentang Perkara 4(1) berhubung dengan Majlis, di mana beliau telah menyuruh supaya kita lantik pegawai-pegawai yang mahir khasnya daripada badan-badan agama. Pelantikan wakil dari JAKIM, wakil daripada lain-lain institusi agama yang layak ke dalam Majlis penyelarasan bagi perlindungan kanak-kanak boleh dibuat secara pentadbiran di bawah Fasal 4(1) (n).

Wakil dari JAKIM dan wakil lain-lain yang disebut tadi sememangnya boleh dipertimbangkan kerana Fasal 4(1)(n) menyebut antara lain, kelayakan orang yang dilantik ialah orang yang mahir dan arif dalam hal keagamaan. Kementerian akan memastikan bahawa penyertaan dan penglibatan semua pihak adalah seimbang. Beliau juga sebagai mukadimah telah menyebut tentang ada perkara-perkara pada masa dahulu bahawa anak-anak, wanita-wanita dianggap sial apabila dilahirkan, perkara itu juga berlaku dalam kaum-kaum lain pada masa dahulu, tetapi pada masa sekarang tidak ada masalah, sebab pada masa dahulu, kita semua tertumpu kepada kekuatan tangan untuk bercucuk tanam, kita perlu lelaki. Pada masa sekarang, kita menggunakan otak Jadi apa yang berlaku sekarang, kalau kita lihat di universiti-universiti, ada lebih ramai wanita daripada lelaki.

Jadi, nanti satu masa akan datang, semua pengurusan barangkali dilakukan oleh wanita-wanita. Boleh jadi nanti satu masa, Menteri Besar Negeri Kelantan boleh jadi seorang wanita juga.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga telah menyebut tentang peranan ajaran agama di asrama akhlak. Ini adalah satu perkara yang mustahak dan kementerian saya sedar tentang hal ini dan JAKIM juga sudah memberi persetujuan supaya mereka akan menghantar pegawai-pegawai kepada asrama-asrama akhlak untuk memberi kursus dan juga untuk mengajar berkaitan dengan agama kepada peserta-peserta yang ada di asrama akhlak. Dan juga asrama akhlak juga

membenarkan NGO-NGO ataupun badan-badan agama yang berhampiran supaya datang ke asrama akhlak ini dan memberi ajaran, boleh jadi ajaran Islam ataupun ajaran agama-agama lain, jika ada peserta-peserta yang beragama berlainan yang tinggal di asrama akhlak itu.

Pengendali asrama akhlak perlu diberi penekanan kepada keperibadian akhlak yang baik, sebagai contoh kepada kanak-kanak di asrama tersebut. Semua pegawai-pegawai dan kakitangan yang mengendalikan asrama akhlak sentiasa dilatih khusus untuk membolehkan mereka mengendalikan asrama dengan sempurna termasuk pendedahan dalam bidang agama, aspek keibubapaan dan juga supaya mereka sentiasa mengambil berat tentang anak-anak yang ada di bawah jagaan mereka.

Cadangan pada kementerian supaya melantik satu jawatankuasa khas terdiri dari ahli-ahli agama untuk mengurangkan masalah kanak-kanak. Cadangan ini merupakan satu cadangan yang baik. Kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan cadangan Yang Berhormat akan diberikan perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Syed Ghany telah berharap supaya rang undang-undang ini diluluskan, dikuatkuasakan maka akan adanya penguatkuasaan yang efektif, berkesan bagi memelihara kepentingan perlindungan kanak-kanak. Memang itulah harapan kementerian dan ini dapat dilakukan dengan kerjasama dan keprihatinan semua pihak, latihan yang secukupnya akan diberikan kepada agensi di bawah kementerian, agensi penguatkuasaan yang lain supaya matlamat penggubalan akta ini akan tercapai.

Kementerian juga meminta supaya ibu bapa meminta kanak-kanak bekerja menyebabkan mereka gagal dalam hidup. Kanak-kanak ini juga berkemungkinan terjerumus dalam gejala tidak sihat, maknanya ibu bapa minta anak-anak untuk bekerja dan ini boleh menjadikan satu masalah sosial yang tidak sihat. Terdapat juga ibu bapa yang miskin, yang tidak mampu menghantar anak ke sekolah, maka mereka hantar anak-anak ini untuk bekerja.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membantu beratus-ratus orang kanak-kanak dengan memberi setiap rumah, setiap keluarga sebanyak RM60 setiap seorang kanak-kanak,

maksimumnya adalah RM250 supaya mereka boleh bersekolah, setiap bulan diberi. Dalam tahun 1999 sahaja lebih RM10 juta telah diperuntukkan kepada kanak-kanak supaya mereka dapat pergi ke sekolah. Memang ada beberapa orang ibu bapa tidak menghantar anak-anak ke sekolah, jadi saya minta semua Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu dan sesiapa sahaja yang berkaitan, jika ada keluarga miskin dan perlu bantuan, tolong berhubung dengan pegawai kebajikan supaya keluarga ini dapat dibantu. Ini mustahak supaya kita boleh memberi satu kehidupan yang baik kepada anak-anak yang berkaitan.

Yang Berhormat Puan Hajah Che Jam, beliau telah membangkitkan tentang pelantikan lembaga yang disebut dalam subseksyen 82 Rang Undang-undang Lembaga Pelawat, setiap tiga tahun sekali tetapi dikatakan bahawa pelantikan lambat diproses. Sebenarnya pelantikan baru yang lambat diproses. Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya perkara ini tidak berulang. Setiap tempat perlindungan ada jawatankuasanya dan jawatankuasa itu juga diberitahu bila tempoh masanya akan tamat dan biasanya tempoh masa itu dapat diperbaharui. Saya akan minta supaya pegawai-pegawai saya mengkaji perkara ini dan mengambil tindakan jika pelantikan ini lambat sebab jawatankuasa ini adalah penting.

Saya telah melawat beberapa tempat perlindungan kanak-kanak, jawatankuasa ini memainkan satu peranan yang penting untuk menjaga anak-anak kita yang ada dalam kawasan perlindungan ini. Mereka menyediakan beberapa aktiviti bagi kanak-kanak beberapa latihan kemahiran. Apabila mereka tinggalkan rumah-rumah ini, mereka dapat kerja dan juga dapat memulakan satu kehidupan baru.

Ada satu tempat perlindungan kanak-kanak di mana jawatankuasa itu menyimpan lebih RM1 juta dalam bank, mereka dapat kumpul dan mereka membesarkan kawasan itu, kawasan itu begitu cantik, ini adalah sesuatu yang kita perlu berterima kasih kerana tindakan-tindakan yang telah diambil oleh jawatankuasa ini.

Beliau juga telah menyebut institusi kebajikan kanak-kanak amat terhad dan kakitangan yang bertugas adalah tidak seimbang dengan penghuni. Pihak kementerian sedar dengan keadaan bilangan kakitangan khususnya pengasuh kepada kanak-kanak di institusi yang amat terhad dan tidak seimbang dengan bilangan

penghuni. Walau bagaimanapun, pihak kementerian dan jabatan sentiasa mengkaji dari masa ke semasa supaya ratio antara kanak-kanak dengan pengasuh sentiasa mengikut yang ditetapkan untuk menentukan jagaan terhadap kanak-kanak ini dengan baik.

Dalam cadangan penstrukturan Jabatan Kebajikan Masyarakat, jabatan telah memohon tambahan bilangan pengasuh kanak-kanak di institusi untuk mengembangkannya ratio kanak-kanak dan pengasuh. Beliau juga telah menyebut tentang bayi-bayi di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat ada calon ibu bapa tetapi malangnya proses pengangkatan terlalu lambat. Memang menjadi hasrat jabatan supaya bayi-bayi yang diberi perlindungan di institusi diberi untuk dijadikan anak angkat kepada ibu bapa angkat seawal-awalnya mungkin. Bagaimanapun kelewatan mungkin berlaku kerana masalah prosedur dan juga pengesahan status bayi itu, penyediaan dokumen-dokumen dan masalah-masalah lain yang berkaitan dengan undang-undang.

Sebenarnya, bagi tahun 2000 setakat ini permohonan ada lebih kurang 52 tetapi bayi yang ada untuk diberi hanya 32 yang kita telah beri. Jadi, sebenarnya masalah ini tidak wujud bayi yang tidak mencukupi. Masalah ini tidak begitu ketara tetapi kita sentiasa mengambil kira supaya kita boleh mengelakkan masalah ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Che Jam binti Haron juga telah sebut tentang NGO yang hendak menubuhkan taska boleh dikenakan syarat yang ketat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Penubuhan sesebuah taska tertakluk kepada Akta Taska 1994 serta peraturan berkaitan. Syarat-syarat yang ditetapkan merupakan minimum standard yang perlu dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha taska. Komen tentang kanak-kanak tidak diberi peluang mendapat latihan kemahiran seperti kanak-kanak lelaki di rumah, budak lelaki dan lain-lain.

Pihak jabatan sentiasa mengkaji peluang untuk memberi peluang kemahiran bagi kanak-kanak supaya mereka boleh menjadi warganegara yang berguna apabila mereka meninggalkan institusi ini. Biasanya ada latihan seperti motor mekanik, bakeri, elektrik, memperbaiki elektrik dan banyak. Saya berharap Yang Berhormat dapat melawat tempat-tempat perlindungan ini supaya dapat tahu begitu banyak kerja yang dijalankan untuk membantu anak-anak kita yang bermasalah itu.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani juga telah meminta Jabatan Kebajikan Masyarakat mengawal selia taska bagi memastikan mutu perkhidmatan dapat dijamin. Kawalan ke atas taska-taska yang beroperasi di negara ini adalah melalui penguatkuasaan Akta Taska 1984. Sebelum sesuatu perakuan pendaftaran dilakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal yang lain perlu dipatuhi. Taska tersebut perlu juga mendapat kelulusan daripada Majlis Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kesihatan. Dalam tahun 2000 lebih kurang 20 aduan mengenai kecuaiian dan keadaan yang kurang memuaskan di taska diterima.

Taska-taska di rumah perlu juga berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Buat masa kini Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri diminta menyediakan daftar mengenai taska-taska di rumah yang beroperasi di negeri-negeri. Pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat memantau taska-taska ini dengan membuat lawatan-lawatan ke taska berkenaan. Pengasuh sesebuah taska diwajibkan menghadiri kursus asas pengasuhan kanak-kanak yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat Senator Datuk William Lau Kung Hui telah meminta bagaimana menyelaraskan undang-undang yang bercanggah seperti Marriage and Reform Act dan Rang Undang-undang Kanak-kanak. Dalam kes perceraian, mahkamah agak berat untuk meluluskan perceraian kerana *in the best interest of the child the paramount consideration*. Kedua undang-undang yang disebut oleh Yang Berhormat tidak bercanggah *Law Reform (Marriage and Divorce) Act* adalah berakitan dengan perkahwinan dan perceraian. Rang Undang-undang Kanak-kanak pula bermatlamat melindungi dan memelihara kanak-kanak selain memfokuskan juga aspek pemulihan.

Dalam sesuatu kes perceraian saya yakin mahkamah tidak akan meluluskan sesuatu perceraian itu mesti mempunyai alasan sendiri dalam berbuat demikian dan tidak semata-mata kerana perceraian akan menjejaskan kepentingan kanak-kanak.

Tidak terdapat apa-apa peruntukan dalam menangani masalah kanak-kanak menjadi mangsa sumbang muhrim. Kes-kes sumbang muhrim (*incest*) juga dikategorikan sebagai penderaan seksual di bawah rang undang-undang ini. Kanak-

kanak yang menjadi mangsa *incest* juga tergolong di bawah kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan perlindungan di bawah Seksyen 17.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun telah memohon gadis berumur 18 dan bawah 21 tahun juga diberi perhatian. Saya telah menjawab soalan ini semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Puan Chew Poh Thoi.

Beliau juga telah sebut Seksyen 19(4) rang undang-undang adalah tidak praktikal kerana dalam kes-kes tertentu umpamanya kanak-kanak yang dijadikan peminta sedekah ibu bapa sukar dihubungi. Peruntukan ini menyusahkan Pelindung. Sebenarnya mereka yang diberi kuasa untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak diminta supaya ibu bapa dicari. Kalau ibu bapa dapat dikesan, mahkamah akan ikat satu bon supaya ibu bapa akan bertanggungjawab atas anak-anak itu. Jika ibu bapa tidak dapat dicari, ianya akan dibawa ke mahkamah dan melalui mahkamah akan ditempatkan di satu tempat perlindungan di mana kita akan memberi segala kemudahan supaya anak itu dibesarkan dalam suasana yang lebih baik daripada minta sedekah.

Kementerian perlu memberikan suasana yang lebih selamat bukan sahaja kepada kakitangan institusi tetapi juga kepada penggunanya. Aspek keselamatan sama ada bagi penghuni ataupun kakitangan diberi perhatian oleh pihak kementerian dan dari masa ke semasa institusi akan diberi peruntukan khas untuk meningkatkan keselamatan jika didapati perlu.

Perkhidmatan pakar kanak-kanak di institusi-institusi, beliau juga telah sebut tentang pakar-pakar, saya juga telah jawab tentang perkara ini bagaimana kita telah memberi latihan kepada pegawai-pegawai dan juga kita akan melantik beberapa orang kaunselor-kaunselor untuk memberi perkhidmatan ini. Latihan di asrama adalah tradisional tetapi dalam dunia yang mencabar dan era Internet, anak-anak gadis perlu diberi latihan yang lebih daripada memasak dan menjahit.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bukan sahaja memasak, menjahit, mereka juga diberi latihan catering. Ada hotel-hotel terkemuka datang, saya melawat satu tempat di Sabah di mana sebuah hotel besar datang sana dan mereka memberi latihan. Saya telah pergi ke satu restoran yang dikendalikan oleh anak-anak ini dan

masakan begitu lazat dan cara mereka melayan pun begitu baik. Saya percaya apabila mereka keluar daripada asrama itu mereka akan terus bekerja dalam hotel-hotel besar ini. Bukan sahaja itu, buat masa ini kita juga tidak lupakan IT bagi anak-anak ini. Anak-anak ini ada tempat-tempat lain akan memberi latihan dalam skill IT supaya mereka dapat menggunakan komputer-komputer.

Yang Berhormat Puan See Too Mee telah membangkitkan mengenai pembantu kebajikan masyarakat boleh dilantik sebagai pegawai akhlak. Adalah wajar pegawai atau penolong pegawai kebajikan sahaja dilantik sebagai pegawai-pegawai akhlak. Perkara ini akan diambil kira biasanya apabila pelantikan pegawai akhlak adalah di antara pegawai-pegawai ataupun penolong-penolong pegawai kebajikan seperti kehendak Puan See Too Mee.

Beliau juga telah menyebut tentang penjenayah kanak-kanak yang terdiri daripada warganegara asing tidak diperuntukkan dengan kes-kes ini. Kes-kes yang melibatkan warganegara akan dibicarakan sama seperti kes-kes yang melibatkan warganegara Malaysia. Undang-undang tidak membezakan antara kanak-kanak warganegara Malaysia dan warganegara asing. Mukadimah Rang Undang-undang ini dengan jelas memperuntukkan bahawa perlindungan dan bantuan kepada semua kanak-kanak dalam segala hal keadaan tanpa mengira apa-apa jenis berbezaan seperti *race*, warna kulit, jantina, bahasa, agama asal usul atau kecacatan fizikal, mental atau emosi ataupun apa-apa status lain.

Yang Berhormat Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim juga telah menyebut tentang sistem kelengkapan dengan ini telah terpinggir ekoran pengaruh media. Ini perlu dikaji semula. Perkara ini akan dikaji oleh kementerian saya.

Penamatan bantuan kewangan, pencen kepada balu, ibu tunggal yang berkahwin kali kedua perlu dikaji semula. Perkara yang melibatkan pembayaran pencen kepada balu, ibu tunggal atau kepada mana-mana pihak juga berada di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam dan bukan kementerian saya. Tetapi saya percaya cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Puizah itu adalah satu cadangan yang baik dan kementerian saya boleh membawa perkara ini kepada kementerian dan jabatan yang berkenaan.

Minta penjelasan Yang Berhormat Dato' Ong Ka Ting mengenai tafsiran alat video yang dibenarkan di pusat-pusat hiburan. Perkara ini akan dipanjangkan kepada Menteri yang berkenaan untuk memberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengenal pasti dan telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000. Kepada semua pandangan yang positif akan diambil kira oleh kementerian saya. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kerana semua Yang Berhormat telah mementingkan kesejahteraan kanak-kanak. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua yang beragama Islam dan kepada yang beragama Kristian diucapkan selamat menyambut hari Krismas dan kepada tuan-tuan Yang Berhormat pegawai-pegawai kerajaan semua saya ucapkan Selamat Tahun Baru.

Sekian. Terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini bacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Gapar bin Gurrohu *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 135** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Pendahuluan** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

[Tuan Haji Gapar bin Gurrohu *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Jam menunjukkan pukul 6.06 minit, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga ke hari esok iaitu 19 Disember 2000 pukul 10.00 pagi.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.06 petang.*

11 November 2000

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.  
(Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,  
S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T.  
(Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)

“ Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Dilantik)

“ Timbalan Menteri Pendidikan,  
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.  
(Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun  
(Dilantik)

- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Tibok-Vanhouten (Sabah)
- “ Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Datuk Gha zi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk M. Kayveas (Dilantik)
- “ Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)

- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- " Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor (Dilantik)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara**

Abdullah Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Mashitah binti Kamaruddin  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd. Azmi bin Embong  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

<b>Jilid II</b>	<b>Bil. 28</b>	<b>Isnin</b>	<b>18 Disember 2000</b>
-----------------	----------------	--------------	-------------------------

---

**K A N D U N G A N**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)
- Urusan Mesyuarat (Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**(Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perbekalan 2001 (Halaman 29)
- Rang Undang-undang Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan)  
(Pembubaran) 2000 (Halaman 41)
- Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 (Halaman 66)

**USUL:**

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 118)